



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



**KOLEKSI TEKS UCAPAN
MENTERI PERPADUAN NEGARA
JILID 1 (JANUARI - JUN)**

2025

**KOLEKSI TEKS UCAPAN
MENTERI PERPADUAN NEGARA
JILID 1 (JANUARI – JUN)
2025**

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

CHM DR. SHATESH KUMAR SANGAR

Setiausaha Akhbar
Menteri Perpaduan Negara

FAUZIAH BINTI ABDULLAH

Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara

KETUA PENGARANG

NUR EMIELIANA BINTI ISHAK

PENGARANG

NUR FARHANA ABDUL RAZAK
AIMAN MUZZAMMIL BIN SUHAIMEE
AZRAM FEERDAUS BIN ZAINAL ABIDIN

JURUFOTO

MOHAMMAD NUR IKMAL BIN USMAN
AHMAD SAOFIE BIN AZMAN SHAH
MOHD ZUHAIRI BIN MOHAMAD KHIR

ISBN 978-967-2709-23-7



DITERBITKAN OLEH:

Kementerian Perpaduan Negara

Aras 5-10, Blok F9, Parcel F,
Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, Malaysia
Tel: 03-8091 8000
Laman Web: www.perpaduan.gov.my

Hak cipta terpelihara Kementerian Perpaduan Negara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu

ISI KANDUNGAN

M/S

1	MAJLIS AMANAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2025
11	MAJLIS MALAM GEMILANG ANJUNG BESTARI@PNM
16	MAJLIS PELANCARAN PORTAL BANTUAN KEWANGAN PROGRAM PERPADUAN (BKPP)
20	KITA MEREKA MALAYSIA, <i>CELEBRATING 59 YEARS OF THE TUNKU ABDUL RAHMAN FOUNDATION</i>
25	PROGRAM JEJAK HARMONI SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA SEDUNIA (WIHW) TAHUN 2025
30	MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN HARMONI TAHUN 2025
37	MAJLIS MEMPERINGATI YANG TERAMAT MULIA ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ
42	<i>YSS STRATEGIC PARTNERS APPRECIATION NIGHT AND THE SIGNING OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN YAYASAN SUKARELAWAN SISWA (YSS) AND THE HO CHI MINH CITY YOUTH UNION</i>
48	MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BILANGAN 1 TAHUN 2025
54	PROGRAM CILIK PERPADUAN KEMBALI KE TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN TAHUN 2025
60	MAJLIS IFTAR RAMADAN HARMONI 2025 SEMPENA PROGRAM JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2025
64	MESYUARAT MEXUNITY BILANGAN 1 TAHUN 2025
70	MAJLIS APRESIASI HARMONI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
75	SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

ISI KANDUNGAN

M/S

79	MAJLIS PELANCARAN KAWASAN RUKUN TETANGGA BAHARU SRI AMAN TAHUN 2025
85	MAJLIS BUKA PUASA PERPADUAN ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)
89	MAJLIS PELANCARAN LAPORAN RASISME MALAYSIA 2024
93	MAJLIS IFTAR PERDANA NGO <i>FAMILY OF CHARITY</i>
97	MAJLIS PERASMIAN <i>KICK OFF</i> SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI MELAKA
102	MAJLIS PERASMIAN PERAYAAN SONGKRAN KAMPUNG TASEK 2025
106	MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT SEMPENA HARI BUKU DAN HAK CIPTA SEDUNIA
112	<i>EMPOWERING EDUCATION SUMMIT 2025</i>
117	MAJLIS PELUNCURAN PAMERAN SEMANGAT ASEAN, PAMERAN KARYA AGUNG DAN MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI JABATAN MUZIUM NEGARA (JMM)
122	PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SARAWAK TAHUN 2025
127	MAJLIS PENUTUPAN MADANI BERKHIDMAT: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2025
132	<i>18th CCM TRIENNIAL GENERAL ASSEMBLY</i>
136	PROGRAM ARKIB@SEKOLAH “BERMULANYA DI SINI”
141	MESYUARAT MPPN BILANGAN 1 TAHUN 2025
147	<i>ROUND TABLE DISCUSSION</i> NEGARA BANGSA MADANI
154	MAJLIS RUMAH TERBUKA TAHUN BARU TELUGU PERINGKAT KEBANGSAAN (UGADI FEST)

ISI KANDUNGAN

M/S

159	MAJLIS PELANCARAN PROGRAM ARKIB KOMUNITI
164	SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI JOHOR
169	<i>PROGRAMME: MALAYSIA INTERNATIONAL MUSEUMS DAY SEMINAR 2025</i>
174	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-13 YAYASAN SUKARELAWAN SISWA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
178	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2024 DAN SANJUNGAN BUDI 2025 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
183	MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PUSAT REPOSITORI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA-PERLIS (PRPNM-PERLIS)
188	<i>19th MIRI DIVISION GAWAI DAYAK CELEBRATION</i>
192	<i>BUILDING A UNITED MALAYSIA: INVESTING IN SOCIAL COHESION Report Launch Event and Call to Action Architects of Diversity</i>
197	MAJLIS KARNIVAL DAN PENYAMPAIAN HADIAH HARI BAHASA IBUNDA ANTARABANGSA 2025
202	<i>IN CONJUNCTION WITH THE 19TH CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS (CONSAL XIX) OPENING CEREMONY OF CONSAL XIX</i>
207	MAJLIS APRESIASI SERTA SAMBUTAN PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI
212	TOWNHALL KESELAMATAN DAN PERPADUAN TAHUN 2025 TEMA : MENJULANG PERPADUAN, MEMPERKASA KESELAMATAN
219	MALAM MUHIBBAH 2025 (<i>THE PURE LIFE SOCIETY</i>)
224	<i>THE GRAND FINALE OF "LAGU KITA" – SABAH MULTICULTURAL SONGWRITING AND BAND COMPETITION</i>



MAJLIS AMANAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2025

14 JANUARI 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Pertama sekali, izinkan saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2025** kepada semua. Tahun baharu sentiasa membuka peluang baharu untuk kita melangkah lebih jauh, dengan semangat dan azam yang tinggi, demi kejayaan bersama. Saya mendoakan agar tahun ini membawa keberkatan, dan kejayaan kepada kita semua.

Saya ingin juga mengalu-alukan **kehadiran semua jentera perpaduan** yang merangkumi pelbagai latar belakang dan generasi. Antara yang hadir pada hari ini adalah:

- **Anggota Kawasan Rukun Tetangga**
- **Anggota Skim Rondaan Sukarela**
- **Sekretariat Rukun Negara**
- **Kelab Rukun Negara**
- **Alumni Sukarelawan Siswa**
- **Skuad Uniti**
- **Mediator Komuniti**
- **Tabika Perpaduan**
- ***Friends of Unity***
- **Rakan Strategik Perpaduan**
- **Rakan Media Perpaduan**



Kementerian Perpaduan Negara dan agensi dibawahnya sentiasa memberikan tumpuan khusus kepada tiga objektif yang digariskan dalam **Dasar Perpaduan Negara** iaitu **mengukuhkan perpaduan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk identiti nasional** serta **melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan perpaduan**.

Dasar Perpaduan Negara (DPN) bukan sekadar satu dokumen dasar, tetapi ia adalah **aspirasi bersama untuk melihat Malaysia kekal harmoni, stabil, dan maju**. Dengan komitmen semua pihak, DPN mampu menjadi tunjang yang menjadikan Malaysia sebuah negara bangsa yang disegani di peringkat global.

MADANI BEKERJA : MENGIMBAS PENCAPAIAN 2024

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Saya ingin tekankan bahawa fokus utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.**

Pada tahun 2024, Kementerian melalui agensi dibawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak **730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi** yang berteraskan kepada **kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.**

Kejayaan ini bukan milik seorang individu, tetapi adalah hasil kerjasama erat dan semangat kerja berpasukan di setiap lapisan organisasi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat.

Saya juga ingin kongsikan kepada semua terutamanya jentera perpaduan berhubung pencapaian utama tahun 2024. Antara pencapaian utama tahun 2024 adalah:

- **Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif** – Bagi memperkukuhkan agenda ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti, sebanyak 152 RT berjaya dijadikan sebagai RT Progresif.
- **Sambutan Minggu Perpaduan** – sambutan peringkat kebangsaan telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang di Negeri Johor.
- **Lafaz Ikrar Rukun Negara** – buat pertama kalinya dalam sejarah Ikrar Rukun Negara dilafazkan secara penuh di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- **Penghayatan Rukun Negara** – pelbagai program dianjurkan bagi meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara, antaranya Debat Perpaduan, Kem Kenali Kita, Kem Perpaduan Anak Malaysia, Jalinan Integrasi Mahasiswa dan peruntukkan sebanyak RM 3000 kepada semua Sekretariat Rukun Negara.
- **Mediator Komuniti** – seramai 571 orang telah dilantik sebagai pendamai masyarakat dalam usaha membendung konflik sosial peringkat komuniti.
- **Pusat Mediasi Komuniti** – empat buah Pusat Mediasi Komuniti ditubuhkan di Perlis, Putrajaya, Melaka dan Negeri Sembilan yang akan membantu menyelesaikan konflik tanpa melalui proses litigasi.
- **Cilik Perpaduan** – peruntukkan sebanyak RM 31 juta diberikan kepada kanak-kanak Tabika Perpaduan yang merangkumi starter kit, buku aktiviti, bantuan makanan tambahan, perlindungan insuran dan geran perkapita.
- **Biasiswa Tunku Abdul Rahman** - memberikan biasiswa kepada seramai 29 pelajar bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.
- **Liga Sukan Uniti** - mendapat sambutan dengan penyertaan hampir 23,000 peserta yang melibatkan 2,300 pasukan seluruh negara.

- **Inisiatif Harmoni Madani** - inisiatif ini telah dilancarkan pada April 2024 dengan tema Faham, Hormat dan Terima. Antara program dilaksanakan adalah Sambutan Minggu Keharmonian, Podcast Harmoni, Dokumentari Harmoni dan Dialog Harmoni.
- **Misi Sukarelawan Siswa** – sebanyak 4 misi dalam negara dilaksanakan iaitu di Sabah, Sarawak, Kelantan dan Kedah serta 1 misi ke luar negara iaitu di Vietnam.
- **Citra Nusa @ Muzium** – sebanyak 10 program Citra Nusa @ Muzium telah dilaksanakan bagi meningkatkan minat rakyat terhadap kepelbagaian warisan negara.
- **Semarak Muzium** – sebanyak 7 program Semarak Muzium telah diadakan bagi merapatkan muzium dengan masyarakat awam.
- **Program Galakan Membaca** – bagi meningkatkan minat membaca dalam kalangan rakyat, sebanyak 48,686 program telah dilaksanakan pada tahun 2024.
- **Karnival Baca Perdana** – julung kalinya Karnival Baca Perdana dianjurkan sepanjang bulan Oktober 2024.
- **Bahasa Kolokial** - sebanyak 11 siri Bicara Bahasa Kolokial serta Konvensyen Bahasa Kolokial telah dilaksanakan bagi mengangkat bahasa kolokial sebagai ejen penyatuan rakyat.
- **Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional** – bertujuan bagi menyebarkan maklumat sejarah negara kepada masyarakat. Antara resolusi melalui konvensyen ini yang telah dipertimbangkan oleh Kementerian adalah penubuhan Majlis Sejarawan Negara.
- **Friends of Unity** – sebuah inisiatif bagi mengukuhkan kolaborasi strategik bersama badan bukan kerajaan. Sebanyak 78 program kerjasama telah dilaksanakan.

Tahun 2024 telah menyaksikan pelbagai cabaran, namun saya amat berbangga dengan kesungguhan dan komitmen semua warga kementerian dan jentera perpaduan dalam melaksanakan amanah besar ini. Tahniah!

Sebelum saya ke agenda lebih penting iaitu amanat dan aspirasi bagi tahun 2025, saya ingin kongsi sedikit dapatan melalui **sistem ESEPAKAT**.

Sistem e-Sepakat adalah mekanisme pengurusan isu perpaduan yang dilaksanakan oleh J-PERPADUAN bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi. Pada tahun 2024, sebanyak **231 kes** telah direkodkan dengan pecahan seperti berikut:

I. 103 kes berhubung isu Agama

II. 89 kes berhubung Kenyataan Berbaur Kebencian

III. 39 kes berhubung isu Perkauman

Bagi mengatasi dan menguruskan perkara ini, Kementerian telah bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan sebagainya.

Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus kepada **pelaksanaan program utama di kawasan *hotspot*, pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian.**



AMANAT 2025 : HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

Tahun 2025 menuntut kita untuk terus memperkukuh perpaduan sebagai teras kepada kestabilan dan kemajuan negara. Dengan itu, saya ingin mengumumkan bahawa tema tahun ini adalah **“Harmoni Dalam Kepelbagaian”**.

“

“Harmoni Dalam Kepelbagaian” hanyalah sebagai tema dan menjadi landasan utama menuju “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Seperti dinyatakan dalam Dasar Perpaduan Negara, Perpaduan adalah kesatuan masyarakat yang masih diidamkan dan merupakan matlamat akhir Malaysia yang berbilang etnik.

”

Tahun ini, saya ingin juga membawa kita semua untuk menghayati dan memperkukuhkan satu konsep yang sangat penting dalam memastikan kesinambungan kestabilan negara, iaitu **konsep Negara Bangsa**.

Negara Bangsa adalah lebih daripada sekadar istilah. Ia merujuk kepada pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan, dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia. Negara Bangsa tidak bermaksud menafikan kepelbagaian budaya, agama, atau adat resam kita. Sebaliknya, ia adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan ini di bawah satu payung besar identiti nasional.

Oleh itu, saya juga telah minta YBhg. Datuk Seri KSU untuk meneliti cadangan untuk menganjurkan satu **Konvensyen Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan**.

Selain itu, tahun ini juga Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan bekerjasama dalam menjayakan pelaksanaan **Piagam Harmoni**. Piagam Harmoni ini merangkumi **6 prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan 9 hala tuju**. Turut mengandungi satu garis panduan meliputi perkara yang perlu dielak dalam memperkasa hubungan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

Kita semua sedar bahawa cabaran yang dihadapi oleh negara bukanlah kecil. Polarisasi kaum dan agama, ketidakseimbangan sosioekonomi, serta ancaman dari luar memerlukan kita bersatu hati dan berganding bahu. Kunci kejayaan kita adalah kerjasama erat antara semua lapisan masyarakat. Tiada siapa yang boleh dikecualikan dalam perjuangan ini. Setiap individu mempunyai peranan penting dalam memastikan perpaduan terus terpelihara.

Tahun 2025 akan menjadi tahun transformasi untuk KPN dengan tumpuan kepada **empat ikhtiar utama** yang menjadi keutamaan dalam agenda perpaduan negara:

Ikhtiar 1 : Ekosistem Perpaduan

menjadi platform untuk memupuk interaksi yang lebih erat antara komuniti. Antara program yang akan dilaksanakan di bawah ini adalah :

- Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Negeri Pulau Pinang
- Pemerkasaan 300 Rukun Tetangga Progresif
- Sambutan 50 Tahun Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga
- Karnival Ekonomi Rukun Tetangga
- Konvensyen dan Anugerah Rukun Tetangga
- Kiosk RT di RnR
- Karnival Liga Sukan Uniti
- Sambutan Perayaan
- Program Cilik Perpaduan
- Majlis Anugerah Penarafan *Star Rating* dan Konvensyen Tabika Perpaduan
- Biasiswa Tunku Abdul Rahman
- Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah, Sarawak, Perak dan Pahang
- Pelancaran aplikasi untuk platform sukarelawan
- Program *Closing The Gap Core* di PPR
- Program Kepimpinan Perdana YTR

Ikhtiar 2 : Inisiatif Harmoni MADANI

dalam usaha meningkatkan dan memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini. Antara program akan dilaksanakan:

- Sambutan Keharmonian Sedunia
- Sambutan Hari Toleransi Sedunia
- Dialog Harmoni
- *Harmony Parade*

- *Sounds of Harmony*
- *Unity on Wheels*
- Iklan Perayaan
- Dokumentari Harmoni
- Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan Peringkat Kementerian
- Garis Panduan Melawat Rumah Ibadat Selain Islam
- Projek Sosial Kolaboratif: Mediasi Komuniti untuk Komuniti
- Kajian Semula dan Pengukuhan Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)
- Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Semenanjung Malaysia

Ikhtiar 3 : Eksplorasi Rukun Negara

Nilai-nilai Rukun Negara adalah nadi kepada perpaduan kita. Tahun 2025 akan menyaksikan pelaksanaan inisiatif **Eksplorasi Rukun Negara** bagi meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara. Antara program yang akan dilaksanakan:

- Sambutan 55 Tahun Rukun Negara
- Simposium Pendidikan Rukun Negara
- Program Silang Budaya: Gerak Integrasi Pelajar (GRIP)
- Kem Perpaduan Anak Malaysia
- Jelajah Belia Rukun Negara
- Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa
- Citra Negeraku
- Konvensyen Sekretariat Rukun Negara
- Lafaz Ikrar Rukun Negara kepada program swasta (kerjasama dengan GLC/Korporat/Swasta)
- Pidato Perpaduan
- Lafaz Ikrar Rukun Negara peringkat Dewan Undangan Negeri
- Kempen Taat Setia: Rukun Negara

Ikhtiar 4: Komuniti Sosio-Budaya

Melahirkan rakyat Malaysia yang peka dan menghargai khazanah warisan negara terutamanya berkaitan muzium, arkib dan perpustakaan.

Antara program akan dilaksanakan adalah:

Jabatan Muzium Malaysia

- 5 Program Citra Nusa Muzium (Festival Hari Muzium Antarabangsa, Nostalgia Anak Kampung : Pusaka Tradisi, Program Perdana Bermalam Di Muzium, *Asean Native Festival & Fabrics of Asean*)
- 7 Program Fiesta Unity @ Muzium
- Perluasan Program Inspirasi Pelajar, Inovasi Muzium (44 Buah Muzium)
- Pendigitalan Muzium (Pembangunan Ekosistem Digital, Pembangunan Koleksi Digital Artifak Warisan Negara, Pembangunan Pameran Maya bagi Muzium Alam Semulajadi, Pembangunan Pameran Digital Muzium Negara & Pendigitalan Buku Nadir)

Arkib Negara Malaysia

- Penubuhan Majlis Sejarahwan Negara
- Majlis Mengenang Jasa Tun VT Sambathan: Menteri Perpaduan Pertama
- Arkib Komuniti
- Seminar Warisan Asia Pasifik Surat Persendirian Baginda Omar
- Majlis Perasmian Galeria Sri Perdana dan Sambutan Ulang Tahun ke-100 Tun Dr Mahathir
- Seminar Sejarah Lisan
- Pameran ASEAN: Keterangan dan Kemampuan
- Arkib@ Sekolah

Perpustakaan Negara Malaysia

- Karnival Baca Perdana
- Indeks Membaca Kebangsaan
- Festival Kaligrafi Perpaduan
- Baucar Buku Semarak Membaca
- Anugerah Buku PNM
- Pelantikan Ikon Pembaca Kebangsaan
- Kem Citra Buku
- Festival Sastera Kanak-Kanak

- Sentuhan Komuniti Bestari @ PD
- Teater Koleksi Peribadi Sasterawan Negara

Keempat-empat ikhtiar ini adalah asas kepada hala tuju kita pada tahun ini. Namun, kejayaan tidak akan dicapai tanpa kerjasama erat semua pihak. Saya menyeru agar semua lapisan masyarakat dari kakitangan kementerian, jentera perpaduan, hingga ke komuniti di peringkat akar umbi terus memainkan peranan aktif dalam memastikan kejayaan setiap inisiatif.

Selain itu, dalam usaha memantapkan organisasi KPN serta memperkasakan pegawai skim perkhidmatan sosial (perpaduan), saya mohon YBhg. Datuk Seri KSU untuk mengangkat perkara berikut kepada Jabatan Perkhidmatan awam:

- **Cadangan pewujudan jawatan TKSU (Pengurusan)**
- **Menjadikan jawatan Ketua Pengarah J-Perpaduan sebagai ‘close service’ bagi skim perkhidmatan sosial (perpaduan)**
- **penstrukturan gred dan bilangan perjawatan Pegawai Perpaduan Negeri (PPN) dan Daerah (PPD)** supaya setiap daerah diwakili pegawai perpaduan yang sewajarnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Tahun ini juga terdapat beberapa pindaan Rang Undang-Undang di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara. Antaranya:

- Pindaan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman
- Penggubalan RUU Muzium
- Pindaan Akta Arkib Negara Malaysia
- Pindaan Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80)
- Pindaan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751)



KEPENGKERUSIAN ASEAN 2025

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sedekad selepas Malaysia menjadi pengerusi ASEAN, pada 1 Januari ini negara diberi tanggungjawab sekali lagi mempengerusikan perkumpulan serantau ini. Di bawah tema 'Keterangkuman dan Kemampunan', Malaysia ditetapkan untuk menjadi tuan rumah kepada lebih 300 mesyuarat, program dan sidang kemuncak berkaitan ASEAN sepanjang tahun.

Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan terlibat secara rasmi dalam acara ASEAN 2025 dengan menganjurkan **19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX) dengan tema Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All**. Program ini akan diadakan pada 16 hingga 19 Jun 2025 bertempat di World Trade Center (WTC), Kuala Lumpur.

"Congress of Southeast Asian Librarians" (CONSAL) atau Kongres Pustakawan Asia Tenggara merupakan pertubuhan Pustakawan serantau yang diwujudkan bagi mengukuhkan kerjasama antara perpustakaan, perpustakaan sekolah, persatuan perpustakaan dan institusi berkaitan di dalam negara ASEAN. CONSAL dianggotai oleh persatuan pustakawan dan perpustakaan negara dari 10 buah negara ASEAN.

RANCANGAN MALAYSIA KE-13

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) adalah pelan pembangunan negara yang dirancang oleh Kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan sosial sepanjang lima tahun pelaksanaannya. **RMK13 dijangka akan dilaksanakan bermula tahun 2026 hingga 2030.**

Dalam memastikan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat, Kementerian Perpaduan Negara akan memainkan peranan penting di bawah **Agenda Perpaduan dan Nilai Sahsia.**

Antara perkara penting yang akan menjadi perhatian utama di bawah agenda ini adalah **kluster perpaduan dan integrasi serta kluster patriotisme dan kenegaraan.** Terdapat **tiga (3)** strategi yang dicadangkan di bawah **Kluster Perpaduan dan Integrasi.**

- i. memperkukuh integrasi dan pembinaan negara bangsa**
- ii. memperkukuh ekosistem perpaduan**
- iii. memupuk keharmonian dalam kepelbagaian melalui Harmoni MADANI**

Manakala **dua (2)** strategi yang dicadangkan di bawah **Kluster Patriotisme dan Kenegaraan.**

- i. mempertingkatkan patriotisme dan pembinaan identiti nasional**
- ii. memartabatkan khazanah warisan negara**

Secara keseluruhan, hala tuju yang melibatkan agenda perpaduan, patriotisme dan kenegaraan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) meliputi **lima (5) strategi dengan sembilan belas (19) inisiatif.** Kesemua cadangan ini telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi.

PENUTUP

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Thai Ponggal** kepada seluruh komuniti Tamil di Malaysia.

Marilah kita jadikan tahun 2025 ini sebagai tahun untuk memperkukuh keutuhan negara dan memperteguh jati diri Bangsa Malaysia. Semoga segala usaha kita diberkati dan membuahkan hasil yang cemerlang untuk generasi kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS MALAM GEMILANG ANJUNG BESTARI@PNM

22 JANUARI 2025

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

PENDAHULUAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Perpustakaan Negara Malaysia atas komitmen dan usaha gigih dalam menganjurkan **Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari@PNM** ini. Majlis ini bukan sahaja meraikan pembukaan semula bangunan yang berwajah baharu, tetapi turut memperkukuhkan tekad kita untuk menjadikan ilmu sebagai asas perpaduan negara.

Untuk makluman semua, **Bangunan Anjung Bestari telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan 2007** kategori bangunan dan tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan.

Saya difahamkan bahawa Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan merupakan **projek yang diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas** (RP2, RMKe-11) dengan kos yang diluluskan adalah sebanyak RM12,800,000.00.

“
Projek ini dilaksanakan bertujuan bagi memusatkan perkhidmatan perpustakaan daripada tiga (3) bangunan berbeza kepada *all services under one complex* di Bangunan Anjung Bestari.
”



Kementerian Perpaduan Negara ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Iswangsa Sendirian Berhad** kerana akhirnya berjaya menyiapkan projek ini, walaupun sedikit tersasar daripada tarikh penyiapan sebenar.

Bangunan Anjung Bestari ini adalah simbol kepada konsep **Harmoni dalam Kepelbagaian** yang menjadi asas kepada Malaysia. Pusat ini juga mampu menjadi jambatan yang menghubungkan masyarakat melalui empat peranan utama: **ruang pembelajaran yang inklusif, ruang dialog, pemeliharaan warisan dan budaya serta platform interaksi.**



STRATEGIK, BERSASAR DAN RELEVAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Perpustakaan bukan sekadar gedung ilmu, tetapi ia adalah nadi pengetahuan yang menghubungkan generasi. Dalam era teknologi dan inovasi ini, **Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mesti memainkan peranan lebih strategik dan bersasar untuk memastikan perkhidmatan kekal relevan** dengan keperluan semasa.

Relevan adalah kata kunci utama. Dalam dunia yang semakin pantas berubah, keupayaan untuk menyesuaikan perkhidmatan dengan kehendak generasi baharu adalah misi penting.

Dengan strategi **bersasar**, kita bukan sahaja memastikan perpustakaan kekal **relevan**, tetapi juga menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat berilmu. Masa depan perpustakaan bukan sekadar menjaga warisan, tetapi mencipta platform yang **inovatif** untuk ilmu berkembang tanpa batasan.

Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara menerusi Perpustakaan Negara Malaysia telah mengangkat beberapa permohonan kepada Kementerian Ekonomi di bawah **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)**. Antaranya:

- I. Pembangunan Ruang Pembelajaran Interaktif dan Imersif di Perpustakaan Kanak-Kanak Perpustakaan Negara Malaysia;
- II. Pemerkasaan kandungan digital melalui pendigitan dan konsolidasi kandungan secara efektif;
- III. Pembangunan Platform u-Pustaka 2.0;
- IV. Menaiktaraf fasiliti auditorium, bilik serbaguna, bilik syarahan dan studio PNM;
- V. Menaik taraf perpustakaan kanak-kanak PNM;
- VI. Perolehan tanah di Bagan Datok Perak untuk rancangan membina Perpustakaan Digital.





Semoga Perpustakaan Negara Malaysia dapat dijadikan sebagai pusat ***inter-cultural centre*** yang akan menyatukan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya tetapi juga mencipta ekosistem yang menyuburkan perpaduan negara dan kecemerlangan intelektual.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan syabas kepada semua warga kerja yang terlibat di dalam projek ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga semangat dan komitmen ini dapat diteruskan untuk projek-projek yang lain pada masa akan datang.

Dengan sukacitanya saya merasmikan **Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari@PNM.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PELANCARAN PORTAL BANTUAN KEWANGAN PROGRAM PERPADUAN (BKPP)

23 JANUARI 2025

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

PENDAHULUAN

Ucapan terima kasih kepada wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang hadir ke **Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan** pada hari ini.

Majlis ini bukan sekadar satu pelancaran, tetapi ia juga **menjadi simbol iltizam pihak Kementerian untuk mengiktiraf peranan NGO sebagai “Friends of Unity”** kepada Kementerian untuk bersama-sama bergerak seiring dalam mencapai aspirasi memperkukuhkan perpaduan dalam negara.

Harmoni Dalam Kepelbagaian mengetengahkan komponen-komponen asas yang menjadi tali pengikat kepada rakyat Malaysia dalam membentuk kesepaduan masyarakat dan keharmonian negara. Ia perlu dijadikan panduan kepada semua dalam memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat tanpa mengira kaum, agama dan bangsa terus kekal terpelihara.

Perpaduan bukan sahaja menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi turut melibatkan peranan semua pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta. Usaha kolektif ini amat penting untuk memastikan keharmonian sosial terus subur, menjadi asas kepada kestabilan dan masa depan negara yang lebih cemerlang.

“

Buktinya pada tahun 2024, sebanyak 78 program perpaduan yang diterajui NGO melalui kerjasama dengan pihak Kementerian telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara melibatkan sejumlah 621,739 peserta.

”

Perkara ini juga selari dengan salah satu strategik utama di bawah **teras Ekosistem Perpaduan, Dasar Perpaduan Negara** iaitu memperkasakan jentera perpaduan melalui kerjasama strategik.

Antara *Friends of Unity* adalah Pertubuhan Kembara Anak Seni Selangor, Pertubuhan Nadi Sihat, Persatuan Siam Malaysia, Persatuan Adiwira Inderayani, Pertubuhan IKRAM Malaysia dan sebagainya.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua ahli *Friends of Unity* yang terus gigih berusaha memastikan perpaduan kekal kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Peranan ini bukan sahaja menyokong usaha kerajaan, tetapi juga menjadi inspirasi kepada sektor swasta dan NGO untuk turut serta dalam agenda memperkasakan perpaduan negara.



PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Untuk makluman semua, **Kementerian Perpaduan Negara akan meneruskan inisiatif pemberian bantuan kewangan** kepada NGO bagi menganjurkan program-program perpaduan. Dengan adanya bantuan ini, kita berharap para NGO dapat terus berganding bahu dengan Kementerian dalam meluaskan usaha-usaha **“reach out”** dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan program perpaduan.

Justeru, bagi tahun 2025, Kementerian memberi fokus kepada penganjuran program-program yang berteraskan kepada **Harmoni Dalam Kepelbagaian dan pembinaan Negara Bangsa**. Melalui penerapan dua fokus ini dalam program-program yang bakal dianjurkan, usaha-usaha untuk memperkasakan hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat dan pembinaan identiti nasional akan dapat direalisasikan.

Tatakelola (governans) yang baik merupakan satu aspek kritikal bagi kemakmuran dan kemajuan sesebuah negara, yang mana ini memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat. Perancangan governans yang konkrit dapat menatijahkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan; yang kesemua ini menyumbang kepada wujudnya satu pentadbiran yang madani, demokratik dan mampu berfungsi dengan baik.

Selaras dengan reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola terbaik, saya ingin memaklumkan bahawa **mulai pada tahun ini, pertimbangan ke atas permohonan bantuan untuk melaksanakan program perpaduan akan diuruskan secara atas talian.**

Penambahbaikan yang dibuat melalui **Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan** ini merupakan satu manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan, dan dengan adanya portal ini, diharapkan proses permohonan dan kelulusan bantuan kewangan kepada NGO akan menjadi lebih efisien.

Kementerian berharap melalui proses yang dilaksanakan secara atas talian ini, akan dapat membantu mempermudah urusan serta mengurangkan sebarang Kekangan yang mungkin dihadapi oleh NGO, sekaligus mempercepatkan pelaksanaan program-program perpaduan yang ingin dicadangkan.

“Friends of Unity must act as a catalyst for societal harmony. Promoting inclusivity and diversity must be at the core of its outreach efforts.”



PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Dengan iltizam yang berterusan seiring dengan perumpamaan “seliang bak tebu, serumpun bak serai, sesusun bak sirih”, saya percaya kita mampu membina sebuah negara bangsa yang harmoni, stabil, dan bersatu padu.

Maka, saya dengan penuh rasa sukacita, melancarkan **Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara.**

Sekian, terima kasih.



KITA MEREKA MALAYSIA, CELEBRATING 59 YEARS OF THE TUNKU ABDUL RAHMAN FOUNDATION

7 FEBRUARY 2025

Salam Perpaduan and Salam Malaysia MADANI

INTRODUCTION

Today, we gather to celebrate a significant milestone — the **59th anniversary of the Tunku Abdul Rahman Foundation**. This foundation, established in honour of our beloved Bapa Kemerdekaan, stands as a testament to his unwavering commitment to education, unity, and the betterment of our nation. It is a moment for us to reflect on the enduring legacy of Tunku Abdul Rahman and to recommit ourselves to the values he so passionately championed.

Tomorrow, we also mark what would have been the **122nd birthday of Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**, a man whose vision, sacrifice, and leadership shaped the very foundation of our beloved Malaysia. His ideals extend far beyond the road to independence or his tenure as our first Prime Minister. They continue to inspire and guide us in our pursuit of national unity and progress.

Tunku Abdul Rahman believed that unity was the cornerstone of a strong and prosperous nation. He saw Malaysia as a land where people of all backgrounds regardless of race, religion, or heritage could come together in harmony and mutual respect. **His vision of unity in diversity remains as relevant today as it was decades ago.**



Ladies and gentlemen,

CHALLENGES IN PURSUING UNITY

Unity in diversity has always been our greatest strength. Our multicultural, multi-ethnic, and multi-religious society is a testament to the beauty of coexistence. However, this unity is not something we can take for granted it is our shared responsibility. **Each one of us has a role to play in preserving and strengthening the harmonious spirit that defines Malaysia.**

At the Ministry of National Unity, we remain steadfast in our mission to foster a sense of belonging among all Malaysians. Through mutual respect, open dialogue, and cooperation, we can build bridges of understanding and solidarity. Our diversity should never be a source of division but rather a foundation upon which we build a resilient and inclusive society.

However, we must acknowledge the challenges that stand in our way. **Social cohesion can be tested by misinformation, prejudice, and economic disparity. Misunderstandings and stereotypes can create rifts between communities, and external influences can sometimes threaten our unity.** Addressing these challenges requires continuous effort, education, and a commitment to upholding the principles of fairness and justice for all.

The path to national unity is not without its challenges. However, **by upholding the values of understanding (*faham*), respect (*hormat*) and acceptance (*terima*), we can overcome any obstacle.** Let us take inspiration from Tunku's vision and work hand in hand to ensure that his dream of a united Malaysia continues to flourish for generations to come.



Ladies and gentlemen,

THE ROLE OF THE TUNKU ABDUL RAHMAN FOUNDATION

“

The Tunku Abdul Rahman Foundation empowers deserving youth with the capital, opportunities, and skills to build better futures for themselves and Malaysia. Since 1966, the Foundation has empowered 9,500 young Malaysians through scholarships, financial aid, and development programs.

”

Today, we celebrate inspiring **Tunku Scholars like Aisyah Maisarah**, a biotechnology student and entrepreneur who led the revitalization of a mini farm at Universiti Malaya. As the founder and CEO of Insective Lab, a social enterprise tackling food waste, she secured an RM35,000 grant from the Ministry of Higher Education.

We also recognize **Hezron Nusli**, the first in his family to pursue higher education. He graduated in Plantation Management and is now earning a Master's in Plantation Industry Management while actively working in the field in Sabah.

PARTNERSHIPS FOR PROGRESS

It is important to remember that shaping a progressive, inclusive, and equitable Malaysia is a shared responsibility, one that requires collaboration across sectors. **Since 2020, YTAR has established impactful partnerships through MOUs, securing pledges of more than RM22 million, comprising RM5.8 million in cash and RM16.5 million as in-kind sponsorships through university tuition fee waivers.**

Our Closing The Gap programme, focused on higher education access and mentoring, has been made possible through the support of OSK Foundation, which has sponsored multiple cohorts, including our 2024 cohort.

I am also delighted to announce that **CIMB Foundation will be the 2025 sponsor of the Closing The Gap programme.** This partnership will support students in the Klang Valley, particularly those from PPR communities. This programme is also part of the Santuni MADANI initiative, a testament to the impactful public-private collaboration between CIMB Foundation and YTAR.

Through the **Tunku Abdul Rahman Scholarship programme**, corporate partners have transformed scholarship giving, making it more equitable and comprehensive. Notably, **Grab Malaysia launched the GrabScholar programme in collaboration with YTAR, sponsoring six scholarships in 2024 and an additional six in 2025.**

We are pleased to commemorate Tunku Abdul Rahman's birthday on February 8th by **reopening applications for the 2025 Tunku Abdul Rahman Scholarship**. This comprehensive undergraduate scholarship includes nine types of allowances and a two-year leadership development programme to nurture young leaders. Applications will be open tomorrow!

We are also thrilled to welcome **new private university partners** who have joined this mission through in-kind tuition fee sponsorships such as **IMU University, Sunway Education Group, Universiti Tunku Abdul Rahman, and Yayasan MSU**.

Furthermore, **The FutureReady, in collaboration with Accenture Malaysia**, has successfully supported youth with the future-ready skills needed to excel in today's rapidly evolving job market.



Ladies and gentlemen,

KITA MEREKA MALAYSIA

As we celebrate the exciting partnerships and programs ahead, let us be reminded that this year's theme, **Kita Mereka Malaysia**, is more than just a statement it is a reminder of the collective spirit of Malaysians and the pivotal role of individuals and communities in shaping a progressive, equitable, and inclusive society.

As such, we invite individuals and corporations to join us in shaping Malaysia's future by sponsoring a Scholar through the Tunku Abdul Rahman Scholarship or partnering with us to offer career, development, and mentorship opportunities.

Jom, Kita Mereka Malaysia!

Thank You.



PROGRAM JEJAK HARMONI SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA SEDUNIA (WIHW) TAHUN 2025

15 FEBRUARI 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

PENDAHULUAN

Pada pagi ini, kita diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama dalam **Program Jejak Harmoni Sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) Tahun 2025**. Program ini merupakan anjuran **Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme (MCCBCHST)** dengan kerjasama **Kementerian Perpaduan Negara**.

Pada tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Inisiatif Harmoni MADANI** bagi meningkatkan kefahaman rakyat Malaysia mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam di negara ini.

Pelaksanaan Program Jejak Harmoni ini juga merupakan sebahagian daripada usaha di bawah Inisiatif Harmoni MADANI. Jejak Harmoni ini bukan sekadar sebuah pergerakan fizikal dari satu tempat ke tempat lain, tetapi ia adalah **satu perjalanan simbolik yang menggambarkan semangat kesatuan dan kebersamaan rakyat Malaysia**.



Pada hari ini, saya dimaklumkan kita akan berjalan kaki **dari Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar, dan berakhir di Gurdwara Sahib, Sentul.**

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan semua pihak untuk **tidak sensasikan atau politikkan program ini, hal ini kerana program ini tidak melibatkan sebarang aktiviti keagamaan.** Saya juga ingin menekankan bahawa program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap pelbagai anutan agama dan budaya yang perlu dihormati dan diterima.

Melalui program ini, masyarakat didorong untuk melihat dari sudut yang baik, dengan **menekankan konsep asas integrasi nasional iaitu faham, hormat, dan terima,** bagi memastikan budaya keharmonian antara masyarakat sentiasa terpelihara.

Dengan memahami, kita dapat menghapuskan prasangka negatif. Dengan menghormati kepercayaan orang lain, kita dapat mewujudkan hubungan yang harmoni. Dan dengan menerima perbezaan, kita dapat hidup bersama dalam satu masyarakat yang bersatu padu.

KEPELBAGAIAN MALAYSIA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, kita tidak boleh menafikan bahawa perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. **Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif dan saling menghormati.**

“

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuhkan menerusi pelbagai inisiatif dan dasar yang menggalakkan interaksi, keharmonian serta kesejahteraan bersama.

”

Saya percaya bahawa dengan saling memahami dan menghormati antara satu sama lain, kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju dan makmur.

Saya turut mengingatkan semua pihak supaya **berhati-hati dalam menyampaikan pandangan mengenai isu agama**. Kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan orang lain. Sebaliknya, saya menyeru agar rakyat menggunakan kebebasan ini untuk membina keharmonian dan perpaduan yang lebih kukuh.

Kita harus memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan kita tidak menimbulkan perasaan tidak selesa dalam kalangan penganut agama lain. Saling memahami, menghormati, dan menerima perbezaan adalah asas utama bagi mencapai perpaduan dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia.

Manakala media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat, dan penggunaannya haruslah dengan penuh tanggungjawab. **Perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan provokatif mengenai agama boleh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan antara masyarakat.** Oleh itu, saya menyeru rakyat untuk mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum.





PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Suka saya **menyeru kepada semua pihak khususnya badan-badan pertubuhan agama untuk turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti - aktiviti berunsurkan keharmonian** dengan menyebarkan mesej keharmonian dan nilai-nilai murni bagi menyokong kepada pencapaian matlamat Inisiatif Harmoni MADANI ini.

Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyambut baik usaha-usaha dan peranan yang dimainkan oleh pertubuhan dan badan-badan agama bagi membantu **membina tapak integrasi nasional yang lebih kukuh** melalui program-program yang telah dilaksanakan di peringkat akar umbi.

Dengan itu, saya **merasmikan Program Jejak Harmoni sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia.**

Terima Kasih.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN HARMONI TAHUN 2025

15 FEBRUARI 2025

Salam Perpaduan, dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada pengacara majlis.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Wilayah Persekutuan Harmoni Tahun 2025** kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Pelaksanaan Sambutan Wilayah Persekutuan Harmoni ini selari dengan objektif **Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia yang disambut pada setiap minggu pertama bulan Februari**. Tujuan utama Sambutan Minggu Keharmonian ini adalah bagi menggalakkan interaksi dan persefahaman antara penganut agama bagi memupuk sikap toleransi serta mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Yang Berhormat Dr. Zaliha binti Mustafa kerana telah membuka peluang kepada Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama **meraikan detik-detik perpaduan (*moment of unity*)** bersama-sama seluruh rakyat Malaysia pada malam ini.



KONSEP FAHAM, HORMAT DAN TERIMA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan tema **Harmoni Dalam Kepelbagaian dan Inisiatif Harmoni MADANI** yang bertujuan untuk memperkukuh keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum dan penganut agama di Malaysia.

Inisiatif ini dilaksanakan dengan mengetengahkan konsep **Faham, Hormat, dan Terima**, yang menjadi asas integrasi nasional untuk mempromosikan pemahaman dan penghormatan terhadap kepelbagaian budaya dan agama di negara kita. Inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan **Perlembagaan Persekutuan** dan **Rukun Negara**.

Salah satu cabaran terbesar yang kita hadapi ialah kelompangan kefahaman masyarakat mengenai kepelbagaian agama dan budaya. Isu ini sering menjadi punca salah faham dan pembentukan persepsi negatif terhadap etnik dan agama yang berbeza. Persepsi yang negatif ini bukan sahaja menjejaskan hubungan antara kaum, tetapi juga memburukkan lagi perasaan curiga dan ketegangan dalam masyarakat.

Oleh itu, amatlah penting untuk kita semua menyedari bahawa **peningkatan kefahaman mengenai agama dan budaya pelbagai etnik harus menjadi salah satu agenda utama kita.** Ini bukan sahaja perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat bandar, tetapi lebih penting lagi di kawasan luar bandar yang mungkin masih terdedah kepada kekurangan pengetahuan mengenai kepelbagaian ini.





Selain itu, **setiap lapisan masyarakat perlu lebih cakna dan peka terhadap kepelbagaian yang ada dalam kalangan kita.** Kita perlu memahami dan mengiktiraf bahawa setiap agama dan budaya mempunyai nilai dan keindahannya yang tersendiri. **Kepelbagaian ini bukanlah halangan, sebaliknya ia adalah peluang bagi kita untuk meraikan keunikan setiap bangsa dan agama dalam masyarakat kita.**

PERARAKAN HARMONI 2025

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Saya telah dimaklumkan sejak pagi tadi, pelbagai program telah dilaksanakan di sekitar Dataran Merdeka ini dan penglibatan masyarakat setempat adalah amat menggalakkan.

Sebagai tambahan kepada kemeriahan pada hari ini, **Kementerian Perpaduan Negara akan mempersembahkan pertunjukan kereta berhias iaitu Perarakan Harmoni yang melibatkan sepuluh (10) kaum di Malaysia antaranya Melayu, Cina, India, Sarawak, Sabah, Orang Asli, Baba dan Nyonya, Chetti, Siam dan Jawa.**

Setiap etnik ini akan mempertunjukkan elemen pakaian tradisional, alat muzik tradisional, tarian tradisional, serta kereta dihiaskan dengan seni bina dan seni lukis kaum masing-masing.

“

Saya berharap, acara yang indah ini dapat dijadikan sebagai satu peristiwa tahunan yang dinantikan oleh semua lapisan masyarakat. Melalui perarakan kereta harmoni ini, kita bukan sahaja dapat mempromosikan perpaduan antara kaum, tetapi juga menjadikannya sebagai salah satu daya tarikan pelancongan yang dapat mempamerkan kekayaan budaya Malaysia kepada dunia.

”





Kita mempunyai pelbagai tradisi, pakaian, muzik, dan tarian yang menggambarkan kekayaan warisan negara kita. Inilah masanya untuk kita menyatukan semua ini dalam satu platform yang dapat dilihat dan dihargai oleh semua.

Pada masa yang sama, kejayaan penganjuran program pada hari ini juga adalah hasil kerjasama erat antara pihak Kerajaan, badan berkanun dan juga pihak swasta. Saya juga ingin mengambil kesempatan dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan RHB Bank di atas sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan nilai sebanyak RM 200 ribu dan RM 60 ribu masing-masing** bagi memastikan program pada malam ini berjalan dengan lancar dan penuh gemilang.

Saya menyeru kepada semua sektor, terutamanya pihak korporat dan swasta, untuk terus komited dalam melaksanakan program CSR yang dapat memperkasakan perpaduan negara. Bersama-sama, kita mampu mencipta masa depan yang lebih cerah dan harmoni untuk negara kita.



PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh jawatankuasa dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun secara tidak langsung di atas penganjuran program Perarakan Harmoni ini khususnya Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Wilayah Persekutuan.

Akhir kata dari saya, kita sebagai rakyat Malaysia hendaklah sentiasa bersatu hati dalam memperkukuhkan hubungan di antara kaum seterusnya mewujudkan masyarakat yang penuh harmoni.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS MEMPERINGATI YANG TERAMAT MULIA ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

17 FEBRUARI 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Pertama sekali, saya mewakili Kementerian Perpaduan Negara ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**, kerana sudi untuk merasmikan **Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** sempena ulang tahun kelahiran beliau yang ke-122.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bukan sahaja dikenali sebagai Perdana Menteri pertama Malaysia, tetapi beliau juga **merupakan lambang keharmonian dan perpaduan dalam negara kita**. Kepimpinannya yang berasaskan toleransi, keadilan dan kasih sayang telah membentuk asas kukuh kepada perpaduan rakyat Malaysia pelbagai kaum, agama, dan budaya.

Beliau sentiasa percaya bahawa kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada kesepaduan rakyatnya. Oleh itu, beliau berusaha mengukuhkan hubungan antara kaum dan mewujudkan dasar-dasar yang memastikan setiap rakyat mendapat layanan yang adil dan saksama.

Kepimpinan beliau terserlah dalam pelbagai aspek, termasuk dalam usaha **membentuk sebuah negara yang merdeka dan berdaulat**. Kejayaan mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 adalah bukti kecekapan dan kebijaksanaan beliau dalam berunding dengan pihak British serta menyatukan masyarakat pelbagai kaum untuk mencapai cita-cita bersama.

Dalam era moden ini, **nilai-nilai perpaduan yang diperjuangkan oleh Tunku Abdul Rahman harus terus disemarakkan dan diperkukuhkan.** Cabaran yang kita hadapi hari ini, termasuk perbezaan fahaman politik, isu sosial, serta ancaman kepada keharmonian kaum, memerlukan kita untuk terus bersatu dan mengamalkan semangat kebersamaan.

“

Kita harus mencontohi kepimpinan dan wawasan Tunku dengan memastikan prinsip Rukun Negara sentiasa dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita. Prinsip-prinsip ini bukan sekadar slogan, tetapi menjadi asas yang mengikat kita sebagai rakyat Malaysia.

”

MEMPERINGATI TUNKU ABDUL RAHMAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Memorial Tunku Abdul Rahman telah ditubuhkan untuk menghargai sumbangan jasa dan bakti pemimpin sebagai negarawan terulung dan Bapa Kemerdekaan iaitu Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Memorial ini menempatkan semua warisan, nilai-nilai kepimpinan dan pusat perolehan bahan yang menghidupkan sejarah negara di bawah kepimpinan Almarhum Tunku.

Projek ini adalah satu usaha Kerajaan dan rakyat untuk memperingati seorang bekas Perdana Menteri tentang perjuangan, pengorbanan, harapan, aspirasi seorang pemimpin terhadap negara, bangsa dan agama. Antara pameran menarik yang terdapat di memorial ini adalah:

- I. Bangunan Residen – kediaman rasmi Tunku Abdul Rahman Putra dari tahun 1956 sehingga 1970.
- II. Meja Pengisytiharan Kemerdekaan (1957) – meja yang digunakan semasa Majlis Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.
- III. Meja Pemahsyuran Malaysia (1963) – meja yang digunakan semasa Majlis Pemahsyuran Malaysia di Stadium Merdeka pada 16 September 1963.
- IV. Pejabat Perdana Menteri yang pertama (Pejabat Kayu)
- V. Kereta Nash Rambler 1951 – kereta yang digunakan untuk membawa YTM Tunku Abdul Rahman dari Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka ke Banda Hilir selepas tiba dari London pada 20 Februari 1956
- VI. Dokumen Pengisytiharan Kemerdekaan – dokumen ini diukir di atas batu granite hitam dalam bentuk tulisan jawi, berbahasa melayu dan tulisan rumi berbahasa inggeris.



Saya menyeru agar semua rakyat Malaysia terutamanya **generasi muda datang melawat memorial ini bagi menambah ilmu pengetahuan sekaligus meningkatkan elemen kenegaraan dalam diri.**

Dalam usaha untuk meneruskan visi beliau dalam soal pendidikan untuk semua, **Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai sebuah badan berkanun yang menyediakan bantuan kewangan** bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Sejak penubuhannya, **YTAR telah membantu seramai 9,500 pelajar.**



Kini YTAR dibawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberi fokus menyediakan bantuan Pendidikan melalui **Biasiswa Tunku Abdul Rahman** serta menjalankan program seperti ***Closing The Gap dan Future Ready*** yang akan meningkatkan kebolehpasaran graduan B40.

Untuk makluman YAB, dalam beberapa tahun ini YTAR telah berjaya melaksanakan **kerjasama strategik melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU)**, dengan nilai tajaan berjumlah RM22 juta merangkumi RM5.8 juta tajaan tunai dan RM16.5 juta melalui pengecualian yuran pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).



PENUTUP

Akhir sekali, saya menzahirkan setinggi harapan agar jasa dan pengorbanan YTM Tunku bukan sahaja menjadi sumber inspirasi dan teladan seluruh rakyat Malaysia, tetapi juga dicontohi oleh pemimpin masyarakat dan generasi muda demi kemakmuran negara tercinta.

Sekian, terima kasih.



**YSS STRATEGIC PARTNERS APPRECIATION
NIGHT AND THE SIGNING OF THE
MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU)
BETWEEN YAYASAN SUKARELAWAN SISWA
(YSS) AND THE HO CHI MINH CITY YOUTH
UNION**

19 FEBRUARY 2025

Salam Sejahtera and Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

INTRODUCTION

It is an honour and privilege for me to be here this evening to inaugurate the **Strategic Partners Appreciation Night organised by Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)**.

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) has been at the forefront of mobilising Malaysian youth in various volunteer activities both domestically and internationally. As of today, YSS has nurtured **2,067 student volunteers alumni** along with the appointment of **305 Unity Agents** in 2024 who spearheaded lifelong volunteerism and youth talent development representing all quarters and higher learning institutions.

Since its establishment, YSS has already devised **73 high-impact missions**, including **19** international student volunteer missions to several ASEAN member states such as Indonesia, Vietnam and Lao PDR, accompanied by **more than 8,000 community projects** that significantly improved the livelihood of **more than 1 million beneficiaries** locally and overseas.



I was also informed that YSS' capacity building and leadership empowerment initiatives are far-reaching in the Southeast Asia region, having Timor-Leste as a ground for the previous **Volunteer Leadership Development Programme (VLDP)** in July 2024 that closely engaged with the Timorese universities and **more than 70 Future ASEAN Leaders**.

MALAYSIA'S ASEAN CHAIRMANSHIP AND NATIONAL UNITY

Ladies and gentlemen,

As Malaysia assumes the **ASEAN Chairmanship** this year under the theme "Inclusivity and Sustainability," we wholeheartedly represent the audacity of hope, commitment, and socio-economic progress in fostering **regional peace, stability, and prosperity**.



In support of this notion, the Malaysia's Ministry of National Unity lauds collective and accentuated endeavours from all quarters dedicated to prospering a harmonious and well-developed civil society based on the concept of **nation-state**, wherein the people and the governing bodies work synergistically to elevate our **national identity** and legitimacy.

The integration of **“Harmony in Diversity”** as our latest aspiration in the national context further revolutionises our National Unity Agenda through various approaches aimed at empowering our unity ecosystem, Rukun Negara exploration, socio-cultural development, and *Harmoni MADANI* initiatives.

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), under the auspices of the Ministry of National Unity, bridges youth development and its alumni volunteer network with various volunteering organisations globally through the internationalisation and expansion of its missions from the national to the international arena.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING

Ladies and gentlemen,

This evening, we are about to witness a stronger and fortified youth volunteerism network as we enter into a collective agreement through a **Memorandum of Understanding (MoU)** forged between YSS and its prominent domestic and international strategic partners:

- I. Ho Chi Minh City Youth Union,**
- II. Department of Federal Territories,**
- III. Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp),**
- IV. Malaysian Youth Council, and**
- V. Yayasan Perkasa Siswa.**

We believe that this collective agreement marks a new milestone in bridging our vast regional network with those youth development sectors and volunteerism movements throughout ASEAN member states.

“

Among the focus areas outlined within the Memorandum itself centred around the internationalisation of youth volunteerism efforts, the establishment of an ideal volunteerism training and development ecosystem, mutual cooperation for innovative solutions to social challenges, and potential youth exchange programmes curated by the subject member states to foster inclusivity and knowledge transfers.

”



YSS STRATEGIC PARTNERSHIPS

The collaboration between YSS and the Ho Chi Minh City Youth Union dating back to 2012 means more than just sharing the same interest and shared vision. This notion shall set both nations as an exemplary model, harnessing the power of youths today as the leaders of tomorrow to foster social and economic progress within ASEAN member states.

To this date, YSS has sent **509 student volunteers** to Vietnam on a series of transformative youth volunteering campaigns, community development, sustainability-driven initiatives, cultural competencies development and knowledge exchange programmes.

The Vietnam's **Green Summer Volunteer Campaign (GSVC)** pioneered by the Ho Chi Minh Communist Youth Union, became one of the leading platforms that enabled cross-boundary youth volunteerism efforts to thrive. In the recent GSVC 2024, **47 YSS student volunteers** had touched the lives of more than **31,000 commune** members at **four (4)** districts around Ho Chi Minh City with **172** projects, accumulating an astounding **1,630** volunteering hours.

In addition to this bilateral relation, YSS has also been actively partnering and broadening its reach with various higher learning institutions, NGOs and relevant agencies in Malaysia, such as TalentCorp, the Malaysian Youth Council and Yayasan Perkasa Siswa for conducive and suitable youth training grounds.

The collaboration with the Department of Federal Territories may also be vital in spearheading YSS' community empowerment projects such as **Program Usaha Jaya Insan (PUJI)** aimed at eradicating poverty and maximising human capital development.



CLOSING REMARKS

Aligning with the United Nations' Sustainable Development Goal (SDG) 17, it is time for us to finally work hand-in-hand, charting our next way forward to rather inclusive and sustainable youth volunteerism prospects.

This occasion marks a stepping stone to unravelling multidisciplinary cooperation between both governments to facilitate potential youth exchange initiatives, global citizenship and addressing contemporary social challenges through community engagement, knowledge transfers and talent outsourcing.

Without further ado, **I officially declare the commencement of YSS Strategic Partners Appreciation Night and the Signing Ceremony of the Memorandum of Understanding (MoU) between Yayasan Sukarelawan Siswa, the Ho Chi Minh City Youth Union and all of its strategic partners.**

Thank you.



MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BILANGAN 1 TAHUN 2025

19 FEBRUARI 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Seperti semua sedia maklum bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) 1/2025 pada hari ini merupakan mesyuarat kali pertama diadakan sejak **pelantikan baharu ahli Jawatankuasa HARMONI bagi sesi 2025-2026**.

Pada tahun 2024, Kementerian melalui agensi dibawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak **730 program** yang berteraskan kepada **kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**.

Saya ingin tekankan bahawa fokus utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program**.

Antara program baru yang telah digerakkan pada tahun lalu bagi meningkatkan keharmonian antara penganut agama adalah **Inisiatif Harmoni MADANI** dengan tema Faham, Hormat dan Terima. Antara program dilaksanakan adalah **Sambutan Minggu Keharmonian, Sambutan Hari Toleransi, Jejak Harmoni, Podcast Harmoni, Dokumentari Harmoni, dan Dialog Harmoni**.

Bagi tahun 2025 Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat **konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan 4 ikhtiar utama iaitu **Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya**.

Kementerian Perpaduan Negara peka dan telah bertindak dalam memberikan nasihat kepada orang awam berhubung isu-isu berkaitan perpaduan yang berlaku baru-baru antaranya polemik **sandwich ham, penjual jagung yang meletakkan papan tanda berunsur perkauman, garis panduan JAKIM, cadangan pewujudan Menteri Hal Ehwal Selain Islam.**

Seperti saya tekankan beberapa kali, Kementerian Perpaduan Negara tiada mempunyai sebarang akta yang memberikan kuasa penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh perihal 3R. Kesemua akta iaitu **Kanun Keseksaan, Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] serta Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]** adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi.

Tetapi Kementerian telah mengambil langkah melalui pengurusan perpaduan dan pelaksanaan program. Antara pengurusan perpaduan yang dijalankan oleh Kementerian adalah:

- I. Pemantauan melalui sistem e-Sepakat
- II. Pemantauan kawasan hotspot melalui Dashborad Analitik Perpaduan
- III. Perkhidmatan Mediator Komuniti (571)
- IV. Penubuhan Iapan buah Pusat Mediasi Komuniti
- V. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) dengan keahlian 12 agensi kerajaan





“

Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama, pendidikan tentang pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, serta menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama. Ini bertujuan untuk memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia.

”

Baru-baru ini, Kementerian dengan jayanya telah melaksanakan Program Jejak Harmoni di 5 rumah ibadat di Sentul, Kuala Lumpur dengan kerjasama **Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Malaysia (MCCBCHST)**. Saya harap program Jejak Harmoni ini dapat dilaksanakan di kesemua negeri **sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia**.

Tambahan pula, Kementerian dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan dengan melaksanakan **Perarakan Harmoni buat julung kalinya dengan menampilkan kereta berhias 10 etnik**. Ini adalah sebahagian daripada usaha mengangkat kepelbagai budaya sebagai identiti negara.

Usaha-usaha ini juga akan turut diperkukuhkan dengan kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta untuk menyebarkan nilai-nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat. Semua ini adalah untuk memastikan keamanan negara sentiasa terjamin dan masyarakat Malaysia dapat hidup dalam suasana harmoni.



Kementerian ketika sedang meneliti cadangan kerjasama daripada Pertubuhan **Architects of Diversity** bagi pelaksanaan Felo Guru Perpaduan, *Interfaith Youth Alliance* dan program silang budaya. Untuk makluman, pertubuhan ini juga telah menubuhkan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia: Keharmonian Kaum dan Agama dengan Kerjasama Parlimen Malaysia.



Akhir sekali, saya ingin memohon agar peranan **Biro Pengurusan Program dan Promosi, Biro Pendidikan dan Penerangan serta Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi** dipertingkatkan agar lebih efektif dan proaktif, hal ini kerana pelbagai isu perpaduan terus berlaku baru-baru ini.

Sekian, Terima Kasih.



PROGRAM CILIK PERPADUAN KEMBALI KE TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN TAHUN 2025

28 FEBRUARI 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani

PENDAHULUAN

Petang ini, kita semua berkumpul bagi meraikan **Program Cilik Perpaduan Kembali ke Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan Tahun 2025** yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Pada masa kini terdapat sebanyak **1,781 Tabika Perpaduan** dan **41 buah Taska Perpaduan** dengan jumlah murid yang berdaftar pada hari pertama **sesi persekolahan Tahun 2025/2026** adalah masing-masing seramai **34,654 orang murid Tabika** dan **990 orang murid**.

Pepatah Melayu ada menyebut, **“melentur buluh biarlah dari rebungnya”**. Sehubungan itu, jika kita mahu melahirkan generasi yang bersatu hati, semangat patriotisme, cintakan tanah air dan mempunyai semangat jati diri yang tinggi maka pendidikan awal kanak-kanak hendaklah menjadi keutamaan negara.

“

Pendidikan awal yang disediakan di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan bukan hanya mengenai akademik, tetapi menekankan keutamaan dengan menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, kasih sayang, toleransi dan semangat kerjasama dalam kalangan kanak-kanak.

”



Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan adalah memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni di samping Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Modul-modul khusus yang berteraskan perpaduan dan kenegaraan telah dibangunkan untuk diterapkan kepada murid seawal usia. **3 Modul khusus yang dibangunkan dan diajar di Tabika Perpaduan** adalah seperti berikut:-

i. Modul Pendidikan Rukun Negara

ii. Modul Jom Urus Diri

iii. Modul Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa
(Mandarin, Tamil, Iban dan Kadazan)

Penerapan nilai murni dan nilai perpaduan boleh dikembangkan dan diperkukuhkan melalui transformasi pendigitalan melalui penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat serta AI. Pendidikan Digital merupakan kunci yang perlu dikuasai oleh para pendidik untuk membuka pintu kepada pendidikan yang berkualiti untuk anak-anak selaras dengan aspirasi Dasar Pendidikan Digital.

Kementerian juga bercadang agar pendidikan dan modul Rukun Negara ini turut dikembangkan kepada prasekolah KPM, tadika KEMAS dan tadika swasta dalam usaha menerapkan elemen kenegaraan dalam kalangan kanak-kanak.



KEMUDAHAN DI TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN

Hadirin yang saya kasihi,

Saya suka memaklumkan bahawa unik dan istimewanya Tabika dan Taska Perpaduan kerana banyaknya kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian kepada kanak-kanak yang menyertainya. Semua perkara ini disediakan bagi memastikan semua murid dapat kembali ke alam persekolahan dengan kemudahan terbaik, bersedia, selamat dan bersemangat untuk belajar.

Dalam Belanjawan MADANI 2025, Kementerian telah diperuntukan sebanyak **RM5 juta bagi penambahbaikan tabika perpaduan**. Antara skop kerja penyelenggaraan dan pembaikan premis Tabika dan Taska Perpaduan adalah seperti berikut:

- I. menaik taraf, menyelenggara dan membaikpulih premis taska dan tabika perpaduan meliputi kerja mekanikal, elektrik dan sivil serta kerja pembaikan cerun; dan
- II. perolehan peralatan, perabot dan kelengkapan mengikut piawai.

Pada tahun ini juga, Kementerian Perpaduan Negara telah memperuntukkan sebanyak **RM33.73 Juta** bagi penyediaan pelbagai kemudahan seperti berikut:

- i. Starter Kit Tabika Perpaduan* yang terdiri daripada baju seragam dan beg sekolah;
- ii. Starter Kit Taska Perpaduan* yang terdiri daripada baju seragam, beg sekolah dan selimut;
- iii. Buku Aktiviti Murid Tabika Perpaduan dan Buku Log Harian Taska Perpaduan;*

iv. Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok bagi Murid Tabika Perpaduan dan Kanak-Kanak Taska Perpaduan;

v. Geran Perkapita Murid Tabika Perpaduan bagi pengurusan dan pentadbiran di kelas Tabika Perpaduan dengan kadar RM100 setiap murid; dan

vi. Bantuan Makanan Tambahan (BMT) juga diberikan bagi memastikan semua murid mendapat makanan yang seimbang dan berkhasiat. (RM3.00 bagi Semenanjung Malaysia dan RM3.25 di Sabah, Sarawak dan WP Labuan untuk setiap murid mengikut hari persekolahan. Manakala kadar Taska Perpaduan adalah sebanyak RM8.00 sehari.)

Selain itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah **membekalkan Perkhidmatan Internet CelcomDigi di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan dengan peruntukan sebanyak RM763,200.00**. Penambahbaikan kemudahan akses internet di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan ini diharapkan dapat membantu hasrat Jabatan untuk melahirkan murid-murid yang berpengetahuan, berketrampilan dan kreatif serta inovatif seiring dengan perkembangan pendidikan digital.

Kita sangat bertuah kerana **PTPTN telah bersetuju menyediakan Akaun Simpanan SSPN Prime sebanyak RM120,000.00** untuk manfaat murid di samping memupuk budaya menyimpan wang bermula di peringkat awal persekolahan. Usaha ini adalah demi kelestarian pendidikan anak-anak Tabika Perpaduan pada masa hadapan.



PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Terima kasih kepada semua ibu bapa dan penjaga yang telah memilih Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak. Saya mengambil kesempatan ini menyeru semua rakyat Malaysia untuk memilih dan menghantar anak-anak ke tabika perpaduan. Percayalah, tabika perpaduan adalah platform integrasi nasional yang terbaik yang harus diberikan sokongan oleh semua pihak.

Dengan itu, saya dengan rasa sukacitanya **merasmikan Program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan Tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS IFTAR RAMADAN HARMONI 2025 SEMPENA PROGRAM JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

8 MAC 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Petang ini, kita berkumpul bagi meraikan **Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025** dan **Majlis Iftar Ramadan Harmoni** yang dianjurkan oleh **Kementerian Perpaduan Negara**.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada negeri Terengganu yang sudi menjadi **tuan rumah** bagi penganjuran **Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Perpaduan Peringkat Kebangsaan** pada tahun ini.

“

Program Jom Masak Bubur Perpaduan merupakan kali keempat dianjurkan secara serentak di seluruh negara. Pada tahun ini, sebanyak lebih 700,000 bekas bubur lambuk telah diedar serentak di seluruh negara oleh Kementerian melalui Kawasan Rukun Tetangga

”

Program ini bukan sahaja berjaya menghimpunkan dan menggerakkan warga KRT secara bersepadu, tetapi juga dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama.

Melalui program ini juga kita dapat melihat **keterlibatan dan kebersamaan masyarakat** untuk menyediakan bubur perpaduan dan juga berbuka puasa bersama-sama yang menjadi lambang penyatuan dan perpaduan rakyat Malaysia.



PEMBANGUNAN KOMUNITI PROGRESIF

Hadirin yang dihormati sekalian,

Tahun ini, Kementerian akan meraikan **Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga**. Dalam tempoh 50 tahun ini, Rukun Tetangga telah melalui pelbagai evolusi untuk memperkukuhkan peranannya sebagai **penggerak dan pemangkin komuniti yang bersatu padu, sejahtera, mampan dan progresif**.

Pada tahun 2024 sahaja, sebanyak **59,601 aktiviti telah dilaksanakan oleh KRT menerusi lapang bidang tumpuan** iaitu Ekonomi dan Sara Hidup; Keselamatan dan Ketahanan Komuniti; Kepimpinan; Kesejahteraan Komuniti; Pembelajaran Sepanjang Hayat; Alam Sekitar; Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.

Di Negeri Terengganu ini, sebanyak **8 buah KRT telah berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif pada tahun 2024** di bawah Fasa 1 Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif dan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah **RM 811,800.00**.

Dalam siri lawatan saya ke Terengganu kali ini, saya turut berkesempatan mengadakan lawatan ke **KRT Rumah Murah Binjai** yang merupakan salah satu KRT Progresif bagi tahun 2025. KRT ini mengusahakan tanaman pelbagai sayuran seperti **terung, bendi dan kangkung dengan menggunakan kaedah hidroponik**. Bagi merancakkan lagi aktiviti ekonomi komuniti ini, Kementerian bersetuju untuk memberikan **peruntukan sebanyak RM 76, 500.00**.

Dengan adanya projek yang dilaksanakan ini, maka ianya akan dapat membantu usaha kerajaan untuk **meningkatkan pendapatan komuniti** terutama golongan B40, **mengurangkan kos sara hidup** dan membangunkan **RT Berdikari**.



PENUTUP

Syabas dan tahniah kepada **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu** yang telah bertungkus lumus dalam menguruskan program ini dari awal hingga akhir serta semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Semoga segala usaha kita ini menjadi pemangkin perpaduan yang merupakan tonggak keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.



MESYUARAT MEXUNITY BIL. 1 TAHUN 2025

10 MAC 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan **YB Puan Wan Badariah binti Wan Saad, yang telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar Negeri Perlis.**

Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara bersama EXCO - EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO-EXCO Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) ini adalah yang pertama bagi tahun 2025.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, *a quick recap*, pada tahun 2024, Kementerian melalui agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak **730 program** yang berteraskan kepada **kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**. Antara program yang berjaya dilaksanakan adalah :

- i. Sambutan Minggu Perpaduan
- ii. Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif
- iii. Karnival Liga Sukan Uniti
- iv. Cilik Perpaduan
- v. Konvensyen Mediator Komuniti

- vi. Inisiatif Harmoni MADANI
- vii. Penghayatan terhadap Rukun Negara (Debat Perpaduan, Jalinan Integrasi Mahasiswa, Ejen Perpaduan, Kem Perpaduan Anak Malaysia dan Kenali Kita)
- viii. Citra Nusa Muzium
- ix. Karnival Baca Perdana
- x. Konvensyen dan Siri Bicara Bahasa Kolokial
- xi. Misi Sukarelawan Siswa



Saya ingin tekankan bahawa fokus utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.**

Bagi tahun 2025, Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat **konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan 4 ikhtiar utama iaitu **Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.**

PENGURUSAN ISU PERPADUAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi,

Kementerian Perpaduan Negara peka dan telah bertindak dalam memberikan nasihat kepada orang awam berhubung isu-isu berkaitan perpaduan yang berlaku baru-baru ini. Antaranya, polemik **sandwich ham, penjual jagung yang meletakkan papan tanda berunsur perkauman, garis panduan JAKIM, cadangan pewujudan Menteri Hal Ehwal Selain Islam, isu staf Era FM mempersenda agama Hindu dan sebagainya.**

Seperti saya tekankan beberapa kali, Kementerian Perpaduan Negara tidak mempunyai sebarang akta yang memberikan kuasa penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh perihal 3R. Kesemua akta iaitu **Kanun Keseksaan, Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] serta Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]** adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi.



Terdapat pilihan antara pendekatan reformasi (*reformative approach*) dan pendekatan punitif (*punitive approach*). Pada masa ini, Kementerian telah mengguna pakai pendekatan reformasi dengan mengambil tindakan segera dengan membuat teguran kepada pelaku, serta mendorong pelaku membuat permohonan maaf atas kesalahannya dan mendidiknya melalui perkhidmatan Mediator Komuniti.

Jika pendekatan reformasi ini gagal, maka tindakan tegas berdasarkan undang-undang boleh diambil. Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa.

Tetapi Kementerian telah mengambil langkah melalui pengurusan perpaduan dan pelaksanaan program. Antara pengurusan perpaduan yang dijalankan oleh Kementerian adalah:

- I. Pemantauan melalui sistem e-Sepakat
- II. Pemantauan kawasan *hotspot* melalui Dashboard Analitik Perpaduan
- III. Perkhidmatan Mediator Komuniti (571)
- IV. Penubuhan buah Pusat Mediasi Komuniti (lapan sebelum ini dan lima pada tahun ini)
- V. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) dengan keahlian merentasi 12 agensi kerajaan

Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama, pendidikan tentang pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, serta menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama.

KERJASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati,

“

Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat penting dalam memastikan isu perpaduan dapat ditangani secara menyeluruh dan berkesan. Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum, budaya, dan agama, usaha membina perpaduan tidak boleh hanya digerakkan oleh satu pihak sahaja.

”



Ia memerlukan **kesepaduan dasar, tindakan dan komitmen bersama** antara kedua-dua peringkat kerajaan. Setiap negeri mempunyai konteks sosial dan budaya yang unik, justeru **dasar perpaduan perlu diselaraskan dengan mengambil kira sensitiviti serta keperluan masyarakat setempat.**

Oleh itu, mulai selepas ini **saya mohon Kementerian untuk salurkan maklumat atau dapatan keputusan JPIP kepada EXCO Perpaduan Negeri melalui Pengarah Perpaduan Negeri.** Saya berharap agar Kementerian bersama-sama pihak Negeri dapat mengambil tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang berdasarkan syor yang diberikan oleh JPIP.

Saya mengambil kesempatan ini, merakamkan ucapan terima kasih kepada **EXCO Perpaduan Johor kerana memberikan peruntukan tambahan**

sebanyak RM 3,000 kepada jentera perpaduan Kawasan Rukun Tetangga di Negeri Johor. Selain itu, terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pahang yang menyalurkan peruntukan sebanyak RM 500,000.00 kepada JPNIN Pahang pada tahun lalu.

Kerjasama erat antara **Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah kunci dalam memastikan perpaduan negara kekal utuh dan lestari.** Kita tidak boleh mengambil ringan cabaran yang wujud, tetapi dengan **komitmen bersama dan dasar yang inklusif, kita mampu membina Malaysia yang lebih harmoni, bersatu, dan sejahtera untuk semua.**

Sekian, terima kasih.

PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK



**MAJLIS APRESIASI HARMONI KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

10 MAC 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana pada petang ini kita diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama dalam **Majlis Apresiasi HARMONI**.

Majlis ini bertujuan meraikan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung selaku pemegang taruh perpaduan antaranya **ahli MExUnity, ahli MPPN, ahli Jawatankuasa HARMONI, ahli MCCBCHST, Friends of Unity, rakan media dan rakan-rakan strategik KPN** yang bersama-sama bergerak seiring dalam mencapai aspirasi memperkukuhkan agenda perpaduan negara.

Untuk makluman semua, pada tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara melalui agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak **730 program yang berteraskan kepada kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**.

Suka saya nyatakan, kejayaan ini bukan milik KPN sahaja, tetapi adalah hasil kerjasama erat dan semangat kerja berpasukan di setiap lapisan organisasi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat.



HALA TUJU TAHUN 2025

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Kementerian Perpaduan Negara komited untuk terus menjayakan **inisiatif Harmoni MADANI** dengan tujuan memperkukuhkan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum mahupun berbeza anutan agama dan kepercayaan agar dapat hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni.

Justeru, bagi tahun 2025, Kementerian memberikan fokus kepada penganjuran program-program yang berteraskan kepada **Harmoni Dalam Kepelbagaian dan pembinaan Negara Bangsa Progresif**. Melalui penerapan dua fokus ini dalam program-program yang bakal dianjurkan, usaha-usaha untuk memperkasakan hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat dan pembinaan identiti nasional akan dapat direalisasikan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Nega dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia akan **menjalankan Kajian Indeks Perpaduan Nasional 3.0 pada tahun ini yang akan melibatkan pelbagai kelompok masyarakat di seluruh negara**. Oleh itu, saya menyeru agar semua pihak dapat berikan kerjasama kepada pihak penyelidik dalam hal ini.

Kita juga menjangkakan skor sebanyak 0.7 seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke-12.

Suka untuk saya maklumkan juga, **Sambutan Minggu Perpaduan** akan bermula mulai April ini di Negeri Melaka seterusnya di semua negeri dan akhir sekali sambutan peringkat kebangsaan akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang pada Julai ini.

PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

“

Seperti yang kita sedia maklum, kejayaan sesebuah organisasi atau inisiatif yang dirancang tidak pernah terhasil secara bersendirian. Ia adalah hasil daripada jaringan kerjasama yang erat, kesefahaman yang kukuh, dan semangat kebersamaan yang utuh antara semua pihak yang terlibat.

”

Sumbangan dari segi kepakaran, pengalaman, sumber serta komitmen yang diberikan telah menjadi faktor utama yang membawa kita ke tahap ini.

Justeru, pada hari ini, Kementerian juga akan menyampaikan Sijil Penghargaan kepada **rakan-rakan strategik meliputi *Friends of Unity*, agensi-agensi kerajaan serta rakan-rakan media** sebagai tanda penghargaan atas segala usaha dan sumbangan yang telah diberikan.

Saya mengambil kesempatan ini, menyeru semua pihak terutamanya *Government Linked Companies (GLC)*, badan-badan berkanun kerajaan, syarikat korporat dan sebagainya untuk turut sama-sama memainkan peranan dalam mengukuhkan perpaduan negara melalui *Corporate Social Responsibility (CSR)*.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan media yang bantu membantu promosi secara CSR, antaranya Radio Televisyen Malaysia (RTM), Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA), Astro AWANI, Free Malaysia Today, Malaysia Tribune, TV Sarawak, Nanyang Siang Pau dan ramai lagi.

Sehubungan dengan itu, **saya mohon kesemua rakan - rakan media untuk memainkan peranan sebagai Media Suara Rakyat, Pemangkin Perpaduan dalam mempromosikan Kempen Faham Hormat Terima serta Kempen Rukun Negara** sempena Sambutan 55 Tahun Rukun Negara.



PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK



PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Kerajaan sememangnya memainkan peranan penting dalam menggubal dasar yang bersesuaian untuk memastikan perpaduan masyarakat Malaysia sentiasa berada pada tahap yang terkawal. Namun apa yang penting **usaha yang digerakkan kerajaan di sambut baik masyarakat sekaligus memainkan peranan bersama merealisasikan agenda perpaduan** yang telah ditetapkan.

Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menerapkan dan **menyebarkan konsep faham, hormat dan terima** dalam masyarakat bagi memastikan keharmonian dan perpaduan ini kekal selamanya menjadi milik kita semua.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan **Selamat Menyambut Bulan Ramadan** yang mulia ini buat semua rakyat Malaysia yang beragama Islam. Dengan itu, saya **merasmikan Majlis Apresiasi Harmoni 2025** ini.

Sekian, terima kasih.



SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

11 MAC 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Kita berkumpul sama-sama meraikan **Sambutan Hari Wanita Tahun 2025 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara.**

Hari ini bukan sekadar satu acara sambutan, tetapi juga satu penghargaan terhadap sumbangan besar wanita dalam masyarakat dan negara. Maka, izinkan saya memulakan ucapan ini dengan sebuah pantun:

***Cantik berseri si bunga melati,
Harum mewangi di laman istana.
Wanita berani berjiwa murni,
Jasanya besar tiada tandingnya.***

Sejak tahun 1977, **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** secara rasmi mengiktiraf **8 Mac** sebagai **Hari Wanita Sedunia**, sekali gus menggalakkan semua negara memberi penghormatan kepada wanita serta memperjuangkan kesaksamaan gender.

Di Malaysia, Hari Wanita turut diraikan setiap tahun sebagai penghormatan kepada wanita yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. **Kita amat berbangga melihat ramai wanita Malaysia yang berjaya dalam pelbagai bidang, termasuk kepimpinan, ekonomi, pendidikan, sains, dan teknologi.**

“

Tema Hari Wanita 2025, “Wanita Beraspirasi Membina Legasi”, amat bertepatan dalam mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negara. Wanita hari ini bukan sekadar pelengkap kepada masyarakat, tetapi mereka adalah pencetus perubahan dan pemangkin kemajuan.

”



Sejarah telah membuktikan bahawa wanita berperanan besar dalam membangunkan negara. Daripada tokoh kepimpinan, pendidik, ahli ekonomi, pejuang hak asasi, hingga ke barisan hadapan dalam pelbagai sektor, wanita telah menunjukkan kecekalan, keberanian, dan kebijaksanaan dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Jika kita lihat dalam konteks perpaduan negara, wanita mempunyai keunikan tersendiri dalam menyatupadukan masyarakat. Mereka bukan sahaja menjadi tonggak keluarga yang memelihara keharmonian rumah tangga, tetapi juga berperanan sebagai agen perubahan dalam komuniti. Wanita mendidik anak-anak dengan nilai-nilai perpaduan, memupuk sikap toleransi, dan memastikan generasi akan datang terus menghargai kepelbagaian budaya di negara kita.

Walaupun banyak pencapaian telah diraih, kita tidak boleh lupa bahawa masih ada cabaran yang dihadapi oleh wanita, termasuk isu diskriminasi, keganasan rumah tangga, dan ketidaksetaraan peluang. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha untuk memastikan hak-hak wanita sentiasa dilindungi dan dihormati.

Sebagai tanda penghargaan kepada semua wanita, marilah kita berjanji untuk terus menyokong dan menghormati peranan mereka.

Dengan itu, saya merasmikan **Sambutan Hari Wanita Tahun 2025 peringkat Kementerian Perpaduan Negara.**

Sekian, Terima Kasih.





MAJLIS PELANCARAN KAWASAN RUKUN TETANGGA BAHARU SRI AMAN TAHUN 2025

14 MAC 2025

Salam Perpaduan, dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Hari ini kita berkumpul bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Kawasan Rukun Tetangga Baharu Sri Aman Tahun 2025**.

Kawasan Rukun Tetangga adalah sebuah organisasi sukarela yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1975 sebagai wadah penyatuan masyarakat pelbagai kaum.

Dalam **Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12**, yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri turut menyatakan bahawa Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi.

Justeru, bagi menterjemahkan inisiatif ini, **Kerangka Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif** telah dibangunkan dan disusun selaras dengan Dasar Perpaduan Negara. Sebanyak **lapan (8) bidang tumpuan** ditetapkan bagi mencapai matlamat komuniti progresif iaitu:

- I. **Ekonomi dan Sara Hidup**
- II. **Keselamatan dan Ketahanan Komuniti**
- III. **Kepimpinan**
- IV. **Kesejahteraan Komuniti**
- V. **Pembelajaran Sepanjang Hayat**
- VI. **Alam Sekitar**
- VII. **Warisan dan Budaya**
- VIII. **Daya Cipta**



Sebanyak RM20 juta pada tahun 2024 dan RM20 juta juga pada 2025 telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah inisiatif KRT Progresif bagi membangunkan komuniti yang mampan, sejahtera dan progresif yang menjadi tonggak kepada Malaysia MADANI.

Pada tahun 2024, sebanyak 152 KRT telah diperkasakan sebagai RT Progresif yang berupaya membangun komuniti mampan dan progresif.

“

Pada tahun 2025 disasarkan sekurang-kurangnya 300 KRT lagi akan dipilih untuk diperkasakan sebagai RT Progresif dengan penilaian yang terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat.

”





KRT PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

Hadirin yang dihormati sekalian,

Ketika ini terdapat sebanyak **8,529 KRT** telah ditubuhkan di seluruh negara di mana **91 daripada jumlah tersebut adalah merupakan KRT baharu** yang ditubuhkan pada tahun 2024 termasuklah **7 KRT baharu yang ditubuhkan di Lubok Antu (Bahagian Sri Aman)** ini iaitu :

- I. KRT Skrang Skim
- II. KRT Skrang Ili
- III. KRT Batang Ai Ili
- IV. KRT Batang Ai Tengah
- V. KRT Marop Cina
- VI. KRT Klassen
- VII. KRT Undop Tengah

Secara keseluruhan di Negeri Sarawak kini mempunyai sebanyak **1,092 KRT**.

Pemerkasaan RT Progresif yang saya telah perkenalkan pada tahun lalu adalah satu inisiatif yang penting kerana projek ekonomi yang dibangunkan oleh KRT Progresif mampu menjana pendapatan komuniti, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan isi rumah. **Projek ekonomi bawah KRT Progresif meliputi tiga sektor utama, iaitu pertanian, produk makanan dan perkhidmatan.**

Pada tahun 2024, sebanyak **14 buah KRT berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif di Negeri Sarawak serta peruntukan sejumlah RM 1.6 juta telah disalurkan** bagi menjalankan projek ekonomi komuniti dan lain-lain.

BIL	KRT	DANA (RM)
1.	KRT Dang Esah, Pusa	108,500.00
2.	KRT Kampung Kuala Sibuti	115,500.00
3.	KRT Kampung Petanak Seri	138,500.00
4.	KRT Kampung Sinar Budi Lama	139,580.00
5.	KRT Kpg Pemukat	128,500.00
6.	KRT Nanga Ngungun Zon 1, Kanowit	135,500.00
7.	KRT Nanga Ngungun Zon 2, Kanowit	98,500.00
8.	KRT Nanga Ngungun Zon 3, Kanowit	109,200.00
9.	KRT Nanga Tada Zon 3, Kanowit	145,400.00
10.	KRT Rpr Taman Sri Muhibbah	58,500.00
11.	KRT Sungai Banyau	123,100.00
12.	KRT Sungai Senapak Skim B Meradong Zon 2	103,500.00
13.	KRT Kampung Jabai	125,000.00
14.	KRT Kampung Tengah Bakong	106,500.00
	JUMLAH	1,635,780.00

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa mengiktiraf dan menghargai jasa serta pengorbanan sukarelawan Rukun Tetangga yang bertindak sebagai barisan hadapan masyarakat untuk membantu kerajaan memastikan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

Dengan mengambil kira permintaan berterusan masyarakat untuk menubuhkan KRT, maka pada tahun 2025, Kementerian menyasarkan untuk menubuhkan sebanyak **100 lagi KRT baharu**.

Walaupun setiap tahun kita menambah dan menubuhkan KRT baharu tetapi kini terdapat lebih kurang 442 KRT (5.2 %) tidak aktif di seluruh negara. Oleh itu, saya berikan KPI tahun 2025 dengan meminta semua Pengarah Perpaduan Negeri mengambil tindakan proaktif, bekerjasama dengan pelbagai pihak melalui *whole of government approach*, melaksanakan kempen dan sebagainya untuk mengaktifkan KRT-KRT tersebut.



PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

Marilah kita menjadikan Rukun Tetangga ini sebagai satu titik peralihan untuk kita memperbaharui tekad dan komitmen kita dalam memperkukuhkan perpaduan.

Akhir kata, saya dengan sukacitanya **merasmikan Pelancaran Kawasan Rukun Tetangga Baharu Bahagian Sri Aman tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS BUKA PUASA PERPADUAN ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)

19 MAC 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

PENDAHULUAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia & The Pacific (RISEAP)**, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Kompleks Nasyrul Quran atas penganjuran Majlis Iftar Muhibah 2025.



Majlis seperti ini mempunyai kepentingan yang besar dalam mengukuhkan perpaduan dan keharmonian negara kita. **Malaysia, sebagai sebuah negara majmuk, bergantung kepada sikap saling memahami, menghormati dan menerima antara satu sama lain.** Justeru, majlis berbuka puasa bersama ini menjadi satu simbol kebersamaan yang **merapatkan hubungan antara masyarakat tanpa mengira perbezaan.**

Selain itu, ia memupuk semangat kefahaman dan toleransi. Apabila rakan-rakan bukan Islam hadir dan bersama-sama menyaksikan amalan berbuka puasa, mereka dapat lebih memahami adat dan ibadah yang diamalkan oleh umat Islam. Dalam masa yang sama, umat Islam juga dapat menunjukkan keterbukaan. **Inilah yang kita mahukan masyarakat yang saling memahami, bukan sekadar hidup bersama tetapi juga meraikan perbezaan dengan penuh harmoni.**

Saya yakin majlis ini **membantu memperkukuh identiti nasional** kita sebagai rakyat Malaysia. Apabila kita dapat duduk bersama, berkongsi makanan dan berbual mesra, ia menanamkan rasa kebersamaan yang lebih mendalam. Kita bukan sekadar rakyat Malaysia atas kad pengenalan/surat beranak, tetapi benar-benar bersatu hati dalam menghayati semangat perpaduan.

INISIATIF HARMONI MADANI

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam usaha mempromosikan keharmonian antara penganut agama, pelbagai program telah dirangka dan dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara. Antaranya adalah inisiatif ini dilaksanakan dengan **mengetengahkan konsep Faham, Hormat, dan Terima, yang merupakan asas integrasi nasional** untuk mempromosikan pemahaman dan penghormatan terhadap kepelbagaian budaya dan agama.

Antara program dilaksanakan adalah **Sambutan Minggu Keharmonian, Sambutan Hari Toleransi, Jejak Harmoni, Podcast Harmoni, Dokumentari Harmoni, dan Dialog Harmoni.**

Saya menyeru agar semua pihak tidak kira sama ada pertubuhan badan bukan kerajaan, pertubuhan belia dan persatuan komuniti untuk **memperbanyakkan penganjurkan program seperti Iftar Harmoni, Dialog Harmoni dan Jejak Harmoni** antara belia pelbagai agama bagi membina persefahaman yang lebih mendalam.

Untuk makluman semua, bagi meningkatkan hubungan keharmonian di peringkat generasi muda yang berbilang agama, **Kementerian Perpaduan Negara sedang meneliti cadangan yang dikemukakan oleh Pertubuhan Architects of Diversity bagi menubuhkan Gabungan Belia Agama (Youth Interfaith Alliance).**

“

Saya juga berharap agar semua pihak memainkan peranan dalam memupuk nilai kesederhanaan (wasatiyyah) dalam kalangan generasi muda, agar mereka dapat menjadi ejen perpaduan yang aktif dalam komuniti masing-masing. Bak kata pepatah Melayu ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’.

”



PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Majlis Iftar Muhibah 2025 ini mengingatkan kita bahawa **kepelbagaian bukanlah penghalang kepada perpaduan, tetapi harus dijadikan sebagai satu kekuatan dalam membentuk masyarakat yang lebih inklusif.** Kepelbagaian budaya, agama, dan latar belakang tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi landasan untuk kita saling memahami, menghormati, dan bekerjasama demi kesejahteraan bersama.

Semoga usaha murni ini diberkati dan membawa manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PELANCARAN LAPORAN RASISME MALAYSIA 2024

21 MAC 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

PENDAHULUAN

Hari ini adalah **Hari Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Perkauman**, satu hari yang amat penting dalam usaha global untuk menegakkan prinsip keadilan sosial.

Untuk makluman hari ini bukan sekadar peringatan, tetapi juga lambang **komitmen teguh** di peringkat global dan nasional dalam membasmi insiden **perkauman, diskriminasi kaum, penghinaan perkauman, dan prasangka** yang boleh mengugat keharmonian masyarakat.



Malaysia, sebagai sebuah negara yang **kaya dengan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya**, sentiasa menitikberatkan nilai perpaduan, keharmonian, dan saling menghormati. **Kepelbagaian adalah kekuatan kita**, dan kita harus memastikan bahawa kepelbagaian ini terus menjadi pemangkin kepada kestabilan dan kemajuan negara.

Dalam usaha memperkukuhkan perpaduan, kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan **Dasar Perpaduan Negara** sebagai panduan utama dalam membina sebuah masyarakat yang bersatu padu, harmoni, dan inklusif.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam mempromosikan keharmonian sosial melalui pendekatan baharu iaitu **Harmoni Dalam Kepelbagaian dan pembinaan Negara Bangsa Progresif**.

Namun, kita tidak boleh menafikan bahawa cabaran masih wujud. Diskriminasi perkauman dalam apa jua bentuknya yang boleh merosakkan ikatan yang telah kita bina sekian lama. Oleh itu, adalah menjadi **tanggungjawab kita bersama** untuk memastikan bahawa prinsip integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima terus diamalkan dalam setiap aspek kehidupan**.

Pengurusan isu dan cabaran menyentuh konteks perpaduan memerlukan

pendekatan dan inisiatif berterusan bagi memastikan keadaan perpaduan masyarakat sentiasa terpelihara. Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) tahun 2022 mencatat nilai 0.629 menunjukkan perpaduan nasional berada pada tahap sederhana dan terkawal. 10 defisit sosial yang perlu diberikan perhatian adalah **Etnisiti, Agama, Kelas Sosial, Pendidikan, Bahasa, Jurang Generasi, Gender, Politik Federalisme, Media dan Ruang Bandar-Desa**.

Memahami isu dan cabaran perpaduan atau defisit sosial membantu semua pihak bersedia dalam berhadapan dengan pelbagai kemungkinan yang boleh menimbulkan kekacauan dan menggugat perpaduan.



“

Saya ingin menegaskan bahawa diskriminasi dalam apa jua bentuk tidak seharusnya wujud dalam masyarakat kita. Ia hanya akan merosakkan asas perpaduan yang telah kita bina selama ini. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menolak sikap prejudis, stereotaip negatif, dan sebarang bentuk ketidakadilan yang berasaskan kaum atau agama.

”



Sempena Hari Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Perkauman ini, marilah kita menanam tekad untuk **membina Malaysia MADANI yang lebih bersatu-padu, inklusif, dan harmoni**. Bersama-sama, kita memastikan bahawa **generasi akan datang mewarisi negara yang bebas daripada segala bentuk diskriminasi**.

Sekian, Terima kasih.



MAJLIS IFTAR PERDANA NGO FAMILY OF CHARITY

26 MAC 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

Mengadap,

Yang Amat Mulia Tengku Syarif Temenggong Perlis Dato Seri Diraja Syed Amir Abidin Jamalullail ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail & Yang Mulia Che' Puan Temenggong Perlis Datin Seri Diaraja Farinawati Datuk Mohd Din (Penaung Diraja Persatuan Sinaran Hidup).



PENDAHULUAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kepada Persatuan Sinaran Hidup serta semua rakan strategik di atas penganjuran **Majlis Iftar Perdana NGO Family Of Charity** pada hari ini.

Saya turut bersyukur kerana pada petang ini dapat bersama-sama berbuka puasa serta dapat **menyampaikan sumbangan kepada para asnaf, golongan Orang Kurang Upaya, ibu tunggal dan golongan rentan.**

Program seumpama ini adalah sebahagian daripada aktiviti yang bermanfaat yang boleh mengukuhkan hubungan akrab serta memupuk perpaduan yang jitu sesama kita tanpa mengira bangsa dan agama. Saya percaya melalui program yang dianjurkan ini kita dapat membina tapak integrasi yang lebih kukuh dan seterusnya dapat mewujudkan satu masyarakat yang harmoni, aman dan sejahtera.

Selain itu, bagi membentuk negara yang bersatu padu, setiap daripada **kita harus memahami antara satu sama lain, menghormati dan menerima kepelbagaian yang ada.** Peribahasa “rambut sama hitam, hati lain-lain” jelas menunjukkan walaupun manusia mempunyai warna rambut yang sama tetapi keinginan manusia adalah berbeza.

**PERPADUAN TANGGUNGJAWAB
BERSAMA**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

“

Perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi ia adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu, saya ingin mengajak semua pihak ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan pihak swasta untuk berganding bahu dalam menerapkan nilai perpaduan dalam kehidupan seharian.



Keluarga adalah institusi pertama yang membentuk nilai dan pemikiran generasi muda. Ibu bapa perlu menjadi contoh dalam menanamkan nilai-nilai murni, seperti sikap hormat-menghormati dan tolak ansur, dalam diri anak-anak sejak kecil.

Saya menyeru agar semua pihak berperanan dalam memupuk nilai **kesederhanaan (wasatiyyah)** dalam kalangan generasi muda. Nilai ini penting dalam membentuk sikap keterbukaan, toleransi, dan saling menghormati antara satu sama lain. Dengan adanya sikap sederhana ini, kita dapat memastikan bahawa masyarakat kita tidak mudah terpengaruh oleh elemen-elemen ekstremisme yang boleh merosakkan keharmonian negara.

Sebagai rakyat Malaysia, kita harus terus berusaha untuk memperkukuhkan keharmonian negara. Marilah kita sama-sama **menolak segala bentuk ekstremisme, perkauman sempit, dan sikap fanatik yang boleh merosakkan keamanan** yang kita nikmati hari ini.

”



PENUTUP

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penganjur bersama Family of Charity (Persatuan Sinaran Hidup) serta rakan-rakan kerjasama strategik **Yayasan Taqwa, Mohd Chan Group, Two Sons Bistro, Yakult, Adabi, KK Mart Sdn Bhd, Bio Care Sdn Bhd, dan Koka Glico Sdn Bhd.**

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya mengambil peluang ini mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin** kepada semua yang hadir pada petang ini.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN *KICK OFF* SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI MELAKA

4 APRIL 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga kerja Kementerian Perpaduan Negara serta agensi-agensi dibawahnya atas penganjuran **Majlis Perasmian *Kick-Off* Sambutan Minggu Perpaduan 2025 yang bertempat di Negeri Melaka.**

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk **menyebarluas penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia.** Pada tahun ini, Kementerian mengangkat **tema ‘Harmoni Dalam Kepelbagaian’ bagi penganjuran sambutan SMP 2025.**

Saya yakin menerusi pendekatan penyatuan nasional ini, ia berupaya memupuk semangat kebersamaan dan kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia. **Rakyat seharusnya turut sama mengambil bahagian dalam mendepani cabaran masa depan iaitu pembinaan Negara Bangsa yang progresif.**



Hadirin yang dihormati sekalian,

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN

Untuk makluman semua, pelaksanaan **Sambutan Minggu Perpaduan telah dilaksanakan bermula tahun 2023**, yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika itu di Negeri Sarawak. Manakala pada tahun lalu, sambutan peringkat kebangsaan yang berlangsung di Negeri Johor telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Suka untuk saya kongsikan, pelaksanaan SMP ini mempunyai daya tarikan tersendiri yang mampu menarik minat golongan muda terutamanya apabila **pelaksanaannya di Negeri Johor tahun lalu yang mengetengahkan pameran 22 Rumah Etnik, perkampungan orang Asli dan Iban serta Malaysia Book of Records bagi “Most Participants in Kacang Pool Eating Session” yang menjadi tumpuan utama.**

Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara Bersama Menteri Perpaduan Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity) Bilangan 2 Tahun 2024 telah **bersetuju** agar **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 diadakan di Negeri Pulau Pinang pada Julai ini.**

Bagi merancakkan pelaksanaan SMP, beberapa **pengisian tambahan (baharu) akan disertakan pada tahun ini.** Antaranya:

- I. Pameran Negarawan;
- II. Pelaksanaan Wayang Pacak
- III. Bicara Harmoni Perpaduan;
- IV. Pameran Tabika Perpaduan;

V. Pertandingan Sukan Rakyat Peringkat Komuniti;

VI. Pertandingan Persembahan Boria

VII. Pertandingan Ratu Cantik Pakaian Tradisional Pelbagai Kaum;

VIII. Ronggeng Tradisional;

Pelaksanaan program Sambutan Minggu Perpaduan mampu menjadi **wadah perpaduan dan tapak integrasi yang berkesan hingga ke peringkat akar umbi** untuk memperkukuh serta mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan.

“

Kebersamaan dalam pelbagai aktiviti sosial dan interaksi yang aktif merentasi kaum dan generasi dapat merapatkan jurang yang wujud dan membentuk rakyat Malaysia yang memahami, menerima dan menghormati kepelbagaian yang wujud di negara ini.

”

Hadirin yang dikasihi sekalian,

rukun negara kunci kejayaan

Saya ingin mengingatkan kita semua bahawa **keharmonian** yang kita nikmati hari ini tidak datang dengan mudah. Ia memerlukan usaha yang berterusan daripada setiap individu di negara ini untuk **meningkatkan kasih sayang dan hormat-menghormati** sesama kita. Keharmonian hanya akan tercapai apabila kita saling menghormati hak dan kepercayaan antara satu sama lain, walaupun terdapat perbezaan pendapat, kepercayaan, budaya, dan latar belakang.

Kita perlu sentiasa mengingatkan diri kita bahawa **kepelbagaian itu adalah kekuatan**, dan bukannya penghalang. Perpaduan sejati tercapai apabila kita melihat kepelbagaian sebagai satu peluang untuk saling memahami dan menerima, bukan untuk memecahbelahkan.

Rukun Negara merupakan dasar yang sangat penting dalam pembentukan identiti negara Malaysia dan memainkan peranan utama dalam mencapai perpaduan yang utuh di kalangan rakyat pelbagai kaum, agama, dan budaya. Diperkenalkan pada 31 Ogos 1970, Rukun Negara telah menjadi pedoman utama dalam membentuk masyarakat yang harmoni, saling menghormati, dan bertoleransi. Dalam konteks ini, **Rukun Negara bukan sahaja sekadar sebuah prinsip tetapi juga kunci kejayaan perpaduan** di Malaysia.

Memandangkan tahun ini, kita akan menyambut **55 tahun Rukun Negara**, maka saya menyeru agar **Kempen Taat Setia Rukun Negara dimulakan dari Negeri Melaka**. Saya yakin perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kerana salah satu program signature Negeri Melaka adalah Pidato Rukun Negara.





Hadirin yang dimuliakan sekalian,

PENUTUP

SMP merupakan satu seruan untuk kita mengambil langkah bersama ke arah masyarakat yang lebih bersatu. Dalam menghadapi pelbagai cabaran dan perbezaan, kita perlu terus memperkukuh rasa saling hormat, bekerjasama, dan menghargai antara satu sama lain. Inilah kunci kepada kejayaan negara kita dalam menghadapi sebarang rintangan.

Setiap individu, tanpa mengira latar belakang atau agama, mempunyai peranan penting dalam memastikan negara kita kekal aman dan harmoni.

Dengan itu, saya merasmikan **Majlis Perasmian Kick Off Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2025.**

Sekian, Terima Kasih.



MAJLIS PERASMIAN PERAYAAN SONGKRAN KAMPUNG TASEK 2025

13 APRIL 2025

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Persatuan Siam Malaysia serta masyarakat Pengkalan Hulu** atas penganjuran **Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan** bersama dengan Kementerian Perpaduan Negara.

Perayaan Songkran adalah perayaan utama dan yang penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia yang menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Saya difahamkan bahawa sambutan **Songkran di Kampung Tasek telah berlangsung sejak 49 tahun yang lalu dan pada kali ini adalah sambutan yang ke-50 tahun**. Ini membuktikan bahawa masyarakat Siam di Malaysia mempunyai warisan budaya yang kukuh serta terus dipertahankan dari generasi ke generasi. Tahniah atas usaha ini!

SONGKRAN SIMBOL KEPELBAGAIAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Perayaan Songkran adalah salah satu daripada warisan budaya yang kaya yang kita miliki di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan pelbagai tradisi dan amalan, adalah **menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara warisan ini agar ia tidak hilang ditelan zaman**.

Songkran memberi kita peluang untuk mengenali dan menghargai tradisi masyarakat Siam, yang telah wujud selama bertahun-tahun. Tradisi ini bukan sahaja memberi kita pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan masyarakat Siam, tetapi juga mengajak kita untuk lebih menghargai nilai-nilai murni seperti kasih sayang, dan hormat dalam kehidupan seharian.

“

Sebagai rakyat Malaysia, kita harus menghargai setiap warisan yang dimiliki oleh pelbagai kaum di negara kita. Warisan budaya ini adalah jambatan yang menyatukan kita sebagai satu bangsa, tanpa mengira latar belakang etnik, agama, dan budaya

”

Memelihara warisan budaya adalah tugas kita bersama, untuk memastikan bahawa generasi akan datang dapat mewarisi dan merasai keindahan nilai-nilai yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita.

KERAJAAN KOMITED MEMELIHARA BUDAYA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Untuk makluman, Kerajaan MADANI di bawah pimpinan YAB Dato Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukkan sebanyak **RM 1 Juta melalui Bajet MADANI 2025 kepada usaha memelihara budaya dan bahasa kaum minoriti Siam di Malaysia.**

Ini adalah langkah penting bukan sahaja untuk memperkukuh **perpaduan dan pembinaan Negara Bangsa**, tetapi juga untuk memastikan bahawa **semua kaum di Malaysia, termasuk minoriti, mendapat pengiktirafan yang sewajarnya** terhadap sumbangan mereka dalam membentuk negara ini. Kerajaan MADANI memahami bahawa kepelbagaian budaya adalah kekuatan kita, dan setiap kaum berhak untuk terus meraikan tradisi mereka dalam suasana yang aman dan harmoni.

Selain itu, **Kementerian Perpaduan Negara (KPN) juga terus memperkukuh integrasi sosial menerusi pendidikan dan penglibatan belia** melalui program-program kesedaran bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat mengenali dan menghargai warisan budaya pelbagai etnik di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar Kementerian menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) melaksanakan **Program Jalinan Integrasi Mahasiswa atau Misi Sukarelawan Siswa di Pengkalan Hulu ini pada tahun hadapan.** Melalui pelaksanaan program seperti ini, generasi muda dapat mengenali lebih dekat warisan, adat resam dan budaya masyarakat Siam di Malaysia.

Bagi meningkatkan promosi dalam platform media perdana dan media sosial berhubung kepelbagaian etnik di negara ini, Kementerian akan juga menerbitkan **Dokumentari Budaya Etnik Minoriti** **terutamanya melibatkan etnik Siam, Portugis, Cheti, Bajau, Orang Ulu Sarawak dan masyarakat Semai.**





Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Perpaduan adalah asas kepada kejayaan kita, dan kita mesti terus menjaga semangat perpaduan ini dalam semua aspek kehidupan. **Perayaan Songkran adalah contoh yang baik tentang bagaimana kita boleh meraikan perbezaan, menghormati satu sama lain, dan menjaga keharmonian dalam negara yang berbilang kaum ini.**

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penganjuran Perayaan Songkran pada tahun ini. Semoga perayaan ini bukan hanya memberikan kegembiraan, tetapi juga mengingatkan kita tentang pentingnya perpaduan, keharmonian, dan saling menghormati dalam kehidupan kita.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025.**

Selamat Menyambut Songkran! Sawadee Pee Mai!

Sekian, terima kasih.



EMPOWERING EDUCATION SUMMIT 2025

21 APRIL 2025

Salam Perpaduan and Salam Malaysia MADANI.

WELCOMING REMARKS

It is a great honour for me to address this distinguished gathering at the **Empowering Education Summit 2025**. I would like to extend my sincere appreciation to the **KSI Strategic Institute for Asia Pacific, Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU), National Association of Private Educational Institutions (NAPEI), and the ASEAN Business Club** for organizing this important forum.

I extend my heartfelt thanks to the organizers for creating this vital platform to discuss one of the most important pillars of our nation's progress which is **“Fostering National Unity Through Education”**.

Today, I speak to you not just as the Minister of National Unity, but as a fellow Malaysian who deeply believes in the rich strength of our diversity. Malaysia is home to a tapestry of cultures, religions, and languages, a vibrant mosaic that is both our heritage and our future. But for this diversity to remain a source of strength, it must be nurtured by **understanding, respect and acceptance**. And **where does this nurturing begin? It begins with education**.

Education is the most powerful tool we must shape the future of our society. It is in our classrooms that the seeds of unity are first planted where young minds begin to learn not only about the world around them, but also about one another.



When children sit side by side in the same classroom, sharing knowledge, laughter, and dreams, they also begin to share understanding. **They learn to look beyond skin colour, religion, or language. They learn to see the human being in each other. This is where unity begins.**

To foster this kind of unity, we must first look at the **curriculum**, what we teach, how we teach, and what values we embed in our teaching.

Our national curriculum must do more than deliver academic knowledge. It must reflect the **shared history, struggles, and successes** of all Malaysians. **It must celebrate our rich cultural heritage while reinforcing a strong sense of national identity.**

We must teach our children to value diversity, not fear it. To embrace differences, not reject them. To listen, to empathize, and to engage in meaningful dialogue. Let us create a curriculum that doesn't just prepare students for exams but prepares them to become **citizens of unity**, builders of peace, and ambassadors of tolerance.

Ladies and gentlemen,

MINISTRY OF NATIONAL UNITY'S EFFORT

“

In line with our vision to build a harmonious, inclusive, and united Malaysia, the Ministry of National Unity has implemented several key initiatives aimed at nurturing the values of unity from the earliest stages of life and continuing through to higher education and national engagement.

”

These efforts are not only designed to promote understanding and appreciation of our diverse cultures but also to instil the principles of mutual respect, civic responsibility, and national pride in every Malaysian. Allow me to highlight key initiatives that form the foundation of our unity agenda.

Firstly, **1,781 Tabika Perpaduan** (*Unity Preschools*) has been introduced Rukun Negara module, inculcation of unity and good values and a module for children to be more independent. The Ministry of National Unity proposes that the **Rukun Negara Education Module** be expanded to all kindergartens across the country, including preschools under the Ministry of Education (KPM), Tabika KEMAS, and private preschools.

Secondly, we are committed to expanding the numbers of **Rukun Negara Clubs and Rukun Negara Secretariats in schools and higher education institutions across the country**. This initiative aims to strengthen our efforts in nurturing the spirit of unity among the younger generation. These clubs and secretariats will serve as champions of unity within their institutions, playing a crucial role in turning the ideals of the Rukun Negara into a lived reality for every Malaysian.

Besides, few impactful programs been and will be conducted through Department of National Unity and Integration such as **Program Gerak Integrasi Perpaduan, Secretariat Rukun Negara Convention, Citra Negaraku, Jalinan Integrasi Mahasiswa, and Unity Public Speaking**.



Ladies and gentlemen,

NATIONAL EDUCATION UNITY INDEX

I would also like to take this opportunity to acknowledge a valuable suggestion brought to my attention by the organising committee, the development of a **National Education Unity Index**.

In fact, I am pleased to share that the **Ministry of Education has already taken important steps in this direction** through the implementation of the **School Unity Index (*Indeks Perpaduan Sekolah*)**.

In 2021, the index recorded a score of **6.27**. This figure rose to **7.10 in 2022**, and further improved to **7.51 in 2023**. This steady increase reflects the growing impact of our collective efforts to promote unity among both students and educators in our schools. This study, which is a key initiative in strengthening national unity at the grassroots level, was made possible through the collaboration of **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), and Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**.

The methodology employed is robust, using **quantitative data** collected online from both students and teachers via the **DELIMa platform**, ensuring wide participation and accurate representation. This initiative marks a significant step in grounding our unity-building efforts in **evidence-based insights**, allowing us to better understand where we are and what more needs to be done.

I would also like to highlight one of the key suggestions from the **2022 School Unity Index Report** which advocates for the **empowerment of both curricular and co-curricular activities across ethnic groups**, with a particular focus on the states of **Terengganu, Kelantan, Pahang, and Kedah**.

This suggestion is based on the recognition that fostering unity requires more than just classroom teaching. It is essential that we create opportunities for students from different backgrounds to come together, collaborate, and understand one another outside the academic setting. By enhancing these cross-ethnic activities, we can create stronger bonds between students from diverse communities and regions.



Ladies and gentlemen,

CONCLUSION

In a world increasingly divided by race, religion, and politics, Malaysia has the opportunity and the responsibility to show that unity is possible. That peace is possible. That **diversity can be our strength**, not our weakness.

Let us invest in an education system that nurtures thinkers, dreamers, and peacemakers. Let us raise a generation that no longer asks, “What divides us?” but instead, “What binds us together as Malaysians?” **Education is our bridge. Unity is our goal. And the future is ours to shape together.**

Thank You.



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT SEMPENA HARI BUKU DAN HAK CIPTA SEDUNIA

22 APRIL 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Pada pagi ini, kita berhimpun bagi meraikan **Majlis Perasmian Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca 2025** yang diadakan sempena **Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia** yang disambut pada setiap 23 April.

Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia atas pelaksanaan inisiatif ini. Usaha ini mampu **menyemarakkan kembali budaya membaca**, malah sejajar dengan **hasrat negara mewujudkan masyarakat berpengetahuan – Knowledgeable Society**.



Perpustakaan sebagai gedung ilmu mempunyai peranan yang amat signifikan dalam membangunkan sesebuah negara. Saya amat berharap agar institusi perpustakaan dapat diserlah dan disedari akan kepentingannya sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi termasuk juga politik, sosial, pendidikan dan kebudayaan negara ini.

Kini, di **Malaysia** terdapat sebanyak **1,076 buah perpustakaan desa (506 di bawah PNM dan 570 di bawah negeri)** yang memberi perkhidmatan kepada seluruh rakyat Malaysia dari **Perlis hingga ke Sabah**. Ini tidak termasuk perpustakaan universiti, perpustakaan awam negeri, perpustakaan di agensi kerajaan dan termasuklah pusat sumber sekolah yang **keseluruhannya berjumlah sebanyak 13,674 buah**.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

MEMBACA SEBAGAI SATU GAYA HIDUP

Berdasarkan **Kajian Profil Membaca 2022/2023**, jumlah buku yang dibaca dalam tempoh setahun meningkat kepada **24 naskhah berbanding 15 naskhah pada tahun 2014**.

Budaya membaca wajar dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat Malaysia. Amalan membaca adalah langkah pertama kepada segala kemajuan dan menjadikan manusia lebih berdaya maju dan matang dari segi pemikiran. **Kemajuan negara dan ketamadunan bangsa dapat dikembangkan dan dipertingkatkan jika bangsa itu berfikiran tinggi yang lahir dari amalan membaca.**



Selari dengan matlamat tersebut, Kementerian Perpaduan Negara menerusi Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan sebanyak **48,686 program galakan membaca pada tahun 2024**.

Antaranya **Program Jom Baca Bersama 10 Minit**, iaitu sebuah inisiatif bermakna yang bertujuan untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Saya percaya bahawa usaha kita hari ini, walaupun hanya 10 minit tetapi ia mampu memberi impak besar jika ia menjadi amalan harian dalam kehidupan masyarakat kita. Bak kata pepatah, “sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit.”

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

**BAUCAR BUKU SEMARAK MEMBACA
2025**

“

**Kerajaan MADANI
sentiasa komited
dalam usaha untuk
meringankan
beban rakyat,
terutamanya dalam
aspek pendidikan
dan akses kepada
sumber ilmu.**

**Antara inisiatif
yang dilaksanakan
termasuklah
pemberian baucar
buku, yang bukan
sahaja membantu
meringankan kos
pembelian bahan
bacaan, malah
secara langsung
dapat memupuk
dan memperkasa
budaya membaca
dalam kalangan
masyarakat.**

”



Hari ini, saya akan melancarkan **Baucar Buku Semarak Membaca 2025** iaitu sebuah inisiatif oleh **Perpustakaan Negara Malaysia** dengan kerjasama antara **Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia, dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.**

Untuk makluman semua, program ini telah berjaya dilaksanakan **pada tahun 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 dengan penerima manfaat seramai 88,500 penerima baucar dan pada tahun 2022 sebanyak RM2,000,000.00 kepada 190,000 penerima.**

Program ini diteruskan pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00. Insentif ini adalah bertujuan untuk membantu dan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan-bahan ilmiah serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

Kementerian Perpaduan Negara berterima kasih kepada pihak **Shopee, sebagai rakan e-dagang rasmi** Perpustakaan Negara Malaysia. Melalui jalinan kerjasama ini, Shopee telah bersetuju untuk memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu menyumbangkan baucar Shopee Live bagi mengalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca. Usaha murni ini boleh menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain bagi membentuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.



PENUTUP

Budaya pembacaan adalah asas penting dalam membentuk masyarakat yang maju, berilmu dan berakhlak tinggi. Membaca bukan sekadar satu hobi, tetapi satu keperluan dalam kehidupan masyarakat kerana membaca adalah kunci kepada ilmu, kebijaksanaan, dan kejayaan dalam hidup.

Saya juga ingin mengajak semua untuk menyahut seruan Kempen Jom Baca Bersama 10 Minit sebagai langkah awal dalam membudayakan pembacaan.

Sebelum bermohon diri, izinkan saya berkongsi serangkap pantun:

Buah berangan lebat di hujung,
Dahan putus jatuh ke paya,
Faedah membaca tidak terhitung,
Bangsa membaca bangsa berjaya.

Akhir kata, saya dengan sukacitanya **merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca 2025.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PELUNCURAN PAMERAN SEMANGAT ASEAN, PAMERAN KARYA AGUNG DAN MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI JABATAN MUZIUM NEGARA (JMM)

24 APRIL 2025

Salam Perpaduan, dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Syukur, pagi ini kita dapat berkumpul bersama-sama di **Majlis Peluncuran Pameran Semangat ASEAN, Pameran Karya Agung dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri** anjuran Jabatan Muzium Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** terutama kepada warga kerja Jabatan Muzium Malaysia.

Aidilfitri adalah simbol kemenangan, bukan sahaja atas kejayaan menunaikan ibadah puasa, tetapi juga dalam mengawal diri, memperkuat akhlak dan mempererat hubungan sesama insan. Ia adalah masa untuk saling bermaafan, memperbaharui silaturahim dan menyemai kasih sayang tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

PENGISIAN PROGRAM JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Untuk makluman semua, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) khususnya Muzium Negara telah merangka pelbagai aktiviti menarik sepanjang tahun ini. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak **138 program telah dirancang bagi tahun 2025**.



Sebagai institusi yang memelihara sejarah dan budaya negara, **Muzium Negara memainkan peranan penting bukan sahaja dalam mendidik masyarakat, tetapi juga dalam memperkukuhkan semangat perpaduan dan jati diri kebangsaan.** Program-program anjuran Muzium seperti pameran, bengkel, dan aktiviti komuniti bukan sekadar memberi maklumat ia membina jambatan antara generasi dan antara kaum.

Melalui pendekatan yang inklusif dan interaktif, **Muzium Negara berjaya menjadi ruang pertemuan budaya,** tempat di mana semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang boleh berkumpul, belajar, dan menghargai kekayaan sejarah negara kita bersama-sama.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyambut baik usaha-usaha yang dimainkan pelbagai pihak sebagai rakan kolaboratif bagi membantu membina tapak integrasi yang lebih kukuh melalui program-program yang dilaksanakan.

Seperti diterangkan oleh Ketua Pengarah sebentar tadi, penganjuran **Pameran Karya Agung mempamerkan pelbagai koleksi seni kraf tempatan daripada pelbagai kaum termasuk Tokoh dan Adiguru Kraf Negara terdiri daripada Sabah, Sarawak dan Masyarakat Orang Asli.** Ini jelas memperlihatkan bagaimana warisan seni kraf ini turut menjadi wahana perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia dan menjadi tarikan pelancong di negara ini.

Begitu juga dengan **Pameran Semangat ASEAN** yang diadakan bukan sahaja bertujuan untuk memperkenalkan kepelbagaian budaya dan tradisi daripada negara-negara ASEAN, tetapi juga menonjolkan pencapaian kita sebagai sebuah negara yang menjadi contoh kepada dunia dalam hal perpaduan dan integrasi pelbagai kaum.

Hadirin saya hormati sekalian,

WARISAN DUNIA UNESCO /
UNESCO MEMORY OF THE WORLD
INTERNATIONAL REGISTER

“

Sukacita saya ingin mengumumkan bahawa koleksi The Birth of the Association of Southeast Asia Nations (ASEAN) (Archives about the Formation ASEAN, 1967 – 1976) yang dicalonkan oleh Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand berjaya diiktiraf di bawah Daftar Warisan Dunia UNESCO atau UNESCO Memory of the World (MoW) International Register pada 17 April 2025 di Paris, Perancis.

”

The ASEAN *Declaration* atau Deklarasi ASEAN bertarikh 8 Ogos 1967 daripada Arkib Negara Malaysia merupakan salah satu bahan yang menyumbang kepada kejayaan ini.

Turut mendapat pengiktirafan *UNESCO Memory of the World International Register* adalah *The Works of Hamzah Fansuri*, karya agung kesusasteraan Melayu abad ke-16 menerusi pencalonan bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia. Pengiktirafan ini amat signifikan kepada Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini.





Hadirin yang dimuliakan sekalian,

PENUTUP

Saya amat menyokong dan menggalakkan penyertaan aktif daripada pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan muda, dalam program-program seperti ini. Mereka adalah pewaris masa depan negara dan perlu diasuh dengan kefahaman yang mendalam tentang asal-usul dan pembinaan negara bangsa.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, terima kasih sekali lagi diucapkan kepada institusi muzium, semua rakan strategik, rakan media dan semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung demi memastikan kelancaran bagi pelaksanaan program ini.

Saya dengan ini berbesar hati merasmikan **PAMERAN SEMANGAT ASEAN, PAMERAN KARYA AGUNG dan MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI, JABATAN MUZIUM MALAYSIA.**

Sekian, Terima Kasih.



PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SARAWAK TAHUN 2025

26 APRIL 2025



Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENDAHULUAN

Hari ini, kita berkumpul bagi meraikan **Sambutan Hari Raya Aidilfitri Perpaduan Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2025**. Tahniah dan syabas kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sarawak atas penganjuran program ini.

Saya difahamkan sambutan pada hari ini turut dihadiri seluruh jentera perpaduan peringkat akar komuniti iaitu **Kawasan Rukun Tetangga, anggota Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, warga Taska & Tabika Perpaduan, Skuad Uniti dan pertubuhan badan bukan kerajaan**.

Sambutan Aidilfitri bukan sekadar perayaan bagi umat Islam, tetapi telah menjadi satu manifestasi keharmonian rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Di sinilah, di peringkat komuniti inilah, **nilai-nilai muhibah, saling menghormati dan semangat kejiranan benar-benar diterjemahkan**.

Apabila komuniti berganding bahu menganjurkan sambutan seperti ini, kita bukan sahaja memperkukuh hubungan sesama penduduk, malah turut **membuka ruang untuk saling mengenali dan memahami adat serta budaya antara satu sama lain**. Ini adalah asas kepada perpaduan nasional yang tulen, bermula dari kejiranan, membawa ke negeri dan seterusnya ke seluruh negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

PEMERKASAAN JENTERA PERPADUAN

Kini, terdapat sebanyak **8,554 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** di seluruh negara dan di Sarawak sahaja terdapat **1,092 KRT**.

Kerajaan sentiasa mengiktiraf dan menghargai jasa serta pengorbanan sukarelawan Rukun Tetangga yang bertindak sebagai barisan hadapan masyarakat untuk membantu kerajaan memastikan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

Kepentingan KRT bukan sahaja terletak pada program-program yang dijalankan, tetapi juga pada semangat yang dihidupkan: **semangat kekitaan, semangat saling percaya, dan semangat bersatu dalam kepelbagaian**. Inilah asas kepada keharmonian dan kestabilan negara kita.

Saya ingin menyeru kepada semua penduduk setempat, khususnya generasi muda, agar turut serta dan mendukung usaha KRT. Jika perpaduan itu akar kepada kemajuan negara, maka KRT ialah tanah tempat akar itu tumbuh subur.

Seperti semua sedia maklum, pada tahun 2024 selaras dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk membangun masyarakat progresif, maka Kementerian mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan **RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif**.

Sebanyak lapan (8) bidang tumpuan yang telah ditetapkan untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai entiti yang

penting dan inklusif serta berupaya membangun komuniti progresif iaitu **Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta**.

“

Saya ingin mengumumkan bahawa sebanyak 39 KRT telah dipilih untuk dijadikan sebagai KRT Progresif di Negeri Sarawak pada tahun ini. Semoga kesemua KRT Progresif ini dapat menjadi model yang terbaik kepada KRT-KRT yang lain di negeri ini.

”

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengumumkan peruntukan sejumlah **RM302,775.00** kepada **5 buah tabika perpaduan** iaitu **RPR Permyjaya Miri, Ong Tiang Swee Kuching, Sungai Plan Bintulu, Siol Kandis Kuching dan Kampung Pahlawan Limbang**. Peruntukan ini adalah bagi menjalankan kerja-kerja penambahbaikan yang dapat memberikan manfaat kepada anak-anak kita.





Hadirin yang saya kasihi sekalian,

PENUTUP

Saya ingin menyeru agar kita semua khususnya generasi muda melihat KRT bukan sebagai satu badan yang hanya wujud di papan tanda atau kertas kerja semata-mata. Sebaliknya, marilah kita menyertai dan menghidupkan semangat KRT ini sebagai satu **gerakan rakyat** yang berlandaskan semangat kekitaan.

Perpaduan tidak lahir dengan sendirinya. Ia perlu dipupuk, disemai dan dijaga. Dan KRT adalah salah satu alat paling berkesan yang kita miliki untuk tujuan itu.

Dengan ini saya merasmikan **Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak Tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PENUTUPAN MADANI BERKHIDMAT: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2025

28 APRIL 2025

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENDAHULUAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada **100 orang sukarelawan siswa dan alumni** kerana telah menyertai **MADANI Berkhidmat: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2025** yang bermula pada 12 April 2025 sehingga 30 April 2025.

Saya difahamkan seramai 1,147 mahasiswa daripada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), politeknik dan kolej komuniti telah hadir sesi pemilihan pada bulan Januari yang lalu. Daripada jumlah tersebut, seramai 86 orang sukarelawan siswa terbaik yang telah berjaya terpilih ke Misi Sukarelawan Siswa di Negeri di bawah Bayu ini.

MADANI BERKHIDMAT : MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2025

Hadirin yang saya hormati sekalian,

“

Tahun ini merupakan tahun ke-9 Yayasan Sukarelawan Siswa berbakti di negeri kedua terbesar di Malaysia. Sehingga tahun 2025, sebanyak 28 misi sukarelawan siswa ke Sabah yang dijalankan di 50 lokasi, dengan penglibatan seramai 793 sukarelawan siswa yang telah melaksanakan sebanyak 1,577 projek sukarelawan yang memberi impak kepada 189,064 komuniti.

”



Pada tahun ini, YSS telah menghantar sukarelawan siswa ke tujuh (7) kawasan berikut :

- a. Sekolah Menengah Kebangsaan Banggi di **Daerah Kudat – 2 pasukan**
- b. Kampung Loktohog Banggi di **Daerah Kudat***
- c. Kampung Ongkilan di **Daerah Kota Marudu**
- d. Kampung Mangkulat di **Daerah Kota Belud**
- e. Kampung Lohan di **Daerah Ranau**
- f. Kampung Kipouvo di **Daerah Penampang** dan
- g. Kampung Merotai Besar di **Daerah Kalabakan.**

Antara projek utama yang telah dijayakan adalah **pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung dan laluan kerusi roda sepanjang 200 meter bagi murid program pendidikan khas** di Sekolah Kebangsaan Loktohog, Banggi, Kudat.

Projek tersebut membabitkan kos sebanyak RM20,000.00 dan memberi manfaat kepada seramai 108 orang murid di SK Logtohog. Saya difahamkan anggaran kos ini sekiranya tender adalah sebanyak RM118,000.00, mengambil kira kekangan logistik di Pulau Banggi, Kudat. Saya juga ingin merakamkan ucapan **terima kasih kepada TalentCorp memberi tajaan RM10,000.00** bagi melaksanakan projek ini.

Manakala di **SK Merotai Besar, Tawau**, satu ruang makan rancangan makanan tambahan telah berjaya diubah suai daripada saiz asal 25 kaki x 20 kaki kepada **76 kaki x 26 kaki yang memberi manfaat kepada 1,060 orang murid-murid** di mana ruang makan asal hanya mampu menampung 80 – 100 orang murid pada satu masa. Jumlah anggaran kos tender adalah sebanyak RM200,000.00 dan sukarelawan siswa dapat menyiapkannya dengan implikasi kewangan sebanyak RM75,000.00 dalam tujuh (7) hari bersama dengan bantuan komuniti.





Selain itu, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menjayakan program ini, antaranya :

- I. peralatan Microbit daripada Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI),
- II. minuman susu daripada Eco Yap,
- III. buku-buku daripada Pelangi Publishing House
- IV. peralatan gotong-royong daripada Mr. D.I.Y. untuk menjalankan pelbagai projek
- V. Kementerian Pertahanan Malaysia melalui Divisyen 5 Tentera Darat juga menyediakan enam (6) buah lori kenderaan lori bagi tujuan pengangkutan sukarelawan siswa ke semua lokasi.

Misi sukarelawan siswa adalah salah satu platform yang sangat penting kerana ia menjadi tapak integrasi nasional bagi sukarelawan siswa daripada pelbagai latar belakang yang berbeza untuk bersatu demi matlamat yang lebih besar. Misi Sukarelawan Siswa juga menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan

agar semangat sukarelawan dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat.

PENUTUP

Tahniah kepada semua sukarelawan siswa yang telah memberikan komitmen luar biasa sepanjang MADANI Berkhidmat : Misi Sukarelawan Siswa Ke Sabah 2025. **Dengan ini, saya mengumumkan bahawa kesemua peserta misi ini diiktiraf sebagai Ejen Perpaduan di bawah YSS.** Selamat menjalankan tugas sebagai Ejen Perpaduan!

Pesanan saya kepada semua ejen: "Ketulusan tak mengenal warna, kasih sayang tak memilih rupa. Setiap tindakan membawa harapan, menyatukan jiwa kecil dalam harmoni Malaysia."

Dengan ini, saya **merasmikan Majlis Penutupan Program MADANI Berkhidmat: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2025.**

Sekian, terima kasih.



18th CCM TRIENNIAL GENERAL ASSEMBLY

29 APRIL 2025

Good Morning dan Salam Malaysia Madani.

INTRODUCTION

It is both a privilege and a profound honour to address this distinguished assembly at the **18th Triennial General Assembly of the Council of Churches of Malaysia (CCM)**. This gathering stands as a testament to the enduring commitment of religious communities in Malaysia to uphold the values of **peace, mutual respect, and unity**.



Religious institutions have long been pillars of our society, providing spiritual guidance, moral direction, and a sense of community. In a nation as diverse as Malaysia, these institutions play an indispensable role in fostering understanding and cooperation among different faiths.

The Council of Churches of Malaysia, representing a significant segment of the Christian community, exemplifies this role through its unwavering dedication to dialogue and collaboration with other religious groups.

The Council of Churches of Malaysia has, over the decades, stood as a moral compass and a unifying force within the Christian community and the larger Malaysian society. Since its inception, CCM has provided spiritual leadership, promoted social justice, and perhaps most significantly in our context today championed interfaith understanding and national cohesion.

“

The Ministry of National Unity acknowledges with deep appreciation the many collaborative efforts CCM has undertaken with other faith-based organisations and government agencies to promote social well-being and religious harmony.

”

These efforts are not only timely but crucial in an era where misunderstanding, extremism, and misinformation can so easily divide communities.

Ladies and gentlemen,

HARMONY IN DIVERSITY: A CORE PRINCIPLE

Malaysia's strength lies in its diversity. Our multicultural and multi-religious society is a rich tapestry woven from the threads of various traditions, beliefs, and practices. Embracing this diversity is not merely an aspiration; it is a necessity for national cohesion and progress.



The concept of “Harmony in Diversity” is central to the government’s vision of a united **Malaysia Madani**. This vision underscores the importance of **understanding, respect, and acceptance among all Malaysians**, irrespective of their religious or cultural backgrounds. It is through such principles that we can build a society where differences are celebrated, and commonalities are cherished.

HARMONI MADANI, a key pillar under this vision, reflects the Ministry of National Unity’s strategic direction in fostering **deep, meaningful harmony between people of different religions, ethnicities, and cultures**. It is not a slogan it is a framework of action. Among the programs that been conducted are Harmony Dialogue, Jejak Harmoni, Harmony Documentary, Interfaith events and many more.

Interfaith dialogue is a vital tool in bridging divides and fostering a culture of peace. It provides a platform for individuals of different faiths to come together, share perspectives, and work collaboratively towards common goals. Such dialogues help dispel misconceptions, reduce prejudices, and build trust among communities.



Ladies and gentlemen,

THE ROLE OF RELIGIOUS INSTITUTIONS IN NATION BUILDING

Let me stress again, **religious institutions are not on the periphery of nation building, they are at its core.** Throughout history, places of worship have been sanctuaries for the needy, centres of education, and sources of moral strength. In Malaysia, our religious institutions are also becoming key partners in community development, disaster relief, mental health support, and environmental conservation.

As we face the emerging challenges of the 21st century such as digital misinformation, identity politics, and moral relativism, the voice of religion must not be silenced, but **guided with wisdom, moderation, and justice.** Religious leaders must continue to be a voice of reason, peace, and clarity in times of confusion.

CONCLUSION

As we gather here at this significant assembly, let us rededicate ourselves to the cause of peace, unity, and shared human dignity. Let us make Malaysia a beacon of harmony in a world often torn by discord. **And let us do so together not as strangers, not as competitors, but as fellow Malaysians united in our diversity.**

To the Council of Churches of Malaysia, I thank you for your ongoing efforts and unwavering commitment to nation building. **May this 18th Triennial General Assembly bear much fruit and inspire even greater collaboration in the years to come.**

May God bless our work, our unity, and our beloved Malaysia.

Thank You.



PROGRAM ARKIB@SEKOLAH "BERMULANYA DI SINI"

5 MEI 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan tahniah kepada **Arkib Negara Malaysia (ANM)** atas inisiatif menggerakkan usaha penganjuran **Program Arkib@Sekolah: Bermulanya Di Sini** di Sekolah Menengah St. Mary, Sandakan, Sabah.



Arkib merupakan khazanah negara yang amat berharga. Ia bukan sekadar koleksi dokumen atau gambar lama, tetapi cerminan sejarah, identiti dan perjuangan negara bangsa yang wajar dihargai dan dihayati. Inisiatif ini sangat bermakna dalam usaha memperluas akses rakyat terhadap khazanah sejarah negara, sejajar dengan aspirasi untuk **memasyarakatkan arkib** agar ia lebih dekat dan relevan dengan kehidupan seharian rakyat.

Program ini juga bertepatan dengan objektif ketiga Arkib Negara Malaysia iaitu **“Memperkasa Program Pengembangan dan Advokasi Sejarah Negara Ke Arah Pengukuhan Jati Diri Warga Malaysia”** dengan mempelbagaikan usaha memasyarakatkan bahan arkib melalui saluran program pengembangan dan advokasi.

Dalam konteks **Perpaduan Negara**, saya amat menyambut baik inisiatif ini kerana **sejarah merupakan satu medium yang utama dalam menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.**

Melalui pemahaman terhadap sejarah, kita sedar bahawa kemerdekaan, keamanan dan kemajuan yang kita kecapai hari ini adalah hasil usaha kolektif seluruh rakyat tanpa mengira bangsa, agama atau latar belakang. Justeru, dengan mengangkat sejarah sebagai alat pendidikan yang aktif, kita sebenarnya sedang memperkukuh jati diri nasional serta mengukuhkan ikatan perpaduan antara rakyat.

“

**Program Arkib@
Sekolah ini
bukan sahaja
menggalakkan
penggunaan bahan
arkib sebagai
sumber autentik
dalam proses
pengajaran dan
pembelajaran,
malah memberi
ruang kepada
pelajar untuk
mendekati sejarah
dengan cara yang
lebih interaktif,
kreatif dan
bermakna.**

”



Selain itu, mereka turut dibimbing untuk memahami pendekatan sejarah dalam membentuk identiti dan jati diri kebangsaan melalui pameran dan aktiviti arkib pendidikan yang bersifat santai dan interaktif.

Saya percaya bahawa **pembangunan insan yang berilmu dan berjiwa patriotik bermula dari bangku sekolah.** Oleh itu, usaha seperti ini wajar diperluas ke sekolah-sekolah lain di seluruh negara, agar tiada generasi yang terpisah daripada akar sejarahnya. Dalam masa yang sama, peranan guru amat penting sebagai pemudah cara dalam menyampaikan nilai-nilai murni sejarah dan perpaduan kepada pelajar.

Kepada para pelajar, saya ingin berpesan, jadilah warganegara yang peka terhadap sejarah, dan jangan sesekali mengambil mudah akan pengorbanan generasi terdahulu. Hargailah warisan negara ini kerana anda semua adalah pewaris masa depan Malaysia. **Gunakan peluang ini untuk belajar, bertanya, dan menelusuri sejarah kita dengan hati yang terbuka dan minda yang ingin tahu.**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

RUKUN NEGARA ASAS PERPADUAN NEGARA

Umum mengetahui **Peristiwa 13 Mei 1969** telah mencatatkan sejarah pahit buat negara. Sehubungan dengan itu, **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)** yang diketuai oleh Tun Abdul Razak telah menubuhkan tiga badan iaitu **Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN)**.

Melalui Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh **13 tokoh negara** daripada pelbagai latar belakang kaum dan kepakaran telah menghasilkan **Rukun Negara sebagai falsafah negara baharu**. Rukun Negara telah dirangka dan disusun kepada **dua bahagian iaitu 5 cita-cita dan 5 prinsip**. Cita-cita dan prinsip Rukun Negara kemudiannya telah diterjemah kepada suatu bentuk falsafah atau ideologi nasional.

Arkib Negara Malaysia sehingga kini telah menyimpan sebanyak **81 bahan berkaitan Rukun Negara yang merangkumi fail rasmi, koleksi gambar, laporan akhbar, terbitan dan**

sebagainya. Bahan-bahan ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan yang autentik malah boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan terutamanya di peringkat sekolah melalui **Program Arkib@Sekolah** dalam usaha menerapkan semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.

Penghayatan terhadap Rukun Negara ini perlu dipupuk bermula peringkat awal dan diteruskan hingga ke institut pendidikan tinggi, agar nilai-nilai murni dapat berakar utuh sebagai teras setiap warga Malaysia.

Untuk makluman, **Program Arkib@Sekolah** yang diadakan di Sekolah Menengah St. Mary, Sandakan pada hari ini merupakan lokasi pertama bagi penganjuran pada tahun ini. Program ini juga akan diteruskan di dua negeri lain, iaitu **Kedah dan Kelantan**.

Saya berharap agar Arkib Negara Malaysia bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya dapat memperluaskan pelaksanaan Program Arkib@Sekolah ke sekolah-sekolah di seluruh negara.





Hadirin yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

Sebagai penutup, saya berharap program seumpama ini akan terus menjadi wadah berkesan dalam menyemai semangat perpaduan dan patriotisme di samping melahirkan generasi muda yang celik sejarah serta berjiwa kebangsaan. Saya ingin menyeru agar pelajar-pelajar sekalian memanfaatkan sepenuhnya peluang dan ruang yang disediakan dalam program ini.

Dengan itu, saya merasmikan **Program Arkib@Sekolah "Bermulanya Di Sini"** sebagai manifestasi komitmen bersama dalam menjayakan usaha yang amat bermakna ini.

Sekian, terima kasih.



MESYUARAT MPPN BILANGAN 1 TAHUN 2025

6 MEI 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN DAN HALA TUJU KEMENTERIAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang sudi hadir ke mesyuarat pada pagi ini.

Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.**

Bagi tahun 2025, Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat **konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan 4 ikhtiar utama iaitu:

- I. Ekosistem Perpaduan** – Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Cilik Perpaduan, MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Program Closing The Gap di PPR.
- II. Inisiatif Harmoni MADANI** – Sambutan Keharmonian Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Jejak Harmoni, Dokumentari Harmoni dan memperluaskan perkhidmatan mediator komuniti serta penubuhan 5 buah Pusat Mediator Komuniti.
- III. Eksplorasi Rukun Negara** – Sambutan 55 Tahun Ruku Negara, Program Gerak Integrasi Perpaduan, Pidato Rukun Negara, Kempen Taat Setia Rukun Negara, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa, dan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.

IV. Komuniti Sosiobudaya – Citra Nusa Muzium, Majlis Mengenang Jasa Negarawan, Seminar Sejarah Lisan, Arkib Komuniti, Karnival Baca Perdana dan Festival Kaligrafi Perpaduan.

Untuk makluman semua, Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa Malaysia MADANI** pada bulan Jun ini.

Persidangan ini dianjurkan dengan matlamat utama untuk **mewujudkan suatu wadah wacana kebangsaan yang membincangkan pendekatan, strategi dan dasar ke arah memperkukuh negara bangsa Malaysia yang bersatu padu, progresif dan berteraskan nilai-nilai MADANI.**

Dalam dunia yang sedang berdepan cabaran polarisasi, perbezaan identiti dan ancaman terhadap perpaduan sosial, **pembinaan negara bangsa bukan lagi satu pilihan, tetapi suatu keperluan mutlak.** Ia adalah teras kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan sesebuah negara, lebih-lebih lagi bagi negara majmuk seperti Malaysia.

Justeru, persidangan ini juga bertujuan untuk:

- Mengupas **kepentingan dan cabaran pembinaan negara bangsa**, khususnya dalam menghadapi perubahan sosial, teknologi dan geopolitik semasa.
- **Meningkatkan kefahaman terhadap identiti nasional dan prinsip-prinsip kenegaraan**, termasuk Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.
- **Menjadikan Malaysia MADANI sebagai kerangka nilai yang membimbing proses pembinaan negara bangsa**, berdasarkan prinsip kemanusiaan, hormat-menghormati, keadilan dan kesejahteraan bersama.

Hadirin yang saya dikasihi sekalian,

PEMBANGUNAN GENERASI BELIA

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan **kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemerkasaan nilai perpaduan khususnya dalam kalangan golongan belia.** Ini termasuk inisiatif yang bersifat pendidikan nilai, penghayatan sejarah, dialog antara kaum, serta aktiviti kesukarelawanan yang menyatukan pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama.

Usaha ini bukan sekadar untuk meningkatkan kefahaman terhadap prinsip asas negara seperti Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan, tetapi juga bagi melahirkan generasi muda yang berfikiran terbuka, berakhlak mulia serta mempunyai semangat cintakan tanah air yang mendalam.

Antara inisiatif baharu dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara menerusi agensi adalah:

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

- Program Gerak Integrasi Perpaduan (program silang budaya yang akan menekankan elemen kenegaraan, budaya, adat resam dan nilai sivik)
- Memperluaskan modul pendidikan Rukun Negara yang sedang digunakan di Tabika Perpaduan kepada prasekolah KPM, Tabika KEMAS dan tadika swasta.
- Program Citra Negeraku - memberi ruang kepada pelajar IPT untuk merancang dan melaksanakan program berasaskan nilai-nilai Rukun Negara dalam komuniti

Arkib Negara Malaysia

- Arkib@Sekolah (program mendekatkan arkib dengan generasi muda dengan menggunakan bahan Arkib sebagai sumber autentik dalam proses pengajaran dan pembelajaran)

Jabatan Muzium Malaysia

- Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (Sebanyak 41 Muzium Persekutuan dan Negeri di seluruh negara akan melaksanakan inisiatif ini yang menggabungkan pendidikan formal dan tidak formal mengenai sejarah dan budaya negara melalui pendekatan 'hands on' terhadap koleksi muzium.)



Hadirin yang saya hormati sekalian,

PENGURUSAN ISU PERPADUAN

Seperti sedia maklum, Kementerian Perpaduan Negara tidak mempunyai sebarang akta yang memberikan kuasa penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh perihai 3R.

Walaubagaimanapun, Kementerian telah mengguna pakai pendekatan reformasi **(reformative approach)** dengan mengambil tindakan segera dengan membuat teguran kepada pelaku, serta mendorong pelaku membuat permohonan maaf atas kesalahannya dan mendidiknya melalui perkhidmatan Mediator Komuniti.

Antara mekanisme pengurusan perpaduan yang dijalankan oleh Kementerian adalah:

Statistik

- Indeks Perpaduan Nasional
- Indeks Ketegangan Masyarakat

Majlis Mesyuarat

- Majlis Penasihat Perpaduan Negara
- Jawatankuasa Kerja Isu Perpaduan (Tan Sri Lim Lam Tyhe)
- Jawatankuasan Pengurusan Isu Perpaduan (terdiri daripada 12 agensi kerajaan)
- Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)

Sistem

- Sistem e-Sepakat
- Dashboard Analitik Perpaduan

Perkhidmatan Mediasi

- Mediator Komuniti (571 orang)
- Pusat Mediasi Komuniti (8 buah telah ditubuhkan dan 5 buah akan ditubuhkan)





“

Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama, pendidikan tentang pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, serta menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama.

”



ROUND TABLE DISCUSSION NEGARA BANGSA MADANI

8 MEI 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan kepada semua pakar-pakar, ahli akademik, wakil pertubuhan dan sebagainya yang telah hadir ke **sesi round table discussion Negara Bangsa MADANI** yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara.



Pelaksanaan *Round Table Discussion (RTD)* Negara Bangsa MADANI ini merupakan cetusan idea saya sendiri, yang telah saya umumkan secara rasmi dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2025.

RTD ini diwujudkan sebagai platform strategik untuk menghimpunkan pelbagai pemegang taruh bagi **memperhalusi isu-isu semasa berkaitan pembinaan negara bangsa serta mencadangkan penyelesaian yang realistik, inklusif dan berpaksikan nilai Malaysia MADANI.**

Melalui sesi RTD ini, Kementerian berhasrat untuk **mengarusperdana wacana kenegaraan dan perpaduan dalam bentuk yang lebih terbuka, kolaboratif dan berfakta,** sejajar dengan aspirasi membina sebuah Negara Bangsa yang bersatu padu, progresif dan mempunyai jati diri kebangsaan yang kukuh.



Hadirin yang saya hormati sekalian,

KONSEP NEGARA BANGSA

Konsep Negara Bangsa (nation-state) bukanlah sesuatu yang asing. **Di Malaysia, pembinaan negara bangsa bermula daripada usaha menyatukan masyarakat pelbagai kaum yang dibentuk oleh sejarah migrasi, ekonomi kolonial dan dasar pecah perintah.**

Proses ini tidak mudah. Ia menuntut pengorbanan, kompromi dan konsensus, yang akhirnya melahirkan asas-asas penting negara Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, dan institusi-institusi nasional yang kita warisi hari ini.

Secara umumnya, **Negara Bangsa merujuk kepada sebuah negara yang dihuni oleh satu bangsa yang berkongsi identiti bersama** dari segi bahasa, budaya, sejarah, dan cita-cita politik. Namun dalam **konteks Malaysia, Negara Bangsa tidak ditakrifkan secara homogen, tetapi sebagai satu komuniti majmuk yang bersatu atas asas nilai bersama, jati diri nasional dan prinsip kenegaraan.**

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

PERADABAN MALAYSIA

Malaysia bukan sekadar sebuah entiti politik moden. **Kita adalah kelanjutan peradaban yang panjang yang diasaskan oleh nilai-nilai luhur pelbagai tamadun dan agama yang telah bertapak di tanah ini sejak berabad lamanya.**

“

**Negara Bangsa
Malaysia hari
ini adalah hasil
sintesis nilai
agama, budaya
dan sejarah yang
mengakar dalam
diri rakyatnya.
Setiap agama
membawa
sumbangan rohani
dan falsafah yang
memperkukuh
asas kebersamaan
dan nilai
kebangsaan.**

”

Dalam **Islam**, sebagai agama **Persekutuan**, nilai rahmatan lil ‘alamin iaitu rahmat untuk seluruh alam mengajar umatnya untuk membawa keamanan, keadilan, dan kasih sayang dalam masyarakat majmuk.

Dalam agama **Kristian**, nilai **kasih sayang, dan pengampunan, kepada sesama manusia menjadi teras kehidupan bermasyarakat**. Prinsip “mengasihi sesama seperti diri sendiri” memberi asas kukuh untuk membina jambatan persefahaman dalam masyarakat pelbagai latar.

Dalam agama **Hindu**, falsafah **vasudhaiva kutumbakam** – “seluruh dunia adalah satu keluarga” mengajar pentingnya melihat kemanusiaan sebagai satu kesatuan tanpa mengira perbezaan lahiriah.

Agama **Buddha** pula menekankan **prinsip kasih sayang sejagat, belas ihsan, dan kesedaran diri** dalam kehidupan bersama.

Dalam agama **Sikh**, nilai **sewa** (khidmat tanpa mengira latar belakang), **sarbat da bhala** (kesejahteraan untuk semua), dan **keadilan sosial** adalah tonggak penting yang menyuburkan semangat hidup bersama dalam aman dan hormat.

Kesemua nilai-nilai ini, **walaupun berbeza dari segi bentuk ibadah dan kepercayaan, bertemu dalam inti kemanusiaan yang sama** iaitu mengangkat maruah manusia, memupuk kasih sayang, menolak kezaliman, dan menyemai kedamaian.

Baru-baru ini, saya berkesempatan menghadiri **Dialog Peradaban** yang turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri. Dalam ucapan beliau, beberapa perkara asas telah diketengahkan yang sangat penting.

Pertama, YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa interaksi harian kita yang melibatkan persahabatan, kejiranan dan pembelajaran bersama selama puluhan tahun **belum cukup mendalam dalam usaha memahami dan menghormati antara satu sama lain**. Justeru, beliau mengingatkan kita akan **semangat al-Quran dalam ayat “litaarrafu”** agar manusia saling mengenal dan bukan berseteru.

Kedua, YAB Perdana Menteri **menegur sistem pendidikan dan pendekatan sosial kita hari ini yang belum cukup**

menyuburkan nilai toleransi, kefahaman silang budaya dan budi pekerti. Beliau mengingatkan bahawa masyarakat terdahulu walaupun tidak secanggih hari ini pernah mempraktikkan tahap toleransi dan keterbukaan yang tinggi dalam kehidupan seharian. Maka, ini bukan angan-angan, tetapi sesuatu yang pernah dibuktikan dalam sejarah kita.

Ketiga, beliau mengangkat **contoh sejarah keemasan Andalusia satu tempoh 400 tahun yang dikenali dengan konsep convivencia (perkataan Sepanyol yang bermaksud “hidup bersama secara harmoni”)** di mana umat Islam, Kristian dan Yahudi hidup bersama, berkongsi ilmu, dan berdialog secara sihat tanpa kebencian atau ketegangan agama.

Keempat, beliau turut menyentuh tentang **konsep convivencia yang pernah beliau popularkan sewaktu menyampaikan syarahan di Universiti Georgetown pada tahun 1993**, iaitu bagaimana masyarakat yang memiliki sikap saling faham dan bertoleransi. Menurut beliau, konsep ini bukan bertujuan untuk menyatukan kepercayaan atau menyamakan amalan ritual setiap agama. Sebaliknya, ia menekankan bahawa perbezaan dalam cara kita berdoa, berpuasa, atau bermeditasi tidak sepatutnya menjadi alasan untuk menimbulkan kebencian, syak wasangka atau permusuhan.



Hadirin yang saya kasihi sekalian,

NEGARA BANGSA DAN ASPIRASI MALAYSIA MADANI

Kerana dalam dunia hari ini, kita tidak boleh lagi bergantung kepada identiti perkauman, kelompok atau wilayah semata-mata. Kita perlu jati diri kebangsaan yang mengatasi sempadan perbezaan.

Negara bangsa adalah asas kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan keharmonian sosial. Tanpa perpaduan yang kukuh pada nilai kebangsaan, kita mudah terdedah kepada perpecahan, polarisasi dan manipulasi.

Negara bangsa juga penting untuk memelihara kedaulatan negara, khususnya dalam **menghadapi cabaran globalisasi, ideologi ekstremisme, dan krisis geopolitik yang semakin kompleks.**

Aspirasi Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri adalah kesinambungan dan pengukuhan kepada usaha membina Negara Bangsa MADANI. Madani bukan sekadar slogan ia adalah kerangka nilai dan dasar yang mendukung:

- **Keadilan sosial**
- **Kesejahteraan rakyat**
- **Hormat kepada perbezaan**
- **Inklusiviti dalam pembangunan**
- **Kelestarian dan nilai kemanusiaan sejagat**

Konsep Negara Bangsa dan Malaysia Madani saling melengkapi. **Negara Bangsa adalah struktur politik dan sosialnya, manakala Malaysia Madani adalah jiwa dan nilainya.** Negara Bangsa membina sistem; Malaysia Madani menghidupkan semangatnya.



Hadirin yang saya kasihi sekalian,

PENUTUP

Saya berharap agar semua yang hadir pada hari ini dapat **memberikan pandangan, idea dan membantu Kementerian Perpaduan Negara merangka Kerangka Negara Bangsa MADANI.**

Saya percaya, masa depan Malaysia tetap cerah jika kita kekal bersatu. **Negara Bangsa MADANI bukan milik satu kaum, satu agama, atau satu generasi sahaja. Ia adalah milik semua warisan nenek moyang, amanah kepada generasi kini, dan hak waris kepada anak-anak masa depan.**

Marilah kita terus memupuk cinta kepada tanah air, bahasa kebangsaan, dan nilai bersama. Marilah kita membina negara bangsa dengan semangat Malaysia Madani yang adil, inklusif dan berperikemanusiaan.

Dengan ini, saya **merasmikan RTD Negara Bangsa Madani.**

Sekian, terima kasih.





MAJLIS RUMAH TERBUKA TAHUN BARU TELUGU PERINGKAT KEBANGSAAN (UGADI FEST)

10 MEI 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Pertama sekali, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Persatuan Telugu Malaysia** atas jemputan merasmikan **Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Telugu (Ugadi Fest 2025)**.

Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama saudara dan saudari sekalian dalam sambutan perayaan **Tahun Baharu Telugu, Ugadi Fest**, yang bukan sahaja kaya dengan nilai kebudayaan, malah menjadi platform memperkukuh silaturahim antara kita semua.



Masyarakat Telugu di Malaysia, walaupun merupakan kumpulan minoriti dalam komuniti India, telah memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk lanskap sosial dan budaya negara kita.

Melalui pertubuhan seperti Persatuan Telugu Malaysia, dan pelbagai NGO akar umbi, warisan budaya, bahasa dan seni masyarakat Telugu terus dipelihara, sambil menjalin kerjasama erat dengan komuniti lain dalam semangat muhibah.



Hadirin yang saya hormati sekalian,

NILAI UGADI DAN MADANI

Malaysia bukan hanya sebuah negara berbilang kaum tetapi sebuah negara yang telah membina kekuatan daripada kepelbagaian (*Diversity is Strength*).

Acara seperti Ugadi Fest bukan sekadar perayaan kebudayaan, tetapi simbol penting keharmonian yang kita kecapai hari ini.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong usaha memperkasa program antara komuniti yang memupuk nilai Faham, Hormat dan Terima yang selari dengan tema Harmoni Dalam Kepelbagaian. Inilah cara terbaik untuk membina jambatan antara budaya, agar tidak ada jurang yang memisahkan kita, hanya ruang untuk saling mengenal dan menghargai.

Perayaan Ugadi membawa nilai-nilai murni seperti kesyukuran, perpaduan keluarga, dan refleksi diri. Menariknya, ini adalah nilai-nilai yang amat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, khususnya dalam enam teras utama iaitu: Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

Sambutan ini mengingatkan kita bahawa walau apa pun latar etnik atau agama, rakyat Malaysia berkongsi nilai sejagat yang sama. Di sinilah keindahan kepelbagaian itu terserlah apabila pelbagai budaya tidak sekadar wujud secara selari, tetapi berinteraksi dan saling memperkayakan.



Hadirin yang saya kasihi sekalian,

PERANAN KETUA KOMUNITI

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ketua komuniti dan pemimpin akar umbi, termasuklah dalam kalangan masyarakat Telugu, yang sekian lama **menjadi benteng utama perpaduan dan penjaga keharmonian di peringkat komuniti.**

Seringkali peranan ini tidak dilihat secara nyata di peringkat nasional, namun di lorong-lorong kejiranan, di balai komuniti, di masjid, kuil dan dewan orang ramai di situlah anda semua menjadi pengantara, dan menyemai nilai kesepakatan serta menyatukan pelbagai etnik dalam semangat kekeluargaan.

Kita sedang hidup dalam zaman yang kian kompleks; di mana hasutan perkauman, fitnah, berita palsu, dan ekstremisme tidak lagi berlegar di pinggiran tetapi boleh menjalar dengan pantas melalui platform teknologi dan media sosial. **Dalam dunia yang semakin terpolarisasi ini, rakyat mencari pemimpin akar umbi yang bukan sahaja tegas tetapi berpegang pada prinsip kemanusiaan sejagat.**

“
Saya percaya bahawa kekuatan negara kita bukan terletak semata-mata pada dasar-dasar kerajaan yang ditetapkan dari atas, tetapi juga pada jaringan sosial yang dibina dari bawah pada ketabahan dan kecekalan ketua masyarakat yang menjaga hubungan antara kaum, yang meleraikan konflik sebelum ia membesar, dan yang menanam rasa hormat dan toleransi di kalangan jiran tetangga.
”

Lebih penting, peranan pemimpin masyarakat tidak hanya terhad kepada menjayakan program sambutan perayaan atau majlis kebudayaan. **Anda semua juga adalah ejen perubahan sosial, yang boleh memupuk nilai-nilai Malaysia MADANI dalam kalangan komuniti,** menggalakkan ihsan dalam khidmat, menghormati kepelbagaian dalam tindakan, dan menanam keyakinan terhadap kerjasama antara kaum sebagai asas kemajuan bersama.



Hadirin yang saya muliakan sekalian,

PENUTUP

Justeru, dalam menjunjung semangat Ugadi yang meraikan permulaan baru dan azam yang diperbaharui, **saya menyeru agar kita memperkukuh sokongan kepada pemimpin akar umbi.** Tidak kira dari komuniti mana pun anda datang Telugu, Cina, Melayu, Tamil, Iban, Kadazan, atau lain-lain, **pemimpin komuniti/etnik anda adalah pemegang amanah sosial yang amat bernilai dalam membina sebuah Malaysia yang bersatu** dalam kelainan, dan kukuh dalam kerjasama.

Kita tidak boleh membiarkan pemimpin akar umbi bergerak bersendirian. Kita mesti bergerak bersama dalam satu barisan, satu arah demi memastikan perpaduan negara terus menjadi warisan yang tidak pernah putus untuk generasi mendatang.

Dengan ini, saya **merasmikan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Telugu (Ugadi Fest 2025).**

Sekian, terima kasih.



SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI JOHOR

15 MEI 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada warga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor, Pejabat Daerah Segamat, serta jentera perpaduan atas penganjuran **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Johor Tahun 2025**.



Tahun ini, kita mengangkat tema **“Harmoni dalam Kepelbagaian”**, satu tema yang amat bermakna, yang mencerminkan realiti keunikan negara kita. Malaysia bukan sekadar sebuah negara dengan pelbagai kaum dan budaya, tetapi sebuah **keluarga besar yang disatukan oleh nilai-nilai hormat, toleransi, dan kasih sayang**.

Sambutan Minggu Perpaduan yang kini memasuki tahun ketiga penganjurannya oleh Kementerian Perpaduan Negara, bukan sekadar satu sambutan tahunan. Ia adalah **satu manifestasi usaha berterusan untuk menanam, menyemai dan menyuburkan benih perpaduan dalam jiwa rakyat Malaysia**.

Perpaduan dan keharmonian tidak wujud dengan sendiri. Ia perlu **diusahakan, dipelihara, dan diperjuangkan oleh semua pihak daripada pemimpin negara hinggalah kepada rakyat biasa**. Kita mesti terus memupuk budaya dialog, sikap terbuka, dan saling menghormati dalam semua ruang dari rumah ke sekolah, dari pejabat ke medan sosial.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

PRA PELANCARAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA

Dalam majlis ini juga, Kementerian akan melancarkan **Pra Pelancaran Jubli Emas** Rukun Tetangga sebagai tanda penghargaan kepada semua Jawatankuasa Rukun Tetangga (KRT) yang selama ini telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelbagai **aktiviti kejiiran, menjaga keselamatan, serta memperkuat jaringan sosial** antara penduduk.

Untuk makluman semua, pelancaran Kawasan Rukun Tetangga di Kg. Kasipillay menjadi titik tolak kepada pembentukan KRT di seluruh negara (29 Ogos 1975). **Penubuhan Rukun Tetangga yang kini genap 50 tahun membuktikan bahawa inisiatif ini adalah antara dasar paling berkesan dalam membina jati diri rakyat yang bersatu padu.**

Ia bukan sahaja mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat, malah menjadikan rakyat sebagai ejen perubahan dalam mencorakkan masa depan negara. **Anggota KRT adalah wira tidak didendang yang menjadi tulang belakang kestabilan sosial di peringkat akar umbi.**

Transformasi serta **evolusi Rukun Tetangga sejak 1975** hingga kini memperlihatkan daya tahan, adaptasi, dan inovasi dalam menyesuaikan peranan mereka dengan keperluan semasa masyarakat. **Dari rondaan sukarela ke program kejiiran dan kini pembangunan ekonomi komuniti, KRT telah melakar pelbagai kejayaan** dan pencapaian membanggakan di peringkat nasional mahupun negeri. Tahniah buat semua.

Saya juga ingin mengajak semua lapisan masyarakat untuk terus menjadi ejen perpaduan di mana sahaja kita berada. Jadilah contoh kepada anak-anak kita. Bina hubungan yang harmoni dengan jiran tetangga. Tunjukkan nilai positif dalam media sosial. Tindakan kecil hari ini akan mencorakkan masa depan yang lebih aman dan bersatu.

Pemeriksaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif adalah merupakan inisiatif Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk melonjakkan lagi peranan Rukun Tetangga dalam komuniti di Malaysia. Pada tahun 2024, sebanyak 152 Rukun Tetangga dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif. Antara contoh kejayaan inisiatif ini:

Nama KRT	Nama Projek	Pencapaian
KRT PPR Sri Perlis, Dang Wangi, Kuala Lumpur	<i>Home made Coklat</i>	Produktiviti telah meningkat daripada penghasilan 100 kotak coklat kepada 500 kotak coklat dalam sebulan. Pendapatan telah meningkat daripada RM500.00 sebulan kepada sekurang-kurangnya RM3,000.00 sebulan.
KRT Telaga Batin, Terengganu	Tanaman Cili dan Timun Fertigasi	Pendapatan telah meningkat daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00 sebulan.
KRT Kg. Satey, Batu Pahat, Johor	Dapur Komuniti KRT	Pendapatan KRT telah meningkat daripada RM200.00 sebulan kepada RM1,500.00 sebulan



Selain itu, saya mengambil kesempatan ini, mengumumkan bahawa **Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 28 Ogos 2025 di KRT Kasipillay & 29 Ogos 2025 di Galaxy Hall, Sentul.**

Selari dengan peredaran zaman dan 5 dekad KRT bertapak di negara ini, saya ingin mengumumkan bahawa **“Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan”** akan menjadi **slogan baharu bagi KRT** serta hari ini juga saya akan melancarkan logo baharu KRT.



PENUTUP

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi dan Kerajaan Negeri Johor atas keprihatinan menyediakan **dana tambahan dalam Belanjawan Kerajaan Negeri Johor tahun 2025 berjumlah Ringgit Malaysia 600 ribu kepada Rukun Tetangga** yang aktif di negeri ini.

Semua inisiatif ini adalah sebahagian daripada ekosistem yang lebih besar untuk memupuk integrasi nasional secara menyeluruh, dan kementerian akan terus memperluasnya dengan pendekatan baharu, lebih inklusif, mesra belia, serta memanfaatkan teknologi dan media sosial.

Namun kita harus sedar, kerajaan hanya boleh menyediakan platform. **Tanggungjawab memelihara dan memupuk perpaduan adalah tanggungjawab bersama** rakyat, keluarga, pemimpin masyarakat, guru, agamawan, pengusaha, dan setiap individu.

Saya yakin, dengan iltizam yang kuat daripada semua pihak, Malaysia boleh menjadi model perpaduan yang unggul di mata dunia.

Dengan penuh sukacita, saya dengan ini **merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Johor dan Pra Pelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM ARKIB KOMUNITI

17 MEI 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Arkib Negara di atas penganjuran **Majlis Pelancaran Program Arkib Komuniti**. Penghargaan terima kasih juga kepada **Datuk Bandar dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)** yang sudi menjadi rakan strategik Arkib Negara Malaysia dalam menganjurkan program ini.

Dalam sejarah dunia, Arkib Komuniti telah bermula pada tahun 1926 berkaitan pendokumentasian sejarah kempen dan aktivisme wanita oleh Perpustakaan Wanita tertua di Britain yang sekarang dikenali sebagai *Library of the London Society for Women's Service*. Arkib komuniti ini dibina melalui sumbangan, hadiah dan pembelian daripada individu, penulis, komuniti dan sebagainya.

Seiring dengan itu, **Arkib Negara Malaysia (ANM) turut mempergiatkan usaha dengan mengadakan Program Arkib Komuniti dengan tumpuan kepada pemerolehan koleksi persendirian komuniti.**

Program ini adalah usaha untuk **'memasyarakatkan arkib'** bagi memperkasakan peranan komuniti dan masyarakatnya dalam memelihara khazanah warisan dan sejarah negara.

Terdapat banyak sejarah dan peristiwa di peringkat komuniti dari sebelum merdeka sehingga kini masih tidak dapat dikumpul dan didokumentasi. Cerita, pengalaman dan peristiwa yang berlaku dalam komuniti dapat menjadi sumber penting untuk memahami latar belakang sejarah, peristiwa dan perubahan yang berlaku dalam komuniti dan negara.

Sebagai contoh, **Bandar Klang yang ditubuhkan pada 1890 akan menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke 135 tahun pada bulan September nanti, pernah menjadi ibu kota negeri Selangor pada tahun 1875 hingga 1880.** Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui dan cakna sejarah Daerah Klang yang merupakan antara daerah yang pernah menjadi jajahan takluk Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke 15, yang mana Tun Perak adalah Penghulu Daerah Klang pada masa itu, dan dicatatkan dalam Buku Sejarah Melayu karya W.G. Shellabear yang diterbitkan pada tahun 1924.

Namun begitu, pengesanan, pemerolehan dan penyelidikan yang lebih terperinci berkaitan fakta ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih. **Penemuan sumber sejarah baharu akan dapat melengkapkan naratif pensejarahan negara dalam memahami sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau.**

KOLEKSI PERSENDIRIAN SEBAGAI WARISAN NEGARA

“

Sejarah negara kita bukan hanya tercatat dalam buku teks atau dokumen rasmi, tetapi juga hidup dalam pengalaman dan kisah-kisah komuniti kita. Setiap kampung, bandar, dan kawasan mempunyai cerita unik yang membentuk identiti negara kita.

”

Hadirin yang dihormati sekalian,

Komuniti adalah asas kepada pembinaan sejarah negara. Mereka adalah saksi kepada peristiwa penting, penjaga tradisi, dan penggerak perubahan. Tanpa penglibatan aktif komuniti, banyak aspek sejarah kita mungkin akan hilang ditelan zaman.

Sebagai contoh, **di George Town, komuniti yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, dan lain-lain, telah bersama-sama membina warisan budaya yang kaya dan unik.** Mereka tidak hanya menyumbang kepada pembangunan fizikal bandar, tetapi juga kepada pemeliharaan warisan tidak ketara seperti seni, kraf, dan tradisi lisan.



PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Di kesempatan ini, saya mengalu-alukan penyertaan dari semua peringkat dan etnik tanpa mengira latar belakang agar dapat menyumbang koleksi persendirian kepada Arkib Negara. Usaha ini diharap dapat menarik penglibatan seluruh komuniti dan rakyat Malaysia yang mempunyai koleksi persendirian untuk diserahkan kepada Arkib Negara bagi melengkapkan koleksi bahan dan mengisi jurang maklumat sejarah sedia ada.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Arkib Negara, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dan rakan-rakan strategik lain yang telah banyak membantu dalam penganjuran dan kejayaan program ini.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Pelancaran Program Arkib Komuniti Tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.



MALAYSIA INTERNATIONAL MUSEUMS DAY SEMINAR 2025

18 MAY 2025

Salam Perpaduan and Salam Malaysia MADANI,

WELCOMING REMARKS

First and foremost, I would like to extend my heartfelt congratulations to the Department of Museums Malaysia for organizing this year's **Malaysia International Museums Day Seminar, in collaboration with esteemed institutions such as the International Council of Museums (ICOM) Malaysia (ICOMMAL), and Kedah State Museum Board.**



Since 1977, **ICOM has celebrated International Museum Day (IMD) to highlight the vital role museums play in cultural exchange, mutual understanding, and global peace.** This year's theme, ***"The Future of Museums in Rapidly Changing Communities,"*** invites us to reflect on the evolving role of museums in a world marked by profound social, technological, and environmental transformations.

In a historic shift, **ICOM redefined "museum" for the first time in 50 years during its Prague meeting.** The new definition now emphasizes **inclusivity, accessibility, sustainability, and diversity.**

This development is particularly pertinent to Malaysia, where the Department of Museums now operates under the Ministry of National Unity. **This alignment underscores our commitment to fostering "Harmony in Diversity," a vision that is central to our national identity.**

In Malaysia, where our rich tapestry of cultures, traditions, and histories converge, **museums have always been more than just places of learning. They are custodians of our collective memory, bridges connecting past and present, and platforms for dialogue among diverse communities.**

The new ICOM definition aligns seamlessly with our national objectives. By integrating the Department of Museums into the Ministry of National Unity, we are reinforcing the idea that museums are pivotal in promoting national unity and understanding.

“

Our museums are not just about preserving the past; they are about engaging with the present and shaping the future. They provide spaces for reflection, foster mutual respect, and celebrate the diversity that makes Malaysia unique.

”

Today, **Malaysia is home to 232 museums**, encompassing federal level museums, state-run institutions, private collections, and personal museums. These establishments are not merely custodians of our past; they are vibrant centers that safeguard our heritage and promote national unity and inclusion.

However, as we celebrate this rich tapestry of museums, we must also acknowledge the challenges they face. **Rapid societal changes, technological advancements, and the forces of globalization present new hurdles for these institutions.** The key question now is: how can museums stay relevant in this ever-evolving landscape?

Ladies and gentlemen,

WAY FORWARD FOR MUSEUMS

The Ministry of National Unity is committed to ensuring that our museums reflect the values of inclusivity, accessibility, sustainability, and diversity. We will work closely with the Department of Museums to develop and implement strategies that align with these principles. This includes:

- **Enhancing accessibility** to museum resources for all segments of society.
- **Promoting inclusive narratives** that represent the diverse cultures and histories of Malaysia.
- **Implementing sustainable practices** in museum operations and exhibitions.
- **Encouraging community participation** in museum activities and decision-making processes.

In an age where technology permeates every facet of our lives, it is imperative that our cultural institutions evolve to meet the expectations and needs of the modern world. Digital transformation offers us the opportunity to preserve our

rich heritage while making it accessible to a global audience.

By integrating digital technologies, we can enhance the visitor experience, engage with diverse communities, and ensure that our cultural narratives are preserved for future generations. For example, several strategic initiatives that should be implemented by all museums:

- **Digitization of Collections**
- **Virtual and Augmented Reality Experiences**
- **Interactive Digital Exhibits**
- **Mobile Applications and Online Platforms**
- **Community Engagement and Inclusivity**

Museums are more than repositories of artifacts; they are spaces where stories

are told, identities are formed, and communities are united. In embracing digital transformation, we are not only preserving our past but also shaping our future. By making our cultural heritage accessible and engaging, we are fostering a sense of belonging and unity among all Malaysians.

In the meantime, **the ministry is in the final stages of drafting a specific act to regulate activities in museums nationwide.** This act is intended to provide a clear legal framework for museums and to ensure that they are managed effectively and sustainably.

The Ministry's goal is to create museums that are not only educational but also transformative spaces that inspire creativity, critical thinking, and a deeper appreciation for our shared humanity.





CONCLUSION

As we celebrate today's International Museum Day, let us **remember that museums are more than just buildings**. They are living institutions that connect us to our past, guide us in the present, and inspire us for the future. In a rapidly changing world, they remind us of the values that unite understanding, respect, and acceptance.

To all museum professionals and cultural workers, I extend my deepest appreciation for your dedication and passion. Your efforts ensure that our heritage is preserved, and our stories are told. Let us continue to work together to build museums that are inclusive, innovative, and impactful.

May our museums continue to be beacons of knowledge, unity, and inspiration for generations to come. I also hope that this seminar will delve into discussions and solutions for museums to be even more diligent and innovative in their future approaches and endeavors.

Thank you for your attention, and with this I officiate the **MALAYSIA INTERNATIONAL MUSEUMS DAY SEMINAR 2025**.

Thank you.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-13 YAYASAN SUKARELAWAN SISWA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

19 MEI 2025



PENDAHULUAN

Petang ini, kita dapat bersama-sama dalam **Mesyuarat Agung Tahunan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) ke-13**.

Tahun ini menandakan tahun ketiga saya mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan YSS. Kehadiran YSS di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara pastinya membawa nafas baharu yang lebih segar dan berbeza dalam usaha memacu serta menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa

PENCAPAIAN YSS TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, saya berasa bangga dengan segala pencapaian yang telah diraih oleh YSS di bawah kepimpinan YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddiin Mohd Dom selaku Pengerusi YSS, terutamanya :

- I. pelantikan **305 orang Ejen Perpaduan** bagi mempromosikan mesej perpaduan di peringkat komuniti, institusi pendidikan dan dalam kalangan belia.
- II. mengadakan **lima (5) Misi Sukarelawan Siswa** di 20 lokasi di Vietnam, Sabah, Sarawak, dan julung kalinya di Kedah serta Kelantan pada tahun lalu.
- III. seramai **146,211 orang penerima manfaat** dalam kalangan komuniti setempat melalui 735 projek komuniti dengan 4,539 jam sukarelawan di lapangan.

- IV. usaha untuk menamatkan kemiskinan di Malaysia terus diperkasakan melalui kerjasama strategik antara Yayasan Peneraju dan Kementerian Ekonomi menerusi **Program Pembangunan Ekonomi Komuniti (PPEK) di Sabah**, yang melibatkan penyertaan seramai 360 orang peserta dari lima (5) daerah terpilih.
- V. kerjasama bersama Jabatan Wilayah Persekutuan dalam **Program Usaha Jaya Insan (PUJI) yang melibatkan 205 orang peserta miskin tegar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan**. Pada awalnya, pendapatan mereka adalah di bawah RM 339.00 sebulan. Setelah menerima latihan dan bimbingan yang sewajarnya, ada peserta yang mencapai pendapatan sebanyak RM38,000.00 sebulan di Labuan dan RM22,000.00 di Kuala Lumpur.

Selain itu, pada bulan Julai 2023, saya telah menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian YSS dengan Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi. Kini saya difahamkan **pendapatan Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi telah meningkat daripada RM 3.5 juta kepada RM 5.0 juta setahun** melalui **Program Pembangunan Modal Insan Mentoring & Coaching Eko-Pelancongan Langkawi**.



HARAPAN TAHUN 2025

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dalam konteks negara kita yang rencam dan majmuk, pendekatan **“Sukarelawan Melalui Perpaduan”** adalah amat bertepatan. Ia bukan sekadar slogan, tetapi satu gerakan yang menjadikan perpaduan sebagai nadi utama setiap projek, setiap sentuhan, dan setiap interaksi para sukarelawan dengan komuniti.

Saya meletakkan harapan yang tinggi agar semangat kesukarelawanan yang didasari nilai perpaduan ini terus subur.

Antara harapan dan perkara perlu YSS berikan perhatian:

- I. Mulai tahun ini, Ini Warisan Kita : Misi Sukarelawan Siswa dijenamakan semula kepada **MADANI Berkhidmat : Misi Sukarelawan Siswa**
- II. Mohon agar YSS menjadi peneraju utama **Program Tuisyen KAMI** dan digerakkan secara besar-besaran melibatkan semua negeri dengan kerjasama KRT. Saya mohon agar YSS berkerjasama erat dengan JPNIN dan YTAR bagi perkara ini.
- III. Meneliti keperluan untuk mewujudkan satu **Dasar Kesukarelawan** yang komprehensif, yang boleh menjadi kerangka panduan nasional dalam memperkasa gerakan kesukarelawanan secara lebih tersusun yang turut melibatkan semua agensi kerajaan yang terlibat dalam aspek kesukarelawanan.

“

Saya berharap agar YSS berperanan sebagai satu agensi kerajaan yang proaktif bukan bertindak seperti NGO. Pelaksanaan program harus berfokus dan tertumpu kepada Misi Sukarelawan Siswa, Tuisyen KAMI, Ejen Perpaduan, serta program pembangunan kepimpinan sukarelawan siswa.

”

Saya juga mengambil kesempatan ini, untuk mengumumkan **peruntukan kepada YSS bagi tahun 2025 sebanyak RM600,000 (urusan operasi) dan RM1.5 juta (pelaksanaan program sukarelawan).**

PENUTUP

Saya mendoakan segala usaha murni yang telah dilaksanakan oleh semua Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan sekretariat YSS ini sentiasa diberkati.

Dengan ini, **saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan YSS Kali Ke-13** dan menyerahkan Mesyuarat Agung Tahunan YSS Kali Ke-13 ini kepada Datuk Dr. Setiausaha Syarikat bagi meneruskan mesyuarat.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2024 DAN SANJUNGAN BUDI 2025 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

20 MEI 2025

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

KATA ALU-ALUAN

Pada pagi ini kita diberi peluang untuk bersama-sama berkumpul di majlis yang penuh bermakna iaitu **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 dan Sanjungan Budi 2025**.

Pada tahun ini, kita meraikan seramai **568 orang penerima APC** dan **130 pesara** warga kementerian dan jabatan yang telah memberikan sumbangan perkhidmatan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2024.



Saya dimaklumkan bahawa, antara barisan pegawai pengurusan tertinggi yang akan bersara tahun ini termasuklah:

- I. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional
- II. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, dan
- III. Encik Mokhtaruddin bin Lamsin Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.

Majlis ini bukan sahaja sebagai satu **wadah pengiktirafan terhadap warga kerja** yang menunjukkan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas, malah ia turut **menjadi simbol penghargaan dan sanjungan terhadap jasa dan bakti para pesara yang telah menyumbang tenaga dan fikiran sepanjang perkhidmatan** mereka.

Sesungguhnya, **kecemerlangan sesebuah organisasi adalah hasil daripada komitmen dan integriti yang tinggi oleh warganya**. Penerima APC hari ini telah

membuktikan bahawa nilai kerja keras, dedikasi dan disiplin mampu menghasilkan impak yang besar kepada perkhidmatan awam dan rakyat secara keseluruhannya.

Kepada para pesara yang diraikan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbangan cemerlang tuan-tuan dan puan-puan sepanjang berada dalam perkhidmatan.

Dalam era yang menuntut keterlibatan menyeluruh daripada semua pihak, **pesara dilihat sebagai aset penting yang mampu memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh jaringan sosial, membimbing generasi muda, serta menjadi rujukan dalam melaksanakan program-program komuniti.**

Justeru, kementerian ini **menyediakan pelbagai ruang dan inisiatif yang membolehkan pesara terus menyumbang idea, tenaga dan masa, sama ada melalui program sukarelawan, penglibatan dalam jawatankuasa komuniti, bimbingan profesional, atau peranan sebagai mentor dalam program pembangunan modal insan.**

Kementerian ini bersama-sama agensi di bawahnya sentiasa **membuka ruang untuk semua pesara untuk kembali berbakti dan menabur bakti** dalam aspek pembangunan komuniti melalui:

- I. terlibat secara aktif dalam **Rukun Tetangga** di Kawasan kediaman masing-masing
- II. **sukarelawan muzium** (muzium volunteers) di bawah Jabatan Muzium Malaysia
- III. menerajui program **Arkib@Komuniti** di Kawasan kediaman masing-masing

AMALAN BUDAYA KERJA CEMERLANG

Hadirin yang saya hormati sekalian,

“

Budaya kerja cemerlang bukan sekadar slogan atau tema tahunan, tetapi teras utama kepada kekuatan perkhidmatan awam. Ia adalah tunjang kepada cara kita berfikir, bertindak dan memberi perkhidmatan yang bermutu kepada rakyat.

”

Dalam dunia yang bergerak pantas dan berasaskan data, **kecemerlangan bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan.**

Budaya Dalam kerangka ini, tiga prinsip utama perlu dihayati dan diamalkan sepenuhnya, iaitu **kepantasan bertindak, ketepatan keputusan**, dan yang paling penting, **akauntabiliti dalam pelaksanaan**.

- I. **Kepantasan** bermaksud keupayaan untuk bertindak balas terhadap keperluan dan cabaran semasa dengan efisien, tanpa menangguhkan perkara yang boleh diselesaikan hari ini.
- II. **Ketepatan** pula membawa maksud bahawa setiap tindakan dan keputusan yang dibuat mestilah bersandarkan kepada maklumat yang sahih, analisis yang teliti serta berpaksikan kepada hasil yang memberi impak positif kepada rakyat.
- III. Sementara itu, **akauntabiliti** menuntut setiap penjawat awam untuk bertanggungjawab atas setiap tindakan, keputusan dan hasil yang dicapai. Akauntabiliti inilah yang menjadi asas kepercayaan rakyat terhadap sistem pentadbiran negara.

Apabila prinsip ini dihayati dalam budaya kerja seharian, maka lahirlah sistem penyampaian yang **efektif** iaitu dapat menyelesaikan masalah dan memberi impak sebenar kepada rakyat serta **inklusif**, yang tidak meminggirkan mana-mana golongan, termasuk komuniti luar bandar, warga emas, Orang Kurang Upaya, dan golongan rentan.

Budaya cemerlang juga memerlukan kepimpinan yang berjiwa rakyat, pengurusan yang proaktif, serta kakitangan yang sentiasa bersedia berubah dan menambah baik diri.

Dalam konteks ini, kita bukan hanya mahu mencapai KPI, tetapi kita mahu membina **perkhidmatan awam yang dihormati, dipercayai dan diyakini oleh rakyat**. Dan kunci kepada semua ini bermula dengan budaya kerja budaya cemerlang yang tulus, bersemangat dan sentiasa mendahulukan kepentingan awam.





PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Akhir kata, **tahniah dan syabas** kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 dan pesara Sanjungan Budi 2025.

Saya berharap saudara dan saudari yang menerima anugerah akan terus menjadi inspirasi kepada rakan-rakan yang lain bukan sahaja melalui pencapaian, tetapi juga melalui sikap, disiplin dan kerjasama yang dibina bersama.

Dengan ini, saya merasmikan **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 dan Sanjungan Budi 2025**.

Terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PUSAT REPOSITORI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA-PERLIS (PRPNM-PERLIS)

22 MEI 2025

Salam Perpaduan, Salam Perlis, Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju.

Dengan penuh hormat dan takzimnya patik mengadap,

**Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis,
Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail,**

dan mengadap,

**Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis,
Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid**

AMPUN TUANKU

Terlebih dahulu patik mewakili warga kerja Kementerian Perpaduan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia merafak sembah, menjunjung setinggi - tinggi kasih atas limpah perkenan Duli - Duli Tuanku berangkat ke Majlis Perasmian Pusat Repositori Perpustakaan Negara Malaysia-Perlis (PRPNM-Perlis) pada hari ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli - Duli Tuanku ke majlis ini amat besar ertinya kepada patik - patik sekalian.

AMPUN TUANKU

Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli - Duli Tuanku untuk berucap kepada sidang hadirin yang turut hadir dalam majlis pada hari ini.

AMPUN TUANKU



PERASMIAN PUSAT REPOSITORI PNM-PERLIS

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sesungguhnya saya bersyukur pada hari ini kerana Kementerian Perpaduan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia berjaya melaksanakan **Majlis Perasmian dan Penamaan Bangunan Pusat Repositori Perpustakaan Negara Malaysia - Perlis**.

Bangunan ini telah dibangunkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia di atas sebahagian tanah milik Perbadanan Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Perlis, Perlis. **Bangunan ini berkeluasan 6,802 kaki persegi dan dibina dengan kos sebanyak RM2,824,936.06.** Pembinaan ini dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan Akaun Amanah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs).

“

Pembinaan bangunan ini telah bermula pada 25 Oktober 2022 dan berjaya disiapkan sepenuhnya pada 15 April 2024. Tempoh pembinaan selama lebih setahun ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan hasil kerjasama erat antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs), serta pihak kontraktor yang terlibat.

”

Pembinaan bangunan ini mempunyai objektif yang amat signifikan, selaras dengan usaha memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan pemeliharaan warisan negara. Tujuan utamanya adalah seperti berikut:

I. Menjadikan negeri Perlis sebagai Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara (Zon Utara);

Melalui kemudahan akses kepada koleksi bahan perpustakaan yang diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*, masyarakat di negeri-negeri ini akan berpeluang menikmati sumber maklumat yang kaya dan pelbagai bagi tujuan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan ilmu.

II. Membantu PNM dalam memelihara khazanah warisan intelek negara;

Bangunan ini akan berfungsi sebagai pusat simpanan yang kondusif dan sistematik untuk memastikan bahan-bahan intelektual, sejarah dan budaya negara kekal terpelihara untuk rujukan generasi kini dan akan datang.



Sidang Hadirin Sekalian,

PENAMAAN BANGUNAN PRPNM-PERLIS

Untuk makluman semua, **penamaan semula bangunan ini berasaskan kepada justifikasi:**

- I. Memberi **pengiktirafan kepada Institusi Diraja Negeri Perlis** yang memperkenankan untuk dibangunkan sebuah pusat repositori khususnya untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat negeri Perlis dan kawasan sekitarnya
- II. **pembinaan bangunan ini juga berpotensi menjadi satu lagi tarikan pelancongan di negeri Perlis.** Kehadiran pelawat dan penyelidik dari dalam dan luar negara dijangka mampu merancakkan sektor pelancongan setempat serta memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan kebudayaan.

Ampun Tuanku

Suka patik menyembah maklum ke hadapan **Duli-Duli Tuanku**, bahawa patik telah membentangkan perkara ini kepada **Jemaah Menteri pada 14 Mei 2025** yang lalu. Hasil perbincangan tersebut, Jemaah Menteri telah menyarankan agar reka bentuk bangunan pusat repositori ini diperbesar dan dinaik taraf supaya lebih bersesuaian serta setimpal dengan ketinggian martabat Institusi Diraja yang sentiasa menjadi lambang kebitaraan dan warisan negara.

- III. **Penggunaan nama diraja lazimnya membawa makna yang amat mendalam dari segi sejarah, budaya dan warisan.** Ia bukan sahaja berperanan dalam memelihara identiti serta jati diri tempatan, malah turut membangkitkan rasa bangga dan hormat dan keterikatan emosi dalam kalangan masyarakat setempat.



PENUTUP

Semoga Pusat Repositori ini menjadi **mercu tanda ilmu, warisan dan kebanggaan bangsa**, serta menjadi pemangkin kepada usaha membina Malaysia MADANI yang berpengetahuan.

Saya percaya, dengan sokongan semua pihak termasuk penjawat awam, akademik, komuniti dan masyarakat sivil **pusat ini akan menjadi pusat rujukan utama serta pemangkin kepada pembinaan naratif perpaduan** yang lebih utuh dan bermakna.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah ucapan patik. Sekali lagi patik mewakili Kementerian Perpaduan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke Majlis pada hari ini.

Sekian.

Menjunjung Kasih Tuanku,

Ampun Tuanku



19th MIRI DIVISION GAWAI DAYAK CELEBRATION

24 MAY 2025

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

INTRODUCTION

First and foremost, I would like to express my heartfelt appreciation to the organizers of the **19th Miri Division Gawai Dayak 2025 celebration** for inviting me to this prestigious event. It is truly an honour to join all of you in celebrating not just a festival, but a living heritage that represents the **spirit of gratitude, unity, and community**.



Gawai Dayak, a celebration that marks the end of the rice harvest for the Dayak people including the Iban, Bidayuh, and other indigenous communities is more than just an agricultural festival. It is an embodiment of **our shared values** of togetherness, respect for nature, and appreciation of the cultural diversity that enriches our nation.

It is a reminder that our differences, whether in language, culture, or heritage, are what make Malaysia vibrant and strong.

UNITY IN DIVERSITY: A CORNERSTONE OF OUR NATION

Ladies and gentlemen,

As we gather here today, we are reminded of the importance of **Harmony in Diversity**. Malaysia is a multi-cultural society that celebrates its diversity. In Sarawak, especially here in Miri, we see the beautiful coexistence of various communities the Dayaks, the Malays, the Chinese, the Melanau, the Orang Ulu, and others all living together, sharing spaces, traditions, and dreams.

The unity we share is not the result of uniformity, but of the willingness to embrace our differences, to learn from each other, and to grow together. Our diversity is not something to be tolerated but something to be celebrated. It is this harmony in diversity that has made Malaysia a unique example of peaceful coexistence in the world. However,

“

this harmony does not occur automatically. It requires effort, commitment, and ongoing dialogue. As the Minister of National Unity, I am deeply committed to fostering this spirit of inclusivity and respect through various initiatives aimed at promoting national unity, tolerance, and understanding across all ethnic groups.

”

THE ROLE OF ETHNIC COMMUNITY LEADERS IN FOSTERING UNITY

Ladies and gentlemen,

One of the cornerstones of this effort lies in the **role of community leaders. Leaders in every ethnic group** play an indispensable role in building and maintaining unity. You are the ones who bridge the gap between cultural differences and promote understanding. You are the ones who ensure that the voices of your communities are heard and that your traditions are respected.

Community leaders, especially those from indigenous groups like the Dayak people, have the unique responsibility to guide their communities in preserving their cultural identity while simultaneously contributing to the greater vision of a united nation. **You are the role models, the mentors, and the advocates for social harmony.** Your influence and leadership are crucial in promoting a culture of respect and cooperation.

In this spirit, the government recognizes the importance of **strengthening ties with ethnic community leaders** to ensure that national unity is not just a concept on paper but a living, breathing reality in our daily lives. We are committed to collaborating with local leaders to address the needs of their communities, ensuring that no one is left behind, and that the principles of **justice, fairness, and opportunity** are upheld.

I want to emphasize something very important today, **unity is a value that cannot be forced.** It is not something that can be achieved through top-down mandates or policies alone. **Just like religion or personal belief, unity must come from within.** It is about developing a genuine respect for others, understanding their struggles, celebrating their successes, and creating a society where all feel a sense of belonging.

Unity must be encouraged, nurtured, and built on mutual trust and respect. It cannot be imposed from the outside, but it can be fostered through shared experiences, shared struggles, and shared joys. Unity is about understanding that we are not just individuals or members of a single ethnic group, we are part of a larger Malaysian family.

We, as a nation, are united by common goals: the pursuit of peace, prosperity, and progress. But how we achieve this unity is through collaboration, dialogue, and inclusivity. This is where the role of community leaders becomes indispensable. You are the ones who guide your people in this journey of unity, helping them see the bigger picture and the importance of their contributions to a peaceful and prosperous Malaysia.



CONCLUSION

Ladies and gentlemen,

In conclusion, the Gawai Dayak is not just a celebration of rice harvest; **it is a celebration of our collective efforts to nurture understanding, respect, and acceptance in a country as diverse as ours.**

Community leaders play a pivotal role in this effort, and the government is committed to supporting you in your efforts. Together, we can build a nation that is not just diverse in its makeup but also united in its values and aspirations.

Let us continue to work hand-in-hand, forging a future that is more inclusive, just, and prosperous. Let us show the world that Malaysia is not just a nation; it is a family, bound by our shared values of harmony, peace, and progress.

Hereby, I officiate the opening of the 19th Miri Division Gawai Dayak Celebration.

Thank you

Gayu Guru Gerai Nyamai!



BUILDING A UNITED MALAYSIA: INVESTING IN SOCIAL COHESION Report Launch Event and Call to Action Architects of Diversity

12 JUNE 2025

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

INTRODUCTION

Today's gathering is more than an academic or policy exercise. It is a reminder, a very timely and powerful one that **nation-building is only as strong as the unity that underpins it.**



Let me begin by congratulating **Architects of Diversity (AOD)** on the launch of the inaugural Impact Knowledge Series with the report, ***“Building a United Malaysia: Investing in Social Cohesion”***. This document is not only insightful it is bold, rigorous, and necessary.

At a time when polarization, disinformation, and silent divisions threaten to erode our social fabric, this report issues a call to all of us: **to act, not later, but now**, to invest in what is arguably the most strategic capital of any nation: its unity.

Let us be clear: **social cohesion is not a luxury.** It is not an optional ideal to be debated in quiet chambers or left to the margins of policy. It is a **foundational necessity.** Without it, there can be no sustainable development, no genuine peace, and no lasting prosperity.

Ladies and Gentlemen,

NATIONAL UNITY POLICY

At the heart of Malaysia's long-term strategy to safeguard harmony, nurture shared identity, and promote sustainable nation-building lies a fundamental framework: the

National Unity Policy (NUP). This policy is not merely a declaration of intent, it is a **national blueprint** to reinforce social cohesion amidst our rich ethnic, religious, and cultural diversity.

The NUP is anchored on three strategic objectives:

I. Strengthening National Unity and Integration - It prioritizes **social interaction**, cross-community dialogue, and mutual understanding as tools of integration.

II. Forming a National Identity Based on Shared Values - It affirms that being Malaysian is not about uniformity, but unity in shared commitment to democratic principles, mutual respect, and the rule of law.

III. Building a Progressive, Peaceful, and Prosperous Society - The policy advocates for **community empowerment**, where unity efforts are led not only by the government but also by civil society, youth, religious institutions, and local leadership.

What makes the **National Unity Policy** truly critical is this: **it is a living, adaptive policy framework.** It is **not static**, but reviewed periodically, shaped continuously by evolving national dynamics, and **refined through evidence** drawing from **IPNAS findings, academic research, community consultations**, and civil society input, including reports such as the one presented today by Architects of Diversity.



If Malaysia is to advance as a cohesive, inclusive, and resilient nation, respected not just for its diversity, but for its unity in purpose, then the National Unity Policy must remain our guiding compass, our structural foundation, and our shared values.



Ladies and Gentlemen,

10 SOCIAL DEFICITS

Before we can build a truly united Malaysia, we must first face an undeniable truth: unity is not simply the absence of conflict. It is a positive, dynamic process, one that requires deep understanding of the social realities shaping our nation.

To build cohesion, we must acknowledge the challenges that divide us. These challenges do not appear overnight, nor are they mere disagreements. They are structural **social deficits** embedded in our society, real gaps and fractures that hinder trust, communication, and shared identity.

Before we can truly build a united Malaysia, we must first acknowledge the **ten key social deficits** that continue to challenge our national cohesion: **persistent ethnic divisions, religious tensions, social class disparities, fragmented education systems, insufficient emphasis on our national language, generational gaps, gender inequalities, politicization of identity and federalism, urban-rural divides, and the influence of traditional and digital media in spreading misinformation.**

These deficits are not isolated issues; they intertwine and compound one another, creating barriers to trust, mutual understanding, and a shared sense of belonging. Recognizing these social deficits is essential because only through honest appraisal can we develop focused, inclusive policies that heal these divides and strengthen the very foundation of our unity.

Ignoring these deficits risks leaving wounds untreated, wounds that fester into mistrust, alienation, and conflict. By naming these deficits clearly, we commit ourselves to confronting them head on, together so that Malaysia's diversity becomes our greatest source of strength, not division.

Ladies and Gentlemen,

INVESTING IN SOCIAL COHESION

Malaysia was built on the promise of unity in diversity. But unity does not sustain itself. It **demand commitment, courage, and constant renewal.** The findings of this report lay bare both the strengths we must celebrate, and the fractures we must confront.

It challenges us, especially in government, to ask: **Are our policies truly inclusive? Are we empowering the next generation to build bridges, or to inherit walls? Are we investing in social cohesion with the same urgency and intensity as we invest in infrastructure, economy, and defense?**

Without social cohesion, trust between citizens erodes. Trust is the invisible glue that binds societies between neighbours, across communities, and between the people and their government. When trust is lost, cooperation falters, social capital diminishes, and the sense of belonging weakens.

Investing in social cohesion is therefore an investment in Malaysia's future resilience and prosperity. It means creating a society where every Malaysian, regardless of background, feels valued, heard, and empowered to contribute.

Because unity is not merely a feel-good ideal; it is the foundation upon which sustainable development, peace, and national progress rest.



Ladies and Gentlemen,

CLOSING

Unity is not the job of one ministry. It is the responsibility of an entire government, and the duty of every Malaysian. If we treat it as a slogan, we will fail. But if we treat it as a shared mission anchored in policy, supported by evidence, and powered by civic partnership then we can succeed.

That is why I commend AOD not just for producing this report, but for doing the harder work: engaging young people, going into communities, and collecting the raw truth of how Malaysians live, interact, and feel about each other. These are not just numbers. These are signals, early warnings or calls to action that we must not ignore.

The Ministry of National Unity views this report as more than an academic exercise. We see it as a tool, a tool to sharpen our strategies, evaluate our weaknesses, and build more effective interventions. In the coming weeks, we will study it, and I will ensure that its key recommendations are tabled in our National Unity Policy Review Committee.

Thank You.



MAJLIS KARNIVAL DAN PENYAMPAIAN HADIAH HARI BAHASA IBUNDA ANTARABANGSA 2025

14 JUN 2025



Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

KATA ALU-ALUAN

Bersyukur, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam suasana penuh makna dan kesedaran untuk memperingati **Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa 2025**.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur dan semua yang hadir, atas kesungguhan dan komitmen dalam menjadikan sambutan ini bukan sekadar satu acara simbolik, tetapi satu gerakan jiwa untuk menghargai warisan bahasa dan menyemai semangat perpaduan nasional.

Sambutan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa ini mula diiktiraf oleh UNESCO pada tahun 1999 sebagai memperingati pengorbanan sekumpulan pelajar di **Dhaka, Bangladesh** pada **21 Februari 1952** yang telah gugur mempertahankan hak untuk bertutur dalam bahasa ibunda mereka, bahasa Bengali. Peristiwa ini membuka mata dunia bahawa bahasa bukan hanya isu linguistik, tetapi isu hak asasi manusia.

Setiap bahasa ibunda adalah cerminan identiti dan akar budaya sesebuah komuniti. Ia bukan sekadar alat komunikasi, tetapi merupakan wahana menyimpan nilai, adat, sejarah, dan cara fikir sesebuah masyarakat. Tanpa bahasa, hilanglah jati diri. Tanpa jati diri, goyahlah tamadun.



Hadirin yang saya hormati sekalian,

BAHASA DAN PERPADUAN: SUATU IKATAN SOSIAL YANG HAKIKI

Di Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan agama, **bahasa ibunda merupakan tiang penting yang menyokong struktur kemajmukan masyarakat kita.** Bahasa adalah identiti, dan dalam konteks negara ini, setiap bahasa ibunda membawa warisan yang unik serta menyumbang kepada kekayaan budaya nasional.

Perlembagaan Persekutuan, khususnya Perkara 152, dengan jelas memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara. Ini merupakan asas perpaduan nasional, simbol kepada jati diri bersama yang dikongsi oleh seluruh rakyat Malaysia. Namun pada masa yang sama, **Perlembagaan turut menghormati hak-hak semua warganegara untuk menggunakan, mempelajari dan memelihara bahasa ibunda masing-masing.**

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah tunjang penyatuan nasional, namun bahasa-bahasa ibunda lain seperti **Mandarin, Tamil, Iban,**

Kadazan Dusun, Semai dan pelbagai lagi turut dihargai dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada warisan bangsa. **Bahasa-bahasa ini memperkayakan identiti negara kita, mencerminkan jiwa masyarakat majmuk yang saling lengkap-melengkapi.**

Inilah keunikan Malaysia. **Kita tidak menafikan perbezaan, malah kita mengangkatnya sebagai asas pembinaan negara bangsa.** Kita tidak memaksa keseragaman, tetapi **kita mendidik kepada kefahaman, penghormatan dan penerimaan.** Justeru, bahasa tidak harus menjadi sempadan, tetapi jambatan yang merapatkan jurang antara komuniti.

Selaras dengan semangat ini, kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi termasuk Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Komunikasi terus memainkan peranan aktif dalam memperkasa bahasa ibunda melalui pelbagai inisiatif.

Semua **usaha ini adalah cerminan komitmen kerajaan untuk memastikan bahasa-bahasa ibunda terus hidup dan berkembang,** bukan sahaja dalam kalangan generasi tua, tetapi turut disemai dalam jiwa generasi muda sebagai sebahagian daripada warisan dan



identiti Malaysia yang kita cintai bersama.
Hadirin yang saya kasihi sekalian,

KONSEP FAHAM, HORMAT DAN TERIMA

Dalam kerangka **Malaysia MADANI**, perpaduan tidak lahir daripada keseragaman, tetapi daripada keupayaan kita untuk **memahami perbezaan, menghormati keunikan, dan menerima keragaman** sebagai sumber kekuatan. Bahasa ialah medan pertama di mana proses ini berlaku.

Selain itu, apabila anak-anak kita belajar mengenali dan menghormati bahasa ibunda rakan-rakan mereka, mereka juga sedang belajar memahami budaya, nilai dan sejarah masyarakat lain. Apabila kita mempelajari pantun Melayu, peribahasa Tamil, simpulan bahasa Cina, atau cerita rakyat Orang Asli, kita sedang membina jambatan empati yang menghubungkan hati.

Colongan belia hari ini memegang amanah besar sebagai penjaga khazanah bahasa masa depan. Dalam dunia yang semakin pantas bergerak dengan arus teknologi, bahasa ibunda kerap kali terpinggir bukan kerana hilang nilainya, tetapi kerana kita semakin leka dalam keselesaan bahasa asing yang lebih dominan dalam ruang digital dan profesional.

Namun, saya tetap optimis. **Saya percaya bahawa belia Malaysia memiliki daya tahan budaya dan jiwa kebangsaan yang utuh.** Mereka bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga semakin sedar akan pentingnya memelihara akar warisan bangsa termasuk bahasa ibunda mereka.



“

saya menyeru agar belia Malaysia bangkit sebagai ejen penghidup Bahasa bukan sekadar pewaris pasif, tetapi penggerak aktif yang menghidupkan kembali roh bahasa dalam kehidupan seharian

”

Dan yang paling utama, **berbanggalah bertutur dalam bahasa ibunda sendiri**, tanpa rasa malu, tanpa rasa rendah diri. Kerana bahasa bukan sekadar bunyi dan kata. Ia adalah warisan. Ia adalah identiti. Ia adalah jiwa bangsa.

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

PENUTUP

Jika akar pohon adalah bahasa, maka batangnya adalah budaya, dahannya adalah identiti, dan buahnya adalah perpaduan. Maka wajiblah bagi kita semua menjaga akarnya agar pohon Malaysia ini terus subur dan berbuah, memberi naungan kepada semua warganya, tanpa mengira bangsa, agama atau latar keturunan.

Bahasa ibunda bukan hanya warisan, ia adalah tanggungjawab bersama. Maka marilah kita jadikan bahasa sebagai jambatan, bukan tembok. Jadikan bahasa sebagai sumber kekuatan, bukan punca perpecahan. Dan jadikan bahasa ibunda sebagai roh **perpaduan Malaysia** yang sejati.

Dengan itu, saya merasmikan **Majlis Karnival Dan Penyampaian Hadiah Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa 2025.**

Sekian, Terima Kasih.



IN CONJUNCTION WITH THE 19TH CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS (CONSAL XIX) OPENING CEREMONY OF CONSAL XIX

17 JUNE 2025



Salam Perpaduan and a very good morning.

INTRODUCTION

It is a great honour and privilege for me to welcome all of you to Malaysia for the **19th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL XIX)**. I wish to extend my heartfelt appreciation to the **National Library of Malaysia** and the **Librarians' Association of Malaysia** for their tireless efforts and outstanding commitment in organising this prestigious congress.

It is especially meaningful that we come together under the powerful and timely theme, **“Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All.”** This theme reflects the urgent need for equitable access to information and the collective aspiration to build more connected and informed societies across Southeast Asia.

As we move through an era marked by rapid technological evolution, profound socio-cultural change, and increasing demands for sustainable, inclusive development, the role of libraries and information institutions has grown even more vital.

Today, libraries are more than just places for books. They are **beacons of equity, gateways to digital access, custodians of our cultural heritage, and lifelong learning centres for all.**

Malaysia has seen remarkable progress in its library ecosystem, reflecting our national commitment to inclusive access to knowledge. A key initiative is **u-Pustaka**, our innovative national digital library platform, which is accessible anytime, anywhere to all Malaysians via u-pustaka.gov.my. This service, offered at **no cost**, allows users to borrow both **physical books across 12 consortium libraries** and **digital materials including e-books, audiobooks, magazines, journals, newspapers, databases, and government publications.**

Moreover, Malaysia's **608 Perpustakaan Desa (Village Library)** programme continues to flourish, bringing curated collections, community reading events, and digital kiosks to remote and rural communities. These village libraries serve as vital hubs, empowering local residents with both traditional resources and digital connectivity.

EMPHASISING INCLUSIVE KNOWLEDGE

Esteemed Librarians, Ladies and Gentlemen,

In building knowledge-based societies, we must ensure that no one is excluded whether because of geography, economic status, age, gender, ability, or language. True inclusivity means that the benefits of knowledge, education, and information must reach every corner of our societies, including the most marginalised and underserved.

Inclusive knowledge begins with the commitment to bring information resources to those who are often left behind. In many rural and remote areas across Southeast Asia, physical access to libraries remains limited. To address this, **we must prioritise the development of community libraries and expand outreach efforts such as mobile libraries, digital kiosks, and alternative service models.** These can act as lifelines for learning, especially for children, farmers, women, and the elderly in rural areas.

At the same time, **we must recognise that language plays a crucial role in inclusivity.** In our multilingual and multicultural region, large segments of the population speak local or Indigenous languages that are often underrepresented in formal knowledge systems. Therefore, **libraries must actively promote linguistic inclusion by offering materials in minority**

languages and by supporting initiatives that document, translate, and preserve indigenous literature and oral traditions.

In our pursuit of inclusivity, **we must also ensure that persons with disabilities have full and meaningful access to library services.** Accessibility should not be treated as an afterthought, but as an integral part of library design, both physically and digitally. This includes providing infrastructure such as ramps and accessible toilets, as well as resources in formats like braille, large print, audiobooks, and screen-reader-compatible documents. Equally important is ensuring that library staff are trained to serve persons with disabilities in a dignified, informed, and proactive manner.

PROMOTING REGIONAL INTEGRATION THROUGH THE ASEAN DIGITAL LIBRARY

Esteemed Librarians, Ladies and Gentlemen,

In today's digital era, **access to the internet and digital literacy have become essential components of inclusive knowledge.** However, the digital divide remains a real and pressing issue across Southeast Asia. In response, libraries must play a more active role in offering free or affordable internet access, digital tools, and training programmes.

In our collective effort to advance inclusive and equitable access to knowledge, one of the most promising and forward-looking regional initiatives **is the ASEAN Digital Library, or ADL.** This platform exemplifies what we can achieve when our countries come together with a shared commitment to preserving, sharing, and democratising knowledge.

The ASEAN Digital Library is a collaborative digital platform that aggregates metadata from the national libraries of ASEAN member states. While the system is still

expanding, it already enables seamless cross-border access to **tens of thousands of digitised materials**, including rare manuscripts, books, cultural artefacts, images, newspapers, and more.

I urge all ASEAN member states to accelerate their participation in this regional platform. By doing so, we are not only enriching the content and diversity of ADL, but also empowering researchers, students, and citizens from across the region to access culturally relevant, high-quality information in their own languages.

To move forward, we must also consider investing in **shared digital infrastructure, capacity-building for librarians and archivists, and interoperable metadata standards** that will enable smoother integration of national collections. Furthermore, we must be bold in supporting **digitisation of indigenous knowledge systems** and local languages, ensuring that what we preserve digitally reflects the full spectrum of ASEAN's rich heritage.

“

The ASEAN Digital Library has the potential to be more than a digital archive, it can be a living bridge of knowledge, connecting our peoples, histories, and futures. It is a step toward a more inclusive, informative, and integrated ASEAN Community.

”





CLOSING REMARKS

Esteemed Librarians, Ladies and Gentlemen,

To make these inclusive efforts effective and sustainable, greater regional cooperation is essential. We believe that CONSAL and ASEAN member states can work together to establish a framework that promotes shared standards, tools, and funding for inclusive library services.

Ultimately, **inclusivity is not just about access, it is about empowerment.** When we invest in inclusive knowledge systems, we invest in human dignity, in equal opportunity, and in sustainable development. We give every person, regardless of their circumstances, the chance to learn, to grow, and to contribute meaningfully to society.

Thank you.



MAJLIS APRESIASI SERTA SAMBUTAN PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

18 JUN 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Pertama sekali, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa syukur, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Apresiasi Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2024** ini, sebuah majlis penuh makna yang meraikan jasa, komitmen dan semangat kebersamaan seluruh warga kementerian yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada kejayaan pelaksanaan agenda perpaduan nasional.



Majlis apresiasi ini bukan sekadar simbol penghargaan, tetapi satu wadah untuk kita merenung pencapaian, memperkukuh silaturrahim dan menyemarakkan semangat untuk terus maju ke hadapan dengan lebih jitu dan berani. Sebagai Menteri yang diberi amanah untuk memimpin barisan hadapan dalam memperkukuh perpaduan rakyat Malaysia, saya amat berbangga dengan prestasi dan pencapaian luar biasa yang telah ditunjukkan oleh seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun ini.

Tahun 2024 menyaksikan kementerian ini terus mengorak langkah strategik dengan mempergiatkan pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif berimpak tinggi selaras dengan fokus utama kementerian, iaitu **memperkasa jentera perpaduan di setiap lapisan masyarakat, meningkatkan keharmonian antara penganut pelbagai agama, memperluas program penghayatan Rukun Negara, melahirkan pemimpin sukarelawan berkaliber serta menyemarakkan rasa cinta rakyat terhadap khazanah warisan negara** yang menjadi lambang identiti nasional.

Kejayaan melaksanakan **lebih 730 program di seluruh negara yang menjangkau pelbagai komuniti di bawah kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah** adalah bukti nyata kecekapan jentera kementerian serta iltizam yang tidak pernah luntur dalam memperjuangkan agenda perpaduan nasional dan Malaysia MADANI.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kementerian dari peringkat pentadbiran tertinggi hingga ke barisan pelaksana di lapangan** yang sentiasa bekerja dengan penuh dedikasi, profesionalisme dan semangat kesepunyaan dalam memastikan misi dan visi Kementerian Perpaduan Negara terus direalisasikan secara tuntas dan inklusif.

Sesungguhnya, **usaha memperkukuh perpaduan bukanlah kerja sehari dua, tetapi perjuangan berterusan yang menuntut kesabaran, hikmah dan kebijaksanaan.** Oleh itu, saya menyeru agar kita semua terus kekal utuh, sepakat dan fokus dalam memperkasa agenda perpaduan nasional demi menjamin kelestarian Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, sejahtera dan penuh harapan untuk generasi mendatang.



Hadirin yang saya hormati sekalian,

MAJLIS PESARAAN KSU

Dalam tempoh hampir tiga tahun saya diberi amanah sebagai Menteri Perpaduan Negara, **sudah empat orang Ketua Setiausaha berkhidmat di Kementerian ini, masing-masing dengan keupayaan serta gaya kepimpinan tersendiri.** Namun yang pasti, kesemua mereka telah memberikan sumbangan yang amat besar dan berharga kepada kementerian ini serta negara secara keseluruhannya. Kepimpinan mereka telah membantu memperkukuh dasar, memperkemas pelaksanaan program,

dan memastikan agenda perpaduan nasional terus digerakkan dengan penuh komitmen dan keberkesanan.

Hari ini, saya dimaklumkan bahawa ia merupakan hari terakhir YBhg. Datuk Haji Ruji bin Ubi sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara yang akan bersara daripada perkhidmatan awam. Persaraan beliau bukan sahaja menandakan penutup kepada sebuah kerjaya cemerlang yang penuh dedikasi dan integriti, malah turut meninggalkan satu legasi kepimpinan yang amat dihargai oleh seluruh warga kementerian.

Bagi pihak kementerian dan secara peribadi, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk atas segala sumbangan, tunjuk ajar dan kesungguhan beliau dalam memacu kementerian ini ke arah pencapaian yang lebih gemilang. Saya pasti tugas yang lebih mencabar menanti anda di Negeri di bawah Bayu.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

SAMBUTAN PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

Pada hari ini juga kita akan meraikan **Sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai peringkat Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2024**. Sambutan ini bukan sekadar majlis untuk diraikan, tetapi adalah platform menghargai warisan budaya yang mencerminkan falsafah hidup, nilai kesyukuran dan ikatan komuniti yang amat tinggi dalam kalangan masyarakat **Kadazandusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh, Orang Ulu** dan lain-lain etnik di Sabah dan Sarawak.

Tradisi ini tidak boleh hanya dikenang sebagai peninggalan masa silam. Ia perlu dihidupkan, dikembangkan dan ditanam dalam jiwa generasi kini agar terus kekal

relevan serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan dan perpaduan rakyat Malaysia keseluruhannya.

“
Sebagaimana saya sering tegaskan, budaya bukan peninggalan masa lalu semata-mata, tetapi jiwa masa kini dan benih untuk masa depan. Dalam kerangka Malaysia MADANI, budaya dan warisan merupakan sumber kekuatan sosial yang boleh menyatukan masyarakat, menggalakkan saling pengertian, dan menjadikan kepelbagaian sebagai satu kelebihan, bukan kekangan.
”

Majlis sambutan hari ini juga mencerminkan komitmen Kementerian Perpaduan Negara dalam mendekatkan warga kerja kementerian dengan nilai dan tradisi rakyat Malaysia yang pelbagai. Ia menjadi platform untuk kita semua menyelami kekayaan budaya Sabah dan Sarawak, serta memperkukuh semangat muhibah dan kekitaan sebagai satu pasukan dalam memacu agenda perpaduan nasional.



Hadirin yang saya muliakan sekalian,

PENUTUP

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara atas segala usaha, dedikasi dan komitmen yang telah dicurahkan dalam melaksanakan tanggungjawab memperkukuh perpaduan negara. Justeru itu, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia agar terus memberikan sokongan padu dan komitmen yang berterusan terhadap semua inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara.

Marilah kita bersama-sama menggembeling tenaga, merapatkan saf dan memperkukuh ikatan persaudaraan demi memastikan agenda perpaduan nasional terus subur dan kukuh. Sesungguhnya, perpaduan adalah asas kekuatan negara, dan konsep **“Harmoni Dalam Kepelbagaian”** adalah teras utama dalam membina **sebuah negara yang maju, beretika dan harmoni untuk semua.**

Dengan itu, saya merasmikan **Majlis Apresiasi dan Sambutan Pesta Kamaatan & Hari Gawai Peringkat Kementerian Perpaduan Negara.**

Terima kasih.



**TOWNHALL KESELAMATAN DAN
PERPADUAN TAHUN 2025
TEMA : MENJULANG PERPADUAN,
MEMPERKASA KESELAMATAN**

19 JUN 2025

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih** kepada semua pihak yang hadir pada hari ini, wakil pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin serta tokoh masyarakat, para Mediator Komuniti, dan seluruh jentera perpaduan sempena **Townhall Keselamatan dan Perpaduan Tahun 2025**.

Kehadiran semua pada sesi townhall ini mencerminkan **komitmen kolektif kita semua terhadap usaha memperkukuh keselamatan komuniti dan memperteguh ikatan perpaduan di negara ini**. Ini bukan hanya satu keperluan, tetapi suatu tuntutan bersama dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang harmoni.

Perpaduan nasional hari ini berdepan dengan cabaran yang semakin kompleks dan pelbagai dimensi. Kita bukan sahaja menghadapi cabaran tradisional seperti jurang sosioekonomi, prejudis antara kaum dan agama, serta salah faham budaya, tetapi juga cabaran baharu dalam bentuk **penyedaran maklumat palsu, polarisasi ideologi, dan keterasingan sosial di era digital**.

Dalam menangani cabaran ini secara sistematik dan berasaskan data, **Kerajaan Malaysia telah membangunkan dan mengguna pakai Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) sebagai satu-satunya instrumen rasmi untuk mengukur tahap perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia**.

Untuk makluman semua, **kajian IPNas pertama telah dijalankan pada tahun 2018 dan skor pada tahun tersebut ialah 0.567**. Manakala **skor IPNas 2022 meningkat kepada 0.629**, yang berada dalam julat **tahap perpaduan baik dan terkawal**.

Kementerian Perpaduan Negara menyasarkan peningkatan skor IPNas kepada sekurang-kurangnya 0.70 tahun ini, dan untuk itu, pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum, dan pemerkasaan peranan akar umbi terus dipergiatkan. Meningkatkan skor IPNas bukan semata-mata soal statistik, tetapi soal memperkukuh asas sosial negara kita dari tahap persepsi sehinggalah ke tahap tindakan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MEKANISMA PENGURUSAN PERPADUAN

Dalam usaha menangani isu-isu sensitif berkaitan **kaum, agama dan institusi diraja (3R)**, kerajaan mengambil pendekatan **“whole-of-government approach”**, iaitu pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi secara bersepadu. Pendekatan ini digerakkan menerusi dua segmen utama, iaitu:

I. Segmen Penguatkuasaan (Punitive Approach)

II. Segmen Intervensi, Mediasi dan Kesedaran (Reformative Approach)

Dari segi penguatkuasaan undang-undang, tanggungjawab ini terletak di bawah beberapa agensi utama seperti:

- I. Kementerian Dalam Negeri (KDN),
- II. Polis Diraja Malaysia (PDRM),
- III. Kementerian Komunikasi (KK), dan
- IV. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Agensi-agensi ini mempunyai kuasa penguatkuasaan di bawah pelbagai akta sedia ada untuk **mengambil tindakan terhadap individu atau pihak yang mengeluarkan kenyataan atau melakukan perbuatan yang menyentuh sensitiviti 3R** dan boleh mengancam keharmonian negara.



Setiap tindakan undang-undang hanya diambil setelah siasatan terperinci dilakukan oleh pihak penguat kuasa dan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk proses pendakwaan. Ini memastikan proses penguatkuasaan dijalankan secara adil, profesional dan mengikut lunas perundangan.

Sementara itu, **Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan utama dalam aspek pencegahan, intervensi awal dan pemulihan sosial**. Pendekatan ini lebih bersifat reformasi dan pembinaan semula hubungan dalam masyarakat melalui:

- I. **Pemantauan isu-isu berbaur kebencian, agama dan perkauman** melalui **sistem eSepakat**, yang membolehkan aduan-aduan atau isu-isu berkaitan dipantau secara berpusat dan disalurkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan segera.

II. Penyediaan perkhidmatan mediasi melalui rangkaian 571 Mediator Komuniti di seluruh negara. Setakat tahun 2024, sebanyak **215 kes telah berjaya diselesaikan di peringkat komuniti**, sekali gus mengelakkan ia melarat ke peringkat perundangan.

III. Penubuhan 13 buah Pusat Mediasi Komuniti yang berfungsi sebagai platform penyelesaian pertikaian secara bukan litigasi, membolehkan masyarakat mendapatkan penyelesaian secara aman dan tidak memihak.

IV. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan, yang dianggotai oleh **12 kementerian dan agensi kerajaan**, bagi memastikan penyelarasan segera boleh dilakukan apabila berlakunya isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan rakyat.

V. Penggunaan Dashboard Analitik Perpaduan yang berperanan mengenal pasti **kawasan-kawasan “hotspot” yang berisiko tinggi terhadap ketegangan antara kaum**, sekaligus membolehkan intervensi bersasar dilaksanakan.

VI. Pelaksanaan pelbagai program perpaduan seperti Kembara Perpaduan, Sambutan Minggu Perpaduan, Dialog Harmoni, Jejak Harmoni, Eksplorasi Rukun Negara dan lain-lain yang memberi penekanan kepada nilai kebersamaan, toleransi dan penerimaan antara rakyat pelbagai latar belakang.

Gabungan antara pendekatan penguatkuasaan dan pendekatan reformasi sosial ini membuktikan komitmen kerajaan dalam menangani isu-isu 3R secara tegas, inklusif dan berhemah. Kita percaya bahawa perpaduan tidak hanya perlu dilindungi

oleh undang-undang, tetapi juga dipupuk melalui pendidikan, dialog dan interaksi yang berterusan.

Hadirin yang saya hormati,

KEPENTINGAN DIGITALISASI DALAM PENGUKUHAN PERPADUAN

Seiring dengan perkembangan pesat dunia teknologi komunikasi dan maklumat, **Kementerian Perpaduan Negara turut melangkah ke hadapan dalam memanfaatkan kemajuan digital** demi memperkukuh keberkesanan penyampaian perkhidmatan serta memperkasa agenda perpaduan nasional.

Dalam hal ini, **pendigitalan telah dijadikan sebagai tumpuan utama (focal point)** oleh kementerian bagi meningkatkan kecekapan kerja, memperluas capaian perkhidmatan dan memperkukuh keberkesanan jentera perpaduan di peringkat akar umbi, khususnya melalui Rukun Tetangga.

Hari ini juga, kita akan menyaksikan satu lagi pencapaian penting dalam pendigitalan sistem pengurusan komuniti iaitu **pengenalan kepada projek baharu yang dinamakan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)**. Platform ini dibangunkan oleh Kementerian menerusi JPNIN untuk:

I. Memudahkan orang awam menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu-isu perpaduan;

II. Memperkukuh pengurusan maklumat dan respons terhadap aduan komuniti; dan

III. Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi.

RAKAN merupakan satu inisiatif yang mendekatkan rakyat kepada kerajaan dan memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha-usaha menjaga keharmonian nasional. Saya berharap inisiatif ini bukan sahaja memudahkan urusan penyampaian aduan, tetapi juga mampu **membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat** terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan.

Selain itu, **kementerian juga sedang meneroka pelbagai ruang dan peluang baharu untuk memperkukuh perpaduan melalui teknologi digital.** Ini termasuk:

- I. **Penyediaan permohonan atas talian bagi penubuhan Kawasan Rukun Tetangga;**
- II. **Pemeriksaan mekanisme pelaporan dan pemantauan isu perpaduan secara sistematik;**
- III. **Pembangunan analitik data komuniti secara berpusat untuk membuat intervensi bersasar.**

Semua ini sedang digerakkan menerusi pewujudan **pangkalan data analitikal komuniti di bawah JPNIN**, yang dijangka akan menjadi tulang belakang kepada strategi digital kementerian dalam memperkukuh agenda perpaduan nasional secara lebih holistik dan inklusif.



Hadirin yang saya muliakan sekalian,

PERANAN MASYARAKAT SEBAGAI BENTENG PERTAMA NEGARA

Kini, **ancaman datang dalam pelbagai bentuk jenayah rentas sempadan, ekstremisme, penyalahgunaan media sosial yang menyebarkan kebencian, dan ketegangan dalam komuniti akibat manipulasi isu-isu perkauman dan keagamaan.**

Cabaran ini bukan sahaja mengancam kestabilan negara, malah turut menggugat **asas perpaduan nasional**, terutamanya dalam hal sensitiviti kaum dan agama. Fenomena globalisasi, kecanggihan teknologi komunikasi tanpa sempadan, peningkatan mobiliti manusia serta ketidaktentuan geopolitik dunia memperkukuh lagi kerumitan situasi ini.

“

Dalam konteks ini, peranan masyarakat sebagai benteng pertama negara menjadi amat penting. Keselamatan dan perpaduan tidak boleh digalas sepenuhnya oleh pasukan keselamatan atau kerajaan semata-mata. Ia menuntut kesedaran kolektif dan penyertaan aktif semua lapisan masyarakat.

”

Justeru, antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah:

- I. Pemimpin politik perlu menunjukkan **keteladanan yang tinggi dalam tutur kata dan tindakan**, serta mengutamakan keamanan negara melebihi kepentingan peribadi atau partisan;
- II. Sistem pendidikan harus lebih menekankan nilai **harmoni, empati dan pemahaman silang budaya**, bermula dari peringkat awal;
- III. **Media memainkan peranan penting sebagai ejen penyatuan**, bukan sebagai penyebar kebencian atau penghasut sentimen negatif;
- IV. Pemimpin masyarakat dan NGO perlu terus **berperanan aktif sebagai jambatan antara rakyat dan kerajaan**, serta menjadi “mata dan telinga” kerajaan di lapangan.
- V. Tidak ketinggalan, **ibu bapa juga memikul tanggungjawab besar** dalam menyemai nilai murni, hormat-menghormati dan kasih sayang dalam kalangan anak-anak. Kerana asas perpaduan sebenar bermula daripada institusi keluarga.

Kita mungkin tidak memegang senjata seperti anggota keselamatan, namun **kita mempunyai “kuasa sivil” — kuasa untuk membuat pilihan bijak, menolak kebencian dan menanam benih keamanan**. Maka, saya menyeru semua untuk bergerak **“Segulai Sejalai”**.



PENUTUP

Ingin saya tegaskan bahawa **keselamatan dan perpaduan negara bukan hanya tanggungjawab tentera, polis atau kerajaan semata-mata. Ia adalah amanah bersama tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia.**

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat khususnya **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta barisan rakan penganjur** atas kejayaan menganjurkan **Townhall Keselamatan dan Perpaduan Tahun 2025** ini.

Maka dengan penuh takzim, saya dengan ini **merasmikan Townhall Keselamatan dan Perpaduan Tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.



MALAM MUHIBBAH 2025 (THE PURE LIFE SOCIETY)

21 JUNE 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

INTRODUCTION

Let me begin by expressing my heartfelt thanks to the **Pure Life Society** for inviting me to be a part of this meaningful occasion, **Malam Muhibbah**, an evening that has become a beautiful tradition of togetherness, understanding, and interfaith harmony in Malaysia.

While tonight we come together in fellowship and reflection, allow me to also share with you a deeper message: a message that lies at the heart of my Ministry's work. Our official theme this year is **"Harmony in Diversity"**. And I want to stress: this is not just a catchphrase or a convenient slogan. It is the guiding principle behind every policy, every programme, and every engagement we undertake at the Ministry of National Unity.



To me personally, Harmony in Diversity is a declaration of both pride and responsibility. It reflects our pride in Malaysia's unique identity, a country where multiple ethnicities, religions, and cultures coexist on one land, under one flag. Our diversity is real. It is lived every day in the languages we speak, the food we eat, the festivals we celebrate, and the beliefs we hold sacred.

But harmony does not happen automatically. Harmony must be nurtured. It must be built deliberately, through conscious effort, mutual respect, and shared values. And so, the phrase also carries a responsibility to not only live among one another, but to live with one another. **To move from tolerance, to acceptance. From peaceful coexistence, to meaningful collaboration.**

Ladies and Gentlemen,

FAHAM, HORMAT & TERIMA

To translate this harmony into daily practice, I always return to three powerful values that we promote in all our unity programmes: ***faham, hormat, and terima*** — which mean understand, respect, and accept.

First: Faham (Understand).

Understanding is the foundation of all human connection. Too often, conflict or suspicion arises not out of real malice, but out of ignorance. We fear what we do not know. We judge what we do not understand. When we take the time to learn about another person's religion, their customs, their worldview we begin to see the human being behind the difference.

Second: Hormat (Respect).

Respect goes one step further. It is not enough to know about someone, we must honour their dignity. Respect means acknowledging that even if someone believes, dresses, or speaks differently from us, they are equal in worth. It means giving others space to practise their faith, to voice their concerns, to live authentically without fear of discrimination or ridicule. Unity does not require uniformity but it does require decency, humility, and kindness.

Third: Terima (Accept).

Acceptance is perhaps the most difficult, but most powerful, step. It is easy to "tolerate" someone. But tolerance can sometimes mean merely putting up with someone. Acceptance, on the other hand, means fully recognising the right of others to exist and flourish alongside us. Acceptance is where true harmony lives. It is the heartbeat of national unity.

ROLE OF CIVIL SOCIETY ORGANISATIONS

“

In any diverse and pluralistic nation, the task of building and sustaining national unity cannot rest solely on the shoulders of the government. It requires the collective commitment of all layers of society.

”

Among the most critical partners in this mission are **Civil Society Organisations (CSOs)**, whose presence and influence at the grassroots level make them essential actors in shaping a more cohesive and harmonious Malaysia.

CSOs play a vital role because they are often the closest to the people. Unlike government agencies, which may operate through formal structures and procedures, CSOs engage communities in a more personal, accessible, and consistent manner. They are present in neighbourhoods, in rural areas, in urban settlements often serving

as the first point of contact for people who feel unheard or left behind. Through this close proximity, they are able to identify early signs of social tension, cultural misunderstanding, or discrimination, and intervene constructively before these issues deepen into division or conflict.

Equally important is the fact that CSOs are generally seen as trusted and neutral voices. In a society where conversations around race, religion, and identity can sometimes become sensitive or politicised, civil society can act as a credible bridge between different communities. When CSOs speak about the need for understanding and respect, they often do so with the moral authority that comes from years of non-partisan, community-driven work. This trust enables them to bring people to the same table, to foster difficult but necessary dialogue, and to mediate when disagreements arise.



Moreover, **CSOs play a critical role in complementing government efforts.** No matter how comprehensive national policies may be, there will always be gaps in implementation especially in communities that are isolated, and marginalised. CSOs help to close these gaps by being present, by listening, and by responding quickly and sensitively to local realities. Their ability to reach those at the periphery of society ensures that the message of unity is not just heard in policy statements, but lived out in everyday lives.

In short, civil society organisations are **the hands and feet of national unity at the ground level.** They amplify voices, build relationships, create safe spaces for dialogue, and hold us accountable to our values as a nation. Their work may not always make headlines, but its impact is profound and long-lasting.



Ladies and Gentlemen,

CLOSING

As we look ahead to the future of Malaysia's social fabric, the Ministry of National Unity is charting a bold and deliberate course to **reinvigorate the agenda of national unity** through a renewed emphasis on the concept of **"Negara Bangsa"**.

The Ministry is currently developing a new policy direction anchored on the concept of Negara Bangsa — a united and sovereign Malaysian nation. This vision embraces our rich diversity while uniting us through shared values, a common history, collective aspirations, and the constitutional foundations that bind us together.

We are moving beyond traditional, reactive unity campaigns towards a transformational approach that recognizes unity as a key national development priority. This approach involves aligning unity policies with sectors such as education, youth development, urban planning, and media narratives to create a cohesive and inclusive society.

As we reflect on all that has been shared tonight from the values of *faham*, *hormat*, and *terima*, to the essential role that each of us, including civil society organisations, must play in promoting unity I am reminded that harmony is not a destination, but a journey. It is a journey that requires effort, compassion, and above all, the courage to reach across boundaries with open hearts.

Let this event stand as a symbol of the harmony we continue to strive for as a nation. It is my honour to now officiate *Malam Muhibbah 2025*.

Thank You.



THE GRAND FINALE OF “LAGU KITA” – SABAH MULTICULTURAL SONGWRITING AND BAND COMPETITION

29 JUNE 2025



Salam Perpaduan and Salam Malaysia MADANI.

WELCOMING REMARKS

It is a great honour for me to address this distinguished gathering at **Grand Finale of the “LAGU KITA” – Sabah Multicultural Songwriting and Band Competition.**

I would like to express my sincere appreciation to the **Sabah Unity in Diversity Community Partners (SUIDCP), Kelab Rotary Kota Kinabalu , Society of Performing Arts Kota Kinabalu and the Ministry of Tourism, Culture and Environment Sabah** for organising this meaningful programme.

Tonight, we gather for a grand celebration of culture and creativity at the grand finale of **“Lagu Kita”**, a competition that reflects the heart and soul of **Sabah’s multicultural spirit. Through song and performance, we embrace the vibrant mosaic of our traditions, languages, and identities.**

Ladies and gentlemen,

SABAH’S DIVERSITY

Sabah is not just Malaysia’s “Land Below the Wind.” It is a land rich in stories, spirit, and diversity, a cultural tapestry unlike any other in our nation. Sabah is home to 42 distinct indigenous ethnic groups and over 200 sub-ethnic

communities, each of which preserves a unique language, heritage, and worldview. This is not just a statistic; it is a profound reflection of how deeply rooted harmony and respect for differences are in Sabah's identity.

In every corner of this beautiful state from the highlands of the interior to the coastal kampungs, we see vibrant expressions of culture, whether through traditional dress, dances, oral histories, or community rituals. **Each group, no matter how small, contributes to the rich mosaic that makes Sabah a living symbol of Malaysia's multicultural strength.**

Our multiculturalism is Malaysia's backbone. Malaysia is stronger because of its diversity. Sabah and Sarawak have provided indispensable voices to our national identity, they enrich our perspectives and amplify our global appeal. Diversity fosters innovation, creativity, and diplomacy, and helps us thrive in a globalized world.

We are more than a multi-ethnic society, we are a multicultural nation that shines as a model of harmony and mutual respect in the region. This distinctive character sets us apart as a destination for tourism, culture, and investment.

Sabah's model of multicultural coexistence should serve as a national inspiration. **I urge federal and state bodies to promote cultural exchanges, inter-state arts tours, and national multicultural festivals.** Together, we can deepen the ties that bind us as Malaysians.

Ladies and gentlemen,

"LAGU KITA" – SABAH MULTICULTURAL SONGWRITING AND BAND COMPETITION

“

**In tonight's competition, music serves
as our universal language, a bridge
across languages, faiths, and customs.
Unity requires more than coexistence; it
demands mutual understanding, respect,
and acceptance.**

”

When a Kadazan-Dusun melody blends seamlessly with a Bajau beat, we do not just hear instruments, we hear unity in action.

I understand that **LAGU KITA** was first conceived in June 2024 with the noble aim of celebrating Sabah's rich cultural diversity and empowering young talents through the creation of original music. Recognising the value and potential of this initiative, my Ministry was pleased to support it with a grant of RM30,000. All of you are more than just performers you are storytellers, custodians of culture, and ambassadors of unity. Through your songs, you do more than deliver rhythm and melody; you give voice to the dreams, struggles, and rich heritage of Sabah's diverse communities.

To the young people and performers gathered here today, you are the

heartbeat of our nation. Your creativity is not only a talent, but a responsibility. Use it to tell your story. Use it to honour those who came before you. Use it to inspire a more inclusive, harmonious, and hopeful Malaysia.

In this era of rapid change and global influence, **I encourage you to stay rooted in your identity. Learn your mother tongue. Embrace your traditions. Let your heritage be the soul of your art.** But do not be afraid to innovate blend the old with the new, marry traditional instruments with contemporary sounds.

Most importantly, use your music to unite, not divide. To heal, not to hurt. To connect, not to conquer.

The Ministry of National Unity stands ready to support platforms that uplift your voices, your talents, and your dreams. We believe in you.





Ladies and gentlemen,

CONCLUSION

To the finalists: Congratulations. By sharing your creativity and heritage, you have enriched all of us. To the audience: Let tonight be more than a spectacle. Let every note and lyric remind you of unity. Become ambassadors of unity in your communities through music, dialogue, and compassion.

Let Sabah continue to lead as a beacon of harmony. Let us renew our pledge to uphold unity in diversity not only tonight, but every day. May “Lagu Kita” be a clarion call to all Malaysians: In our differences, we find strength; in our unity, we find purpose.

Thank You.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA